



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 26 NOVEMBER 2013 [ SELASA ]**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
**(Timbalan Speaker Dewan Negeri)**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib (Taman Templer)  
Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Chin Cheh (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak  
S.M.S., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)  
Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)

### **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Kusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

### **TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini binti Darmin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Mazian binti Manan  
**Penolong Setiausaha**

Puan Noor Diana binti Razali  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

Encik Ismail bin Habib  
**Bentara**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Encik Ahmad Hafizan bin Yusoff  
**Pelapor Perbahasan**

[ Dewan disambung semula ]

[ Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat ]

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabaraktuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada hari yang ke enam 26 November 2013 dimulakan dengan bacaan doa.

#### I. DOA

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

#### II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi semua Ahli Yang Berhormat. Soalan yang seterusnya. Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFEI:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.* Selamat sejahtera Tuan Speaker, soalan No. 75.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BN HAJI SHAFEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK: PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DI SEKSYEN 26 SHAH ALAM**

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berikan perincian jumlah sebenar rumah yang telah didiami rakyat di semua blok dan berapa unit rumah yang telah dikategorikan sebagai rosak?
- b) Kenapakah lif di semua blok dibiarkan terus rosak tanpa dibaiki walaupun aduan telah lama dibuat dan nyatakan jadual selenggaraan lif di semua blok.
- c) Siapakah yang melakukan penyelenggaraan di bangunan dan kawasan sekitar kerana kawasan ini kelihatan tamat tidak terurus.

**TUAN SPEAKER:** Ya, saya silakan seorang ahli mesyuarat EXCO untuk jawab soalan 75.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Puan Speaker. untuk makluman Yang Berhormat, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kg. Baru HICOM merupakan projek perumahan awam yang dibangunkan di atas tanah Kerajaan Negeri di bawah peruntukan Yayasan Perumahan Untuk Termiskin (YPUT) untuk dijadikan penempatan sementara bagi program penyelesaian peneroka bandar dan juga disewakan kepada golongan berpendapatan rendah. PPR Kg. Baru HICOM yang mempunyai 980 unit rumah terdiri daripada 3 blok telah mula diduduki oleh 811 keluarga Peneroka Bandar Kg. Rimba Jaya pada tahun 2005.

Sehingga kini 869 unit rumah di PPR ini diduduki oleh 239 keluarga Peneroka Bandar Kg. Rimba Jaya dan 630 penyewa orang awam. Daripada jumlah keseluruhan unit tersebut 106 unit telah dikenal pasti rosak setelah dikosongkan oleh penghuni terdahulu dan tidak dapat disewakan kepada orang awam sehingga kerja-kerja baik pulih dilaksanakan pada tahun 2014.

Untuk makluman Yang Berhormat, PPR Kg. Baru HICOM mempunyai 3 unit lif di setiap blok dan jumlah keseluruhan lif adalah sebanyak 9 unit. Kerja-kerja baik pulih secara menyeluruh telah dilaksanakan pada tahun 2012 dan penyelenggaraan bulanan dilaksanakan pada setiap bulan. Walau bagaimanapun, dengan kadar penggunaan lif yang tinggi disebabkan penghuni PPR Kg. Baru HICOM semakin bertambah dan cara penggunaan lif yang tidak berhemah menyebabkan sering kali berlaku kerosakan. Bagi tahun 2013, kerja-kerja baik pulih lif yang rosak telah dilaksanakan pada bulan Mei 2013 walau bagaimanapun, pada bulan Ogos 2013 berlaku lagi kerosakan dan telah di baik pulih sepenuhnya. Malangnya pada bulan September 2013 lif tersebut dilaporkan kembali rosak dan berlaku kecurian peralatan lif di motor *room* lif Blok C. Kerja-kerja baik pulih masih dalam proses perolehan untuk dilaksanakan.

Syarikat Muhamad Ridzuan Enterprise (MRE) telah dilantik secara kontrak sebagai pengurus harta bagi menjalankan kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan bangunan di PPR Kg. Baru HICOM. MRE ditugaskan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di dalam kawasan PPR Kg. Baru HICOM termasuk kawasan harta bersama. Walau bagaimanapun disebabkan pertambahan penyewa di PPR maka wujud pertambahan jumlah kenderaan sehingga tidak dapat menampung tempat letak kereta sedia ada. Bagi membolehkan PPR ini lebih teratur dan tersusun, kerja-kerja menaik tarafkan kawasan awam akan dilaksanakan pada tahun 2014 dan pemantauan secara rapi ke atas kontraktor yang dilantik akan dilaksanakan bagi memastikan penyelenggaraan bangunan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZUHDI:** Puan Speaker, soalan 76.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZUHDI  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK: TABUNG PENDIDIKAN ANAK-ANAK PEKERJA LADANG**

76. Tabung ini merupakan skim merakyatkan ekonomi yang masih dijalankan bagi tahun 2013.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah tabung ini akan berterusan kekal sehingga menjelang PRU14 nanti?
- b) Adakah dana peruntukkan RM2 juta dimanfaatkan sepenuhnya dan nyatakan peruntukan baru bagi memastikan kelangsungan tabung ini pada masa akan datang?
- c) Berapakah jumlah penerima manfaat yang sudah menamatkan pengajian serta kawasan DUN mereka dan adakah mereka ditawarkan pekerjaan? Memandangkan inisiatif ini sudah bermula sejak dari tahun 2008.

**Y.B. TUAN GANABETIRAU A/L VERAMAN:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Y.B. Sg. Panjang. Isu yang telah dibangkitkan ialah tentang Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang. Bagi soalan pertama, Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang diasaskan dari tahun 2007. Tabung ini telah mula berfungsi sepenuhnya pada tahun 2008 dan ianya masih kekal sehingga kini. Maka Tabung ini akan berterusan selagi ianya memberi manfaat kepada rakyat terutamanya anak-anak pekerja ladang.

Bagi soalan kedua, Peruntukan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang ini digunakan sepenuhnya dalam membantu anak-anak pekerja ladang dari aspek pendidikan seperti berikut:-

- i) Bantuan yuran pengajian bagi pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta;
- ii) Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah bagi yang berkelayakan;



- iii) Bantuan infrastruktur sekolah di ladang; dan
- iv) Program-program pembangunan pendidikan anak-anak pekerja ladang.

Bagi soalan ketiga, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang akan mengadakan program perjumpaan dengan penerima-penerima yang mendapat manfaat daripada tabung ini untuk tujuan maklum balas terutamanya kesan daripada tabung ini.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD:** Apakah penambahbaikan yang bakal dilakukan pada masa depan dan juga apakah status kejayaannya sehingga kini?

**Y.B. TUAN GANABETIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Y.B. Sg. Panjang. Tuan Speaker, seperti yang tadi saya maklumkan ada sebanyak empat jenis bantuan yang diperuntukkan yang dalam membantu anak-anak pekerja ladang. Memang ada rancangan telah dibuat. Kita telah mengadakan satu *retreat* bagi membincang dan bersama Profesor-profesor daripada beberapa universiti dan juga dengan NGO-NGO yang berkaitan. Kami sedang merancang untuk pembaikan atau penambahbaikan program-program yang sebenar-benarnya untuk dapat membantu anak-anak pekerja ladang ini dalam menimba ilmu yang lebih baik dan akan kita laksanakan dalam tahun 2014 apabila kita dapat sepenuhnya dapat dirancang. Masih lagi dalam rancangan sekarang. Program yang sedang dijalankan adalah program-program setelah saya *mention* tadi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Apakah rancangan kerajaan bagi memastikan bahawa asrama anak pekerja ladang ini dapat dilaksanakan dengan segera?

**Y.B. TUAN GANABETIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Kota Anggerik. Tuan Speaker, asrama pekerja ladang telah dirancang oleh kerajaan negeri di Ijok *Cofield* memang telah pun dirancang oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Rancangan masih lagi dalam perbincangan isu berkenaan dengan tanah dan juga perbelanjaan akan dimaklumkan kelak selepas kita dapat menemui kata putus dalam perbincangan tanah ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Puan Speaker. Yang Berhormat EXCO, saya ingin bertanya mengenai berapa ramaikah peserta-peserta yang telah dapat manfaat daripada skim ataupun pelaksanaan program kerajaan prihatin ini. Kemudian sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai setakat ini.

**Y.B. TUAN GANABETIRAU A/L VERAMAN:** Tanjung Sepat. Bagi bantuan biasiswa iaitu *one off* bagi anak-anak pekerja ladang sehingga 2008 sehingga 2013 seramai 25 pelajar telah mendapat manfaat dan juga kita telah menggunakan bantuan ini kepada program kemahiran teknikal di Kolej INPENS di mana sehingga 2013 seramai 397 pelajar telah mendapat manfaat dan program yang bagi kelas tambahan untuk memajukan penambahbaikan pendidikan di Sekolah Tamil sebanyak 30 sekolah telah terlibat di kawasan ladang dan untuk program peningkatan pelajaran anak-anak pekerja ladang seramai 289 program telah dijalankan daripada 2008 hingga 2013. Bagi subsidi tambang bas sekolah pula sehingga 2013 seramai 1,623 pelajar, tahun-tahun kalau kita kira begitu, total keseluruhannya 1,623 pelajar telah mendapat manfaat. Bagi hadiah kecemerlangan UPSR yang tidak dilakukan sebelum ini, seramai 2,046 pelajar telah mendapat manfaat. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Puan Speaker soalan No. 77.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN HAJI ABDUL TALIB  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK: PEMBANGUNAN PERUMAHAN BUKIT BOTAK**

77. Penempatan semula setinggan Bukit Botak, Selayang telah berjaya diselesaikan melalui pembangunan semula perumahan Bukit Botak bagi kelompok yang pertama, walau bagaimanapun masih ada fasa pembangunan rumah kos rendah yang terbengkalai:-

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa ramai setinggan Bukit Botak di kawasan rumah kos rendah yang terbengkalai?
- b) Apakah perancangan kerajaan negeri bagi menyelesaikan pembangunan perumahan kos rendah setinggan Bukit Botak yang terbengkalai ini?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh...Bismillahir Rahmanir Rahim.* Salam sejahtera, terima kasih kepada Taman Templer. Kita tahu bahawa Projek Perumahan Bukit Botak yang merupakan beberapa fasa yang pertamanya adalah rumah berkembar yang telah siap sebanyak 1,422 unit. Tetapi terdapat rumah kos rendah yang di bawah pemaju yang lama yang masih belum lagi disiapkan yang masih terbengkalai dan sekarang ini tahap persiapan atau pun telah siap lebih kurang 70 peratus. Terdapat 6 blok disitu dan ianya adalah untuk menempatkan mereka daripada Kg. Bukit Botak ataupun sekarang ini dinamakan sebagai Selayang Mutiara yang tidak cukup tempat ataupun tidak cukup dia punya penempatan tinggal disitu. Mereka yang telah duduk sebelum 1998 akan diberikan rumah berkembar tetapi mereka yang selepas itu akan diberikan rumah kos rendah. Disitu ada 6 blok, ada 500 unit untuk mereka yang tidak layak. Sekarang ini terdapat beberapa perancangan tetapi apa yang nyata adalah kita telah mendapat maklumat daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa ini dalam senarai pemulihan (KPKT) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri tengah sedang memikirkan cara untuk menyelesaikannya. Walau bagaimanapun kami akan bertemu dengan Kerajaan Negeri dan pihak KPKT dulu untuk melihatkan apakah perancangan KPKT untuk menyelesaikan perumahan ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BNIN HAJI SHAFIEI:** Terima kasih Puan Speaker. Berhubung dengan penempatan semula setinggan-setinggan ini yang dipindahkan daripada kawasan-kawasan yang telah pun dibangunkan kita dapati bahawa pengurusan terutama sekali di kawasan projek perumahan rakyat, contohnya di PPR Kg. Baru HICOM tidak begitu baik dan terurus. Jadi apakah kerajaan negeri mempunyai satu rancangan untuk menaik taraf supaya jurang sosial di antara PPR ini dengan kawasan perumahan lain dapat dikurangkan? Terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Dia terdapat dua apabila dilaksanakan polisi sifar pada 2005 ada di antara mereka yang telah dipindahkan ataupun diberikan ditawarkan rumah untuk dibeli terus dengan harga RM35,000.00 mereka ini duduk di rumah-rumah kos rendah yang bilik mereka sendiri dan juga ada mereka yang masih

tinggal di BPR atau sepertimana kita tahu bahawa ada tiga PPR yang diduduki iaitu di Lembah Subang, di Kota Damansara dan juga di kawasan Yang Berhormat iaitu PPR HICOM. Apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi Rumah Kos Rendah peneroka-peneroka bandar yang lain kita telah melaksanakan atau pun menawarkan program ceria untuk membaik pulih tetapi bagi rumah-rumah di kawasan BPR yang ditadbir sama ada oleh Kerajaan Negeri melalui Perumahan Hartanah Negeri Selangor di Lembah Sungai melalui Pengurusan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd iaitu di Kota Damansara dan juga oleh Lembaga Perumahan secara langsung iaitu di PPR HICOM. Jadi Kerajaan Negeri sebenar telah membelanjakan begitu banyak peruntukan sama ada membaik pulih lif atau pun tangki air atau pun persekitaran PPR-PPR tersebut. Jadi bermakna bahawa seperti yang ditanya memang ada peruntukan untuk kita baik pulih. Contohnya BPR-BPR Kota Damansara sahaja kita dah habis lebih kurang dalam tahun 2011 dekat lebih kurang RM1 juta untuk membaiki lif dan ini kita tidak meminta daripada penduduk untuk membayarnya Kerajaan sendiri akan membayarnya. Jadi untuk menjawab soalan Yang Berhormat bahawa memang ada program dan kita mohonlah supaya memang selain daripada Kerajaan Negeri sendiri yang melihat apa-apa keperluan juga kita akan daripada masa ke semasa melihat apakah keperluan-keperluan. Dan juga masalah syarikat pengurusan juga menjadi penelitian-penelitian juga kita teliti daripada masa ke semasa. Contohnya di HICOM iaitu Syarikat MRE itu Enterprise, Ridzuan Enterprise kita lantik daripada 2011 Oktober 2011 dan kontraknya adalah daripada 2013 sepatutnya sudah habis dan sudah ditambah untuk satu tahun lagi sehingga 2014. Walau bagaimanapun, sekiranya ada masalah Kerajaan Negeri tidak akan teragak-agak untuk membatalkan mana-mana Syarikat Pengurusan yang tidak menjalankan tugas. Menjawab soalan asal memang ada peruntukan Kerajaan Negeri akan turunkan peruntukan dan kita tak minta balik daripada penyewa-penyewa. Memang mereka tidak akan dikenakan apa bayaran kecuali bayaran sewa mereka. Terima kasih.

**TUAN SPEKAER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan 78.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK : UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan jumlah hutang terkumpul UNISEL dari 2008 ke-2013.

- b) Apakah sebabnya peningkatan hutang terkumpul?
- c) Adakah Kerajaan Negeri akan menggunakan wang rakyat untuk menanggung hutang UNISEL?

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada Damansara Utama. *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum* selamat sejahtera. Damansara Utama mahu bertanya tentang jumlah hutang terkumpul UNISEL dari 2008 ke-2013. Dia ada dua jenis hutang terkumpul, jumlah terhutang kepada Kerajaan Negeri daripada

2008	-	RM86,867,500.00
2009	-	RM81,867,500.00
2010	-	RM81,867,500.00
2011	-	RM46,541,500.00
2012	-	RM44,060,001.00

Jangkaan untuk 2013 RM41,857,001 dan saya pun di sini sebenar pun perbezaan ketara pada 2010 dan 2011 adalah disebabkan pada 4 November 2011, Syarikat telah memeterai perjanjian tambahan dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk menstrukturkan semula amaun yang perlu dibayar kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Hutang jangka panjang baid's untuk

2008	-	RM227,438,131.00
2009	-	RM254,925,522.00
2010	-	RM253,135,429.00
2011	-	RM250.443.445.00
2012	-	RM230,683,584.00

Jangkaan untuk 2013 RM219,149,405.0 dan saya nak sebutkan di sini juga pada 14 Januari 2013 Syarikat telah memeterai perjanjian dengan Jana Niaga Sdn Bhd. (Jana Niaga) di mana Syarikat bersetuju untuk melibatkan Jana Niaga dalam mereka bentuk, membina, melengkapkan, menyenggara dan menguruskan kemudahan penginapan bagi pelajar-pelajar dan kakitangan di Batang Berjuntai atau sekarang panggil Bestari Jaya. Kampus utama untuk tempoh konsesi selama 20 tahun, bermula 31 Mac 2008 hingga 2024.

Kedua apakah sebab peningkatan hutang terkumpul? Jumlah hutang Kepada Kerajaan Negeri yang terkumpul sebab penurunan hutang terkumpul bagi data di atas adalah berkaitan dengan bayaran yang diklasifikasikan sebagai tanggungan semasa bukannya peningkatan Yang Berhormat dia pengurangan dan hutang jangka panjang baid's juga perbezaan dari tahun ke tahun tersebut adalah bayaran diklasifikasikan sebagai perbelanjaan faedah tertunda atau pun *defer interest expense*

Damansara Utama juga bertanya adakah Kerajaan Negeri akan menggunakan wang rakyat untuk menanggung hutang UNISEL? Yang kita kena faham di sini Yang Berhormat di mana inilah di antara warisan yang perlu di selesaikan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat apabila kita mengambil alih 2008 masalah yang telah dikemukakan kita lihat ini adalah hasil daripada hutang yang dimulakan untuk pembinaan Kampus UNISEL dan operasinya begitu mahal kerana masalah pembinaan sendiri tidak mengikut aspek dan banyak perkara yang perlu diselesaikan. Dan oleh kerana itu memang Kerajaan Negeri akan menggunakan wang untuk membantu UNISEL untuk membayar hutangnya tetapi ini adalah hutang yang diperlukan untuk memastikan CAPEX atau infrastruktur universiti itu dijaga dalam keadaan kualiti yang terbaik. OPEX boleh masih ditanggung oleh Universiti Selangor. Maknanya di antara yang perlu ditanggung oleh Kerajaan sekarang ini ialah membaik pulih sistem kumbahan asrama dan fasiliti universiti yang seperti yang disebutkan semalam oleh Y.B. Pelabuan Kelang.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Adakah yang apa yang di RM40 juta dan RM20 juta untuk baik pulih itu bersamaan atau pun tanggungan yang tambahan daripada apa yang dinyatakan di muka surat 84 yang PIYS RM17 juta yang itu. Soalan kedua kenapa baik pulih kerja baik pulih ditanggung oleh Kerajaan Negeri apabila kita ada kontraktor Jana Niaga Sdn Bhd yang kita *sign* konsesi itu. Saya anggap mereka yang bertanggungjawab untuk membaik pulih infrastruktur UNISEL. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Damansara Utama. Pertamanya UNISEL telah pun membatalkan kontrak itu kerana kontrak itu *logged sided* tidak menyebelahi UNISEL. Yang keduanya memang kalau ikut kontrak itu sepatutnya mereka menyelenggarakan tapi mereka gagal menyelenggarakan dengan spesifikasi yang terbaik untuk memastikan keadaan suasana kondusif asrama tersebut untuk diduduki oleh pelajar. Yang kedua RM12 juta itu adalah untuk seperti yang saya sebutkan itu untuk membaik pulih sistem kumbahan asrama yang sebelum ini tidak berfungsi maka kita baru mendapatkan satu apa sekarang ini *update* terpaksa daripada Ketua Audit Negara pendapatannya adalah masalah ini menyebabkan asrama itu di

sebut dengan izin *unleavable* tidak apa. Kita mendapatkan laporan daripada JKR strukturnya baik tetapi oleh sebab sistem kumbahan itu tidak bagus maka pelajar tidak patut tinggal di asrama itu. Maka ini adalah masalah yang segera dan mesti diambil tindakan segera oleh Kerajaan Negeri. Dan Universiti Selangor ada duit untuk operasi untuk bayaran tenaga pelajar dan sebagainya tetapi bukan untuk perkara yang besar seperti ini kerana *this is a major* dengan izin kos yang RM17 juta, RM17 juta inilah dia untuk sistem kumbahan ini yang telah ditegur oleh Ketua-ketua Audit Negara di mana sebelum ini UNISEL di dalam kontrak itu tidak boleh masuk di dalam kawasan asrama. Walau pun kawasan asrama itu tanahnya ada di dalam kawasan UNISEL. Inilah caranya bagaimana dulu kontrak dibuat agak tuan rumah tak boleh masuk rumah sendiri. Jadi apabila keadaan agak teruk kita mendapatkan repot daripada pelajar-pelajar kita perlu pergi Mahkamah dapatkan Perintah Mahkamah untuk membenarkan UNISEL masuk melihat sendiri bersama dengan JKR dan sebagainya melihat sendiri keadaan di asrama. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Apakah tindakan Undang-undang dari segi Undang-undang yang boleh dibuat untuk menangani kontrak yang tidak adil.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Jadi ini telah pun membatalkan kontrak kontraktor tersebut dan sekarang ini Jana Niaga tengah menuntut bayaran yang telah ditanggung selama setahun. UNISEL tidak membayar kepada mereka kerana melihatkan keadaan yang tidak adil dan juga daripada segi kita melihatkan apa yang adil untuk dibayarkan kepada mereka selama ini. Jadi ini *is in the process* untuk *negotiation* dengan izin.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Rawang ingin tanya saya difahamkan ada banyak *defects* dengan izin bila masuk ke kawasan tersebut dan apakah semua ini boleh juga di *claim* balik kepada kontraktor tersebut,

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Rawang, untuk makluman Rawang apabila kita telah membatalkan kontrak itu maka sekarang ini konsultan yang telah dipilih oleh UNISEL untuk bersama-sama melihat keadaan sejauh manakah kerosakan. Sekarang ini di dalam proses penilaian dalam sebulan ini. Sudah tentulah itu akan diambil kira dalam dengan izin *negotiation* tadi untuk membayarkan

hutang kepada Jana Niaga. Yes Insya-Allah kita akan menolak daripada apa yang patut dibayar atau pun ada lagi akan dibayar kepada kontraktor tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan 79.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK: IBU TUNGGAL DI SELANGOR**

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah ibu tunggal di Selangor mengikut daerah, DUN dan Parlimen?
- b) Senaraikan bantuan / program kerajaan negeri untuk ibu tunggal di Selangor bermula 2008-2013?
- c) Senaraikan jumlah ibu tunggal yang telah menerima bantuan / program dan senaraikan mengikut daerah, Parlimen dan DUN?

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Selat Kelang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Taman Medan. Taman Medan bertanya apakah objektif pembukaan Pusat GEMS strategi yang digunakan. Penubuhan Pusat Projek Perintis Pusat Seheni Generasi Damansara Utama atau singkatannya Pusat GEMS merupakan satu inisiatif yang bagi menangani gejala sosial secara holistik dan *inclusive* yang melibatkan semua jabatan, agensi kerajaan, pimpinan masyarakat setempat duduk setempat dan usaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan. Objektif Pusat GEMS seperti berikut:-

- 1) Merupakan satu pendekatan kolaborasi yang bersinergi yang menggabungkan semua Jabatan dan Agensi Kerajaan pimpinan masyarakat setempat badan bukan kerajaan atau NGO dalam usaha menangani sosial secara menyeluruh di kawasan tersebut.
- 2) Kedua menyelaras aktiviti-aktiviti atau program generasi Damansara di kawasan tersebut secara berkala dan sistematik yang mampu menggunakan aset sedia ada atau pun izin *outsourc*e yang tidak ada di dalam kawasan



tersebut dan Pusat Sehati GEMS ini sekarang ini Pilot Projeknya adalah di kawasan yang telah dikenal pasti daripada maklumat yang kita dapat daripada PDRM, daripada ADK, Jabatan Kebajikan, Jabatan Kesihatan dan sebagainya memang tempat yang agak *hotspots* gejala sosial.

- 3) Membantu penduduk setempat secara langsung bagi mereka yang memerlukan bantuan.
- 4) Mengupaya atau pun memperdayakan penduduk di kawasan itu agar mampu menjadi Modal Insan dan bukan Insan liabiliti yang terjebak dalam segala sosial.

Dalam usaha menangani gejala sosial secara holistik di kawasan yang mempunyai pusat GEMS, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan, kita menggunakan pendekatan 5P sebagai strategi untuk memastikan kejayaan menangani gejala sosial. Melalui 5P, pendekatan ini ialah pelaksanaan pendidikan ataupun pembangunan. Kita mahu mendidik secara menyeluruh, pencegahan, pencelahan, pemulihan dan penguatkuasaan. Pelaksanaan Pelan Tindakan ini merangkumi penyelesaian masalah secara holistik iaitu pendidikan, kewangan, pentadbiran, sosial dan agama. Dan Insya-Allah saya juga mengharapkan ianya juga diambil perhatian oleh Ahli Yang Berhormat di kawasan tersebut.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Nampak gayanya Pusat GEMS ini, harapan terhadap pusat GEMS ini sangat besar. Jadi saya ingin tahu sama ada pelantikan pegawai yang mengurus pusat GEMS ini adalah seorang yang layak untuk melaksanakan 5P atau 6P yang disebutkan tadi. Sebab apa yang saya lihat di dalam kawasan saya, sebuah pusat GEMS telah dibuka tapi pegawai yang dihantar adalah seorang yang *'new B'* dengan izin dan tidak, saya nampak tidak mampu untuk memikul tanggungjawab yang telah dinyatakan tadi.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Taman Medan. Memang benar apa yang disebutkan oleh Taman Medan. Kita, setakat ini kita ada dua pusat GEMS, *one stop GEMS centre* ini. Pertamanya dekat Seri Perantau, dia agak senior, orang yang pernah menjaga *quality control* di syarikat Jepun. Dan agak tahan. Tetapi di kawasan Taman Medan ini, agak orang baru dan lebih kurang dua bulan, dia pun takut, dia pun cabut kerana masalah yang perlu diselesaikan yakni tidak selari kemampuan dia. Jadi saya mengambil maklum apa yang disebutkan oleh Taman Medan ini. Insya-Allah kita sepatutnya, sepatutnya GEMS ini adalah di bawah GEMS

Daerah. Di mana pengerusinya adalah Pegawai Daerah. Dan di bawah Pegawai Daerah itu ada Penolong Pegawai Daerah Pembangunan Sosial, dan di bawah dia adalah Penghulu. Jadi ini dia punya atur, aliran carta organisasi dia. Beliau yang berada di sana hanyalah untuk menyelaraskan jabatan yang datang di sana untuk berinteraksi dan membuat laporan dan sebagainya. Dan untuk melaporkan balik kepada GEMS Daerah. Tapi sekarang ini dia belum lagi licin seperti itu. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Rawang ingin bertanya sebab pusat ini dinampakkan lebih banyak kepada untuk menangani mungkin belia yang ada terlibat dalam gejala sosial. Tetapi bukankah lebih baik kita adakan lebih banyak pusat komuniti belia, sebagai satu cara untuk kita, belia melibatkan dalam aktiviti komuniti yang lebih sihat, daripada, difahamkan memang ada kena ada penyelesaian kepada mereka yang terlibat, tetapi daripada *beginning*, itu, dengan izin, kita wujudkan dengan satu suasana untuk mereka untuk keadaan komuniti tersebut.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Rawang. Apa yang disebutkan oleh Rawang adalah salah satu daripada 5P tersebut, iaitu pendidikan dan pembangunan, kerana sudah ada belia atau remaja atau pelajar yang menagih dadah, yang sudah ponteng, yang sudah mencuri, yang sudah bahkan berkelahi teruk. Ini perlu di apakan juga. Selain daripada pusat-pusat komuniti itu tadi untuk belia, itu adalah program pendidikan program pembangunan. Tapi mereka yang sudah terjebak, apa yang kita nak lakukan. Mereka yang sudah berdarah, apa yang perlu dilakukan. Inilah tujuan program ini bukan sahaja belianya tetapi komuniti atau dengan izin, *neighborhood* nya yang mahu dibangunkan supaya kita mahu mencegah *neighborhood* itu semakin teruk, semakin parah dan juga memulihkan *the whole neighborhood* bukan belia itu saja tetapi pimpinannya. Macam ini, di flat atau pangsapuri ini, mengikonkan belia-belia yang baik semua ini secara selari bukan satu bahagian sahaja tetapi menyeluruh. Begitu juga mereka yang mungkin diparolkan, mereka yang keluar daripada pusat serenti, belia-belia ini, apa yang harus kita lakukan. Ini semuanya ada. Sebab itu kita melibatkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan. Yang menguatkuasa, yang memulih, yang mencelah, yang buat kaunseling. Alhamdulillah juga kita ada program bersama dengan kaunselor-kaunselor yang bertauliah, yang kita akan letak, Taman Medan, belum lagi. Akan letak secara berkala untuk mereka yang ada masalah, yang tak nak pergi sekolah, bila tak nak pergi sekolah, mereka akan terjebak dengan gejala sosial.

**TUAN SPEAKER:** Jeram.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Peraturan Tetap 24(2), saya ingin mengambil soalan ini sebagai soalan saya.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, Jeram membangkitkan isu mengenai bekalan air di Selangor. Saya ingin menyatakan bahawa kita menghadapi, negeri Selangor menghadapi masalah apabila penswastaaan air ini tidak dapat di uruskan dengan cara yang dijanjikan dalam perjanjian penswastaaan air oleh SYABAS. Apa yang dijanjikan oleh SYABAS, ialah pengeluaran air yang mana hasil daripada pengeluaran air itu, dirawat dan apabila sudah dirawat, dia disalurkan kepada pengguna-pengguna. Kajian kita menunjukkan sejumlah 4,832 juta liter sehari boleh dikeluarkan oleh loji rawatan air. Untuk makluman Dewan, hanya daripada 32 loji rawatan air yang diswastakan oleh Kerajaan Negeri, 4 sahaja yang dibina oleh syarikat yang diberikan penswastaaan. Selebihnya adalah loji rawatan yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri yang diserahkan untuk kepada syarikat-syarikat tersebut. Malangnya syarikat-syarikat tersebut tidak membayar apa-apa pun untuk kegunaan loji rawatan itu. Jadi oleh sebab itu, data kita menunjukkan terdapat 4,832 juta liter yang boleh kita agihkan ialah 4,635 juta liter sehari. Dan apa yang berlaku. Bukan kesemuanya sampai kepada pengguna, sebanyak hanya 3.9 juta liter sehari aje, sampai kepada pengguna. Iaitu terdapat kebocoran, yang dipanggil *non revenue water*. Maknanya lebih daripada 30 peratus dia ni, bocor. Ataupun tidak sampai kepada pengguna. Tapi dalam perjanjian yang kita janji dengan SYABAS ialah pada 20.11, terdapat penurunan '*non revenue water*' dari 30 peratus ke-19.98 peratus ataupun 20 peratus. Tapi sekarang apa yang berlaku '*non revenue water*' bukan pada 30 peratus tetapi meningkat jadi 33 peratus. Jadi kegagalan inilah yang menyebabkan kita kekurangan, dikatakan kekurangan air terawat. Jawapan kita ialah kita mesti menyelesaikan masalah *non revenue water*'. Walau bagaimanapun kesimpulan daripada ini. Kerajaan Negeri berpendapat, SYABAS dan syarikat induknya, Puncak Niaga tidak mempunyai keupayaan, satu, dari segi pengurusan, kedua, dari segi kekuatan modal untuk menyelesaikan perkara ini. Jadi kerajaan negeri telah bersetuju sejak Januari tahun 2008, bersetuju untuk mengambil alih industri air seperti yang dimaktubkan dalam Undang-undang yang telah diluluskan, iaitu Undang-undang Industri Air, yang lebih terkenal disebut *Water Industry Act* (WASIA) untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, perkara ini sekarang sudah sampai ke peringkat akhirnya dan Kerajaan Negeri telah menawarkan kepada syarikat konsesi-konsesi air yang sudah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih syarikat-syarikat konsesi ini untuk diselesaikan masalah pengurusan air di Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya ingin bertanya soalan tambahan, pembekuan CAPEX, yang dibuat oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2009, kepada SYABAS, apakah ia memberi kesan kepada penurunan NRW dan seterusnya memandangkan Kerajaan Negeri juga memegang saham 30 peratus dalam syarikat ini, SYABAS ini, apakah bentuk-bentuk sokongan bantuan yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri sama ada berupa bantuan modal ataupun apa juga bentuk bantuan sebagai pemegang saham kepada SYABAS untuk membantu menurunkan isu NRW ini kepada tahap yang sebagaimana yang diperlukan iaitu 20 peratus.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, Puan Pengerusi. Nampaknya suara Permatang macam suara SYABAS atau pun, boleh jadi nampaknya, ha, itu satu perkara yang baik, jadi satu

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Belum dapat apa-apa bayaran

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya tak tahulah, tapi dosanya bukan sekarang. Dosa kepada rakyat tu sangat besar. (TEPUK). Jadi kita telah tunjukkan ini, kita ada perangkaan ini, sebab saya mengambil masa dua tahun dalam kerja ini. Dan kita telah memanggil, untuk pengetahuan Dewan, *international expert* suruh datang menolong kita menyelesaikan perkara ini. Dan pakar itu kita bayar oleh KDEB, untuk walaupun jika tak jadi pun, penyusunan semula air kita mesti membuat persediaan dalam perkara tersebut. Jadi Kerajaan Negeri menganggap pengurusan air ini sangat penting. Sebab dia terlibat kepada semua rakyat, tak kira kaya atau miskin, dan dia, air ialah perkara yang utama dalam kehidupan rakyat. Itu sebab apabila saya mengesyorkan untuk memberikan air percuma hanya setakat 20 meter padu kepada rakyat Selangor, EXCO dan rakan-rakan Pakatan Rakyat semua bersetuju kerana itu adalah hak rakyat. Jadi untuk ini, saya nak tunjukkan kegagalan SYABAS, dalam menurunkan '*non revenue water*'. Jadi SYABAS dalam perjanjian mengatakan dia boleh turunkan dengan perbelanjaan RM784 juta. Apa pencapaian sebenarnya. SYABAS menggunakan dana RM1,169 juta dan NRW nya bukan turun ke-19.9, tapi naik kepada 33 peratus. Jadi nampaknya bukan menolong, kemudian duitnya datang dari mana. Duit SYABAS ini datang daripada Kerajaan Persekutuan. SYABAS mempunyai kabel yang besar untuk dapat RM500 juta. Yang kita bangkitkan dalam Parlimen dengan faedah tidak dibayar selama 5 tahun awal. Selepas itu baru kiraan. Dan, kalau itulah Kerajaan Persekutuan bagi kepada rakyat, rakyat Selangor, baik rakyat Selangor sendiri yang mendapatinya. Jadi, sebab itulah kita memberitahu.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker, saya minta izinlah.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh. Terima kasih. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, isu pembekuan *CAPEX* ini merupakan isu yang pokok apabila diarah pembekuan SYABAS ini di dalam konsesi ini sepatutnya mengganti 5000 atau 8000 kilometer paip air yang mengalami kerosakan ataupun yang sudah lama. Tetapi pembukaan *CAPEX* menyebabkan hanya SYABAS dapat melaksanakan 800 kilometer air. Jadi saya bertanya tadi, iaitu apa kesannya pembekuan *CAPEX* ini? Sebab kalau *CAPEX* dibenarkan apa ini pun, penukaran paip-paip lama ini masih berjalan NRW dapat diturunkan. Kedua, berhubung dengan isu RM600 juta pinjaman *soft loan* daripada Kerajaan *Federal* kepada SYABAS, ia merupa bukan pinjaman yang sebegitu dalam RM600 juta sebab ia di selaras oleh pihak SPAN oleh pihak *progress*, di mana ada pembangunan, di mana ada kemajuan dibuat baru SPAN memberi kebenaran. Tidak diberi dalam bentuk *one mark* terus RM1 juta. Saya ingat ini sangkaan yang tidak tepat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Jadi ia bukan merupakan pinjaman *soft loan* RM600 juta, ia diberi berperingkat berdasarkan kemajuan. SPAN sebagai apa ini, apa ini sebagai agensi.

**TUAN SPEAKER:** Permatang. Soalannya.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Berkenaan *CAPEX* tadi, saya ingat kita *straight forward* kepada *CAPEX*, bagaimana pembekuan itu menyebabkan NRW tidak dapat ditubuhkan kerana penukaran paip air tidak dapat dibuat dengan jumlah sepatutnya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih. Saya ingat bagus juga perkara ini direkodkan dalam *hansard*. Satu perkara yang jelas oleh Yang Berhormat daripada Permatang. Perkara ini sudah dibincangkan sejak tahun 2006 lagi. 2006 yang menyebabkan Kerajaan Persekutuan di bawah jagaan mendiang Tun Lim Kim Yeik mengatakan bahawa SYABAS tidak mempunyai keupayaan sebab dia telah buat perjanjian. Perjanjian itu menunjukkan dia kena betulkan paip tapi dia jumpa kerajaan, dia cakap 'paip terlalu panjang' dan kemudian kerajaan kata "kita tender", apa jadi? Permatang tidak menyebut ada krisis ada tender paip. Siapa yang mengambil tender untuk pembaikan paip? Dan, dikatakan paip datang daripada Indonesia. Disemak, rupanya paip datangnya daripada Puncak Niaga. Saya tidak hendak menyebut perkara ini hingga Permatang hendak sebut baru saya sebut, menceritakan itu bukan hal saya. Jadi, saya tidak hendak menambahkan dosa lagi. Jadi oleh sebab itulah saya tengok. Dan, keputusan ini sudah dibuat oleh Barisan Nasional sendiri pada 2006. Saya tidak hendak bincang perkara ini lagi, sebab saudara hendak untuk penjelasan apa semua, UPEN dari negeri Selangor akan bersedia memanggil semua ahli dewan untuk diterangkan perkara ini. Saudara pun boleh dan perkara ini pun bukan, ini soal jawab, memakan masa yang banyak. Dan tugas negeri sekarang ialah menyelesaikan masalah penyusunan air ini. Negeri sudah bersetuju untuk mengambil alih dan saya

akan bawa rakyat negeri Selangor untuk menentang siapa yang tidak memberikan kita menguasai aset air negeri ini. Itu sahaja.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda, soalan tambahan terakhir.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Puan Speaker, saya tidak bercakap untuk mewakili SYABAS Dato' Menteri Besar, ini penting. Soalan saya adalah berkenaan dengan aduan daripada penduduk dan juga kontraktor-kontraktor yang mana mereka mengadu lambatnya pihak SYABAS mengulas, ulasan teknikal, sehingga menyebabkan PBT gagal untuk mengeluarkan CCC. Sebagai contoh perumahan kos rendah, yang kita cukup prihatin tentang masalah ini di Taman Alam Impian, kawasan di bawah Seksyen 36 Shah Alam tidak dapat CCC walaupun projek sudah siap 6 bulan. Apakah Kerajaan Negeri tidak mahu *step in* (dengan izin) dengan lebih lanjut supaya projek-projek ini tidak terbengkalai dengan lebih lama dan berikan kemudahan kepada rakyat. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Sri Muda. Kita tidak. Oleh sebab perjanjian Kerajaan Negeri tidak boleh terus *step in*, kalau *step in* itu hanya apabila perjanjian itu dimansuhkan seperti yang diceritakan oleh Yang Berhormat Selat Klang untuk kes di UNISEL. Ini kes hampir serupa, bencana-bencana ini bukan dibuat oleh kerajaan pemerintahan pentadbiran kerajaan sekarang. Ini yang lepas. Jadi kita selesaikan. Ketua Audit Negara telah menunjukkan kepada kita, telah ada audit. Audit mengenai kontrak-kontrak ini. Audit menunjukkan kos kontrak ini sangat terbaik. Orang yang mendapat kontrak ini mendapat keuntungan sekurang-kurangnya 30% daripada kontrak ini. Kalau biasanya, dalam syarikat biasa kurang daripada, tidak lebih daripada 8% jadi oleh sebab kontrak dalam keadaan ini terdapat perkongsian keuntungan, jadi, boleh jadi kontraktor itu lambat berkongsi untung kepada sesiapa yang memberikan kontrak jadi oleh sebab itulah keadaan ini berlaku. Dan kita akan memansuhkan cara kontrak-kontrak ini dan membuatnya dengan lebih *transparent* dan lebih mantap. Jadi, usaha ini berterusan dan satu Jawatankuasa yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri yang mengadakan perjumpaan setiap hari untuk memantau tentang kondensasi pembekalan di negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan ke-82.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK : CADANGAN LALUAN PENCAWANG ELEKTRIK TNB DAN  
LEBUHRAYA SUKE**

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan negeri telah melantik pakar untuk mengkaji dan melengkapkan laporan berkenaan cadangan laluan bagi pencawang elektrik TNB dan lebuh raya SUKE yang melalui kawasan sekitar Zon 24 MPAJ dengan populasi penduduk lebih 25,000 yang dicadangkan oleh penduduk dan 1 lagi dicadangkan oleh pihak TNB?
- b) Bilakah Kerajaan Negeri akan menyiapkan laporan bagi 1(a) dan kemukakan kepada orang awam?

**Y.B. TUAN D. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Puan Speaker, Teratai bertanya berkaitan pencawang laluan elektrik TNB dan Lebuh raya SUKE. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 9 Disember 2011 telah memuktamadkan penggunaan jajaran yang melalui cerun bukit atau rizab hutan berdasarkan kepada laporan kajian terperinci yang telah dilakukan oleh pihak Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM). IKRAM adalah sebuah badan yang mempunyai kepakaran dalam membuat kajian berkaitan kejuruteraan geoteknik, struktur dan bahan, pengangkutan, pengurusan aset dan pembinaan serta kestabilan cerun. Pihak IKRAM telah dilantik sebagai perunding bebas bagi membuat kajian geoteknik penilaian cerun di Bukit Sungai Puteh Tambahan bermula bulan Januari 2010 hingga Mei 2010.

Kesimpulan daripada kajian tersebut, pihak IKRAM telah mendapati bahawa *factors of safety* (FOS) cerun sedia ada adalah terletak di antara 1.2 hingga 1.4 menepati piawaian terbaik antarabangsa iaitu *geotechnical Engineering Office* (GEO) di Hong Kong. Selain daripada itu, pihak IKRAM juga memaklumkan bahawa kestabilan cerun akan meningkat kepada FOS 1.5 dengan kaedah penggunaan *hand-dug caisson* dan struktur pencawang dipasak ke '*bed-rock*'. Walau bagaimanapun, pemeriksaan dan penyelenggaraan cerun yang berkala perlu dilakukan bagi memastikan kestabilan cerun kekal untuk jangka masa panjang.

Kerajaan Negeri sentiasa mengadakan sesi perjumpaan bersama penduduk setempat melalui agensi kerajaan negeri yang terlibat dalam proses memuktamadkan jajaran

elektrik untuk memastikan bekalan elektrik dapat memenuhi permintaan selaras dengan pembangunan semasa dan pertambahan penduduk yang semakin meningkat di Lembah Klang.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih. Mengikut keratan surat khabar yang bertarikh 15hb. Februari 2012, Kerajaan Selangor bersetuju untuk melantik pakar bebas dalam mengkaji laporan *impact* atau kesan dengan pemasangan pencawang elektrik TNB di sekitar kawasan.

**TUAN SPEAKER:** Soalannya.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Saya hendak tanya. Terima kasih Puan Speaker. Bilakah laporan itu akan dikemukakan dan membenarkan orang awam penduduk Bukit Jasa Hartamas meneliti dan membacanya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN D. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Saya kira perunding yang kita lantik atau IKRAM sendiri akan membuat kajian. Saya kira laporan ini boleh melalui agensi Kerajaan Negeri MPAJ akan dikemukakan kepada orang awam dan sebagainya. Walaupun saya lihat ada sebahagian laporan telah ada kemuktamadan di dalam cadangan laluan kepada bagi pencawang elektrik TNB. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Puan Speaker, soalan 83.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI  
(BATU CAVES)**

**TAJUK : TABUNG BENCANA KERAJAAN NEGERI**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini tabung bencana kerajaan negeri yang dilancarkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar yang lalu?



- b) Apakah bentuk bencana yang disalurkan?
- c) Mengapa banjir kilat tidak boleh dikategorikan sebagai bencana sedangkan kesan dan akibat adalah sama seperti banjir kekal?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Batu Caves kerana membangkitkan isu tabung bencana kerajaan negeri tetapi tabung bencana kerajaan negeri kita lancarkan pada 12 Julai 2011. Ini adalah diwujudkan di bawah Enakmen Tabung Amanah Bencana Alam yang kita telah tubuhkan supaya tabung ini melalui, mendapatkan peruntukkan ataupun suntikan dana daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM50 juta. Peruntukan peruntukan ini disalurkan secara berperingkat dan dalam lima tahun bermula 2011 jumlahnya akan sampai kepada RM50 juta. Sehingga kini peruntukan terkumpul yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri ialah sebanyak 30 juta. Bakinya RM20 juta akan kita salurkan dari setahun ke setahun dan pada 2015 dia akan mencapai jumlah RM50 juta, 2 jenis tabung ini. Dan soalan yang kedua ialah bentuk bencana mana yang boleh disalurkan, satu membantu kerja-kerja menyelamatkan, kedua membiayai bantuan kewangan, meringankan beban-beban mangsa, membayar penyediaan makanan dan minuman kepada mangsa-mangsa, membuat rekomen kepada tabung bencana dan kadar bantuan itu tersebut ialah kalau mangsa banjir, tanah runtuh dan ribut RM500.00 sekeluarga, mangsa kebakaran, musnah RM500.00, musnah sebahagian RM200.00, waris kepada bencana yang meninggal dunia ialah RM1,000.00. Kajian kita menunjukkan ini akan di perbahasan lagi, banjir tidak kita masukkan dalam program ini sebab ia berlaku terlalu kerap dan kita kena buat peruntukan berasingan dalam usaha itu. Banjir kita berlaku dalam tempoh-tempoh tertentu tetapi jawapan kita ialah membuat peruntukan pembangunan untuk menyelesaikan masalah ini dan bukan jawapan ialah bukan 50 juta tapi beratus juta itu sebab kita tidak masukkan dalam rangka penggunaan dana ini.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Rawang ingin bertanya sama ada tabung bencana alam ini adalah satu peruntukan tambahan daripada apa yang disalurkan oleh JKM kalau ada berlaku bencana alam, kebakaran dan sebagainya. Sebab jumlah yang diberi itu adalah berbeza untuk JKM dan untuk tabung bencana alam ini.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Jawapannya ialah tambahan dan kita akan gunakan apabila proses yang awal itu tidak mencukupi.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan Puan speaker boleh tanya lagi.

**TUAN SPEAKER:** Ringkaskan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin tahu mekanisme penyalurannya macam mana, sama ada melalui JKM ataupun kita ada struktur tertentu yang boleh mempercepatkan penyalurannya tersebut.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Mengikut prosedurnya perbelanjaan yang ditetapkan adalah oleh Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Daerah yang di bawah kelolaan Pegawai Daerah dan di bawah jagaan Pegawai Kewangan Negeri.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BT BOHAN:** Terima kasih soalan nombor 84.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPAD  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BT BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: PENYAKIT KENCING TIKUS (LEPTOSPIROSIS)**

84. Masalah kekotoran merupakan salah satu punca berlakunya penyakit kencing tikus(leptospirosis).

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- a) Senaraikan mengikut daerah laporan berlakunya kes penyakit kencing tikus?
- b) Berapakah bilangan premis perniagaan yang disita sejak tahun 2008 sehingga kini dan senaraikan mengikut PBT?
- c) Apakah tindakan yang dikenakan kepada premis perniagaan sekiranya berlaku saman berulang atas kesalahan yang sama?

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DOROYAH BT ALWI:** Terima kasih kota Damansara, Puan Speaker Kota Daman sara ingin tahu tentang penyakit kencing tikus. Status Leptospirosis bagi tahun 2013. Jumlah kes Leptospirosis yang dilaporkan pada tahun ini sehingga Oktober 2013 adalah sebanyak 134 kes dengan 7 kematian dan bilangan kes ini mengikut daerah adalah seperti berikut: Gombak 2012 - 15 kes, 2013 – 8, Hulu Langat 2012 – 15 kes, 2013 – 36, Hulu Selangor 2012 – 33 kes dan 2013 – 24, Klang 2012 -21

kes dan 2013 -7, Kuala Langat 2012 – 15 kes dan tiada 2013, Kuala Selangor 2012 – 4 kes, 2013 – 1, Petaling Jaya 2012 – 24 kes dan 2013 -32 kes, Sabak Bernam 2012 – 27 kes dan 14 pada 2013, Sepang 2012 - tiada 12 kes pada 2013. Jumlah keseluruhan kes adalah sebanyak 154 kes pada 2012 dan 134 sehingga Oktober ini sebanyak 134 kes dan 7 kes kematian.

Analisa ke atas faktor risiko bagi kes disahkan melalui ujian makmal dan mendapati 28 kes, 28 % daripada kes ini adalah sejarah melawat tempat-tempat kawasan rekreasi, 24% tiada lawatan atau tiada pendedahan ke tempat berisiko dan hanya terdedah kepada infestasi tikus di rumah.

Soalan b, Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kebanyakan tindakan sitaan dijalankan oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa PBT yang menjalankan tindakan sitaan masing-masing seperti berikut:-

MBSA, 2008 tiada, 2009 – 5, 2010 - 28, 2011 – 11, 2012 – 3, 2013 – 13, MBPJ 2008 – 11, 2009 tiada, 2010 – 14, 2011 tiada, 2012 – 24, 2013 – 29, MPSJ 2008 – 41, 2009 – 43, 2010 – 86, 2011 – 32, 2012 – 9, 2013 – 5, MPKJ 2008 – 17, 2009 – 19, 2010 – 31, 2011 – 24, 2012 – 31 dan 2013 – 23.

c) Bagi premis makanan yang tidak mencapai piawaian akan dikenakan kompaun dan notis bertulis. Pemarkahan premis dibuat sekiranya kurang daripada 50% dan premis akan diarahkan tutup selama 14 hari bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan dan penambahbaikan premis tersebut. Setiap pengusaha makanan yang dikenakan arahan penutupan premis disarankan menghadiri semula kursus pengendalian makanan dan menduduki ujian ringkas selepas menghadiri kursus dan bagi menjamin semua pengendali makanan memahami dan melaksanakan kebersihan di premis makanan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BT BOHAN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Daman sara

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BT BOHAN:** Melihat kepada laporan daripada Pejabat Kesihatan mengikut daerah kes yang disahkan di makmal walau pun ada penurunan tetapi ada di kawasan beberapa daerah ada peningkatan. Jadi apakah langkah atau pun tindakan Kerajaan untuk menghapuskan tikus-tikus yang berkeliaran.

**Y.B. PUAN DR. DOROYAH BT ALWI:** Terima kasih Kota Daman sara, langkah kerajaan untuk menghapuskan tikus-tikus ini pertamanya adalah kita ada bersama pihak PBT menjaga kebersihan, pengurusan sampah yang lebih baik. Pada itu kita juga ada meminta kepada pihak PBT terutamanya di kawasan banyaknya tempat-tempat rekreasi, agar memberi peringatan dan memberi papan tanda, membuat papan

tanda di tempat-tempat rekreasi untuk kebersihan tempat rekreasi tersebut dan meminta kepada pengunjung untuk berhati-hati dan berjaga-jaga. Terima kasih.

**Y.B. ABDUL RANI B. OSMAN:** Tuan Speaker soalan nombor 85.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: PELUPUSAN SAMPAH PEPEJAL.**

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah ada kajian perbandingan kos dan kesan kepada alam sekitar di antara sistem kitar semula, pelupusan dan *Incinerator*?
- b) Apakah sistem *Incinerator* di Selangor akan menjadi pilihan?
- c) Apakah program pendidikan kesedaran dan penguatkuasaan sistem kitar semula kepada rakyat?

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sungai Pinang soalan 85.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker pihak Kerajaan Negeri telah pun menjalankan beberapa kajian dan perbandingan mengenai ketiga-tiga sistem tersebut iaitu pelupusan sampah bagi dari segi perbandingan kos dan sistem pelupusan sistem pepejal yang lain. Sistem pepejal sisa pepejal secara *sanitary* masih merupakan cara terendah dari segi kos pembinaan dan operasi iaitu *sanitary land fill*. Sistem kitar semula tidak merawat sisa pepejal secara keseluruhan kerana di mana ianya hanya sistem sokongan. Hanya kira-kira 10% hingga 30% bergantung kepada keadaannya daripada jumlah sisa pepejal yang diterima kitar semula, mana kala selebihnya perlu dilupuskan di tapak pelupusan. Tiada pencemaran yang serius berlaku di dalam proses pengitaran semula. Sistem pelupusan secara tapak pelupusan *sanitary* memerlukan ruang tanah yang luas, tidak diuruskan dengan baik, terdapat masalah pencemaran seperti bau, tanah, air, risiko berlaku kebakaran, runtuh sampah dan sebagainya. sistem *incinerator* pula dapat merawat sisa pepejal sebanyak kira-kira 90% dan pembakaran sisa pepejal di dalam keadaan *incinerator* ini dilengkapi peralatan khas untuk merawat gas-gas beracun hasil daripada pembakaran tersebut. Kerajaan Negeri masih menjalankan kajian terperinci tentang kesesuaian teknologi *incinerator* atau seumpamanya. Dan saya ingin menjelaskan di sini bahawa laporan akhbar pada hari ini ada menyatakan Kerajaan tidak berniat untuk menggunakan *incinerator* itu adalah tidak tepat. Beberapa perkara perlu dipertimbangkan dan diperhalusi seperti jenis

teknologi yang akan diguna pakai, model kewangan, kesan jangka panjang kepada sistem tersebut, impak sosial, impak alam sekitar dan sebagainya. Dalam hal ini Kerajaan Negeri Selangor sangat menitik beratkan akan kepentingan orang awam, keputusan muktamad mengenai teknologi yang lebih baik daripada tapak pelupusan *sanitary* telah meninggalkan pelbagai masalah. Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius bagi memastikan pembuangan sampah berkurangan dan dapat mengujudkan alam sekitar yang bersih dan hijau. Dengan itu Kerajaan Negeri telah melakukan pelbagai program antaranya ialah kempen kitar semula bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan menjaga alam sekitar. Program 3R, *reuse, reduce, recycle* dengan izin juga diperkenalkan kepada semua pihak di semua punca bagi mengurangkan sisa pepejal dan program hari tanpa beg plastik yang dilaksanakan pada setiap hari Jumaat bagi bangunan-bangunan kerajaan dan pada hari Sabtu di seluruh pasar raya-pasar raya seluruh Selangor.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RTSHYAKARAN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RTSHYAKARAN:** Terima kasih Tuan Speaker, Jika Kerajaan Negeri tidak membina satu *incinerator* dengan izin berapakah bilangan *landfill* baru yang perlu disediakan bagi kegunaan masa depan dan agaknya berapa luas tapak yang perlu untuk kegunaan ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Bukit Gasing ini perkara yang serius dan direnungi oleh kita semua untuk jangka masa yang terdekat ini bila *landfill* di Jeram dipenuhi pada tahun 2016 dijangkakan pada tahun 2016. Maka Kerajaan terpaksa mengambil tanah seluas 100 ekar untuk dijadikan sebagai *landfill* dan berapakah nilai tanah *landfill* tanah yang akan diambil, kita ambil sekiranya satu ekar tanah di Jeram katakan RM300,000.00 seekar bererti 100 ekar sejumlah wang yang cukup besar, 30 juta ringgit tersebut. Dari segi GDB, kalau kita bangunkan tanah itu seluas 100 ekar itu kalau dengan GDBnya, GDB *value* dasar pembangunan katakan 6 juta satu ekar bererti 6 bilion, 600,000.00 juta akan kita hilang untuk buat *landfill*. Untuk satu loji tenaga sisa yang melibatkan pembakaran sampah dan menggunakan haba yang dihasilkan oleh sampah itu untuk menjana tenaga, maka tanah yang diperlukan mungkin dalam sekitar 6 ekar ke 8 ekar sahaja. Jadi kita perlu merenungi perkara ini supaya tidak mempunyai fobia *incinerator* Sebab sekarang ini di luar negara *incinerator* ini tidak dipanggil *incinerator* lagi seperti yang saya jelaskan semalam dahulunya 10 tahun dahulu, bila kita sebut *incinerator* ia adalah satu loji untuk membakar sampah.

Tapi sekarang ini tidak ada loji *incinerator*, loji yang dipanggil sekarang adalah loji tenaga sisa. Di mana hanya keseluruhan lojinya hanya 25% saja yang membakar

sampah dan selainnya adalah untuk menjana elektrik. Ini adalah teknologi yang baru di mana gas yang dihasilkan itu juga dapat dirawat. Dan gas yang dilepaskan ke udara itu adalah gas yang selamat, yang jauh selamat daripada standard yang ditetapkan oleh negara-negara Eropah. Ada *European* standard yang lebih jauh lagi, lebih jauh rendah lagi. Sebab itu kerajaan Negeri Selangor masih dalam kajian ini, kita akan cuba habiskan kajian dalam tempoh 6 bulan selepas kita membuat lawatan ke Itali, mendapat sedikit sebanyak gambaran loji. Dan sebenarnya pelbagai teknik yang masih digunakan di negara-negara Eropah termasuk *landfill* masih digunakan kerana ia cara yang paling murah. RDF masih juga digunakan, sementara itu sekarang sudah masuk ke era menggunakan loji tenaga sisa ini. Jadi ini semua akan dilihat semula bagi memastikan pelupusan sampah di Selangor ini adalah menggunakan cara yang terbaik dan kita memikirkan dari segi semua aspek. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih. Puan Speaker soalan No. 86.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR (LPHS)**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila kemukakan jumlah bilangan permohonan rumah kos rendah yang diterima dan jumlah bilangan permohonan yang berjaya ditawarkan rumah sejak 3 tahun yang lepas oleh LPHS mengikut pecahan kaum dan daerah?
- b) Sila kemukakan jumlah bilangan permohonan rumah mampu milik yang diterima dan jumlah permohonan yang berjaya ditawarkan rumah sejak 2 tahun yang lepas mengikut pecahan kaum dan daerah?
- c) Sila nyatakan apakah peranan proaktif LPHS selain mengendalikan permohonan rumah kos rendah dan mampu milik?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Sekinchan. Untuk menjawab soalan Sekinchan iaitu berapa banyakkah permohonan dan tawaran rumah kos rendah daripada 2011 hingga 2013. Saya akan membacakan ringkasan daripada 2011 hingga 2013. Kalau saya nak bacakan secara terperinci mengikut daerah untuk 3 tahun ini ia akan mengambil masa, jadi untuk permohonan seramai 12,810 orang pemohon di mana mengikut komposisi kaum bangsa Melayu seramai

9,718 orang, bangsa Cina seramai 1,846 dan bangsa India seramai 1,106 dan lain-lain kaum adalah sebanyak 140 orang yang telah memohon rumah kos rendah. Tetapi yang telah sementara yang telah ditawarkan adalah sebanyak 11,085 orang di mana komposisi mengikut kaum adalah kaum Melayu seramai 9,013 orang, kaum Cina seramai 1,100 orang, kaum India seramai 862 orang dan lain-lain kaum adalah seramai 110 orang. Saya akan majukan ini kepada Yang Berhormat dan juga akan *release* dengan izin kepada *press* sebab ianya adalah terlalu panjang. Kemudian berkenaan dengan rumah mampu milik yang diterima, kita ambil dari tahun 2012 hingga 2013 kerana kita mula menawarkan pada 2012 di mana permohonannya adalah sebanyak 2,345 komposisinya kaum Melayu adalah 2,007, kaum Cina adalah 228 orang, kaum India adalah 99 orang dan kaum lain adalah sebanyak 11 orang. Dan kita lihat bahawa sebanyak 1,147 pemohon telah ditawarkan iaitu kaum Melayu adalah seramai 745 orang, Cina 326 orang dan India sebanyak 375 orang dan lain-lain kaum 1 orang.

Kenapa dalam kes ini terdapat pemohon atau pun penerima yang lebih daripada yang ditawarkan ialah di antaranya adalah ada yang memohon sebelum ini dan juga adalah terdiri daripada penghuni-penghuni peneroka bandar yang telah dimasukkan ke dalam skim ini terutamanya dalam kes Bukit Botak. Soalan tentang peranan proaktif Lembaga Dan Hartanah Selangor selain daripada mengendalikan permohonan rumah kos rendah dan rumah mampu milik, Lembaga Perumahan mempunyai banyak tugas dan tanggungjawab. Tapi keseluruhannya adalah berkaitan dengan hartanah dan perumahan. Selain daripada mengendalikan permohonan rumah kos rendah dan mampu milik, LPHS juga bertindak sebagai Pesuruhjaya Bangunan Utama yang menyelaraskan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Bangunan yang lain di PBT-PBT. Kerja utamanya adalah menjalankan tugas-tugas seperti penyelarasan dan penguatkuasaan dan pendakwaan. Kempen-kempen untuk pembangunan berstrata seperti kempen memperdayakan penduduk perumahan berstrata, kempen bersih, ceria dan harmoni dan kempen anti vandalisme juga dikendalikan oleh Lembaga Perumahan. Selain yang terkini kita ada program SEROJA juga di bawah Lembaga Perumahan.

Lembaga juga menjadi badan utama untuk memantau dan menyelesaikan projek perumahan terbengkalai melalui Jawatankuasa Projek Perumahan Terbengkalai iaitu JPPT yang dipengerusikan oleh saya sendiri. Selain daripada itu Kempen Negerasi Air atau pun Softwar, Program Kupon Air, Program Lapor dan Dapat juga di bawah Lembaga dan juga yang penting sekali di antara yang terpenting adalah Skim Baik Pulih Negeri Berkebajikan atau CERIA, juga dikendalikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Pendek kata bahawa Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor mempunyai suatu tanggungjawab yang meluas di Negeri Selangor dan isu-isu perumahan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan tambahan saya berkenaan dengan peranan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor ini. Sekiranya sesuatu projek rumah sama ada Rumah Kos Rendah, Rumah Mampu Milik sudah disenaraikan dan diluluskan oleh kerajaan dan dimaklumkan kepada Lembaga tetapi akhirnya projek ini tidak dapat dilaksanakan dengan berjaya dan terbengkalai di tengah jalan, apakah tanggungjawab dan tindakan yang akan diambil oleh Lembaga. Dan kemudiannya apakah tindakan terhadap pemaju tersebut untuk memastikan apa yang dijanjikan itu menepati supaya rakyat yang meminta itu dapat memiliki rumah. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Untuk projek perumahan terbengkalai terdapat 2 saluran pemulihan. Yang pertamanya adalah sama ada KPKT atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Selalunya mereka yang membuat aduan sama ada dia pergi ke KPKT maka KPKT akan mengambil kes tersebut atau kalau dibuat aduan kepada Lembaga Perumahan maka ianya akan dipantau oleh Lembaga Perumahan dan dimasukkan sebagai saluran satu projek yang akan di mesyuaratkan oleh JPPT (Jawatankuasa Projek Perumahan Terbengkalai) yang dipengerusikan oleh saya sendiri. Maka kita akan panggil semua pihak dan kita akan bincanglah apakah masalah yang perlu kita selesaikan dalam kes tersebut. Dan dalam banyak kes sama ada ianya masalah perundingan, masalah kewangan dan kita dalam banyak kes juga kita melibatkan KPKT juga hadir dalam mesyuarat kita, mesyuarat JPPT juga dihadiri oleh wakil daripada KPKT. Jadi bermakna inilah cara-cara macam mana kita selesaikan dan apa yang kita lakukan kepada projek-projek perumahan yang terbengkalai, kita seperti mana yang saya umumkan bahawa kalau kita nak *blacklist* syarikat-syarikat sentiasa bertukar. Kita kena *blacklist* Lembaga Pengarah, terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Ini berkenaan dengan kalau ada pengurusan *flat-flat* kos rendah khasnya yang mana banyak kali telah diadakan mesyuarat oleh penduduk masih tidak berjaya untuk walau pun dengan bantuan pegawai COB juga. Dua tiga kali ada mesyuarat masih tidak boleh lagi membentuk Jawatankuasa yang sah. Apakah pendekatan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah seperti ini sama ada kerajaan negeri bersedia untuk ambil alih atau pun macam mana.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Mengikut akta yang lama Akta 663 sekarang ini ada satu Akta yang baru Akta 757. Akta yang baru ini belum dikuatkuasakan. Kalau mengikut Akta yang sebelum ini sekiranya tidak dapat dibentuk



GMB walau pun setelah dua kali mesyuarat maka tugas COB iaitu PBT untuk melantik agen dan ianya terus dipantau oleh PBT. Bermaknanya kerajaan tak boleh lepas tangan, akhirnya PBT juga yang akan bertindak. Tapi jangka masa yang panjang sebab kita ada kempen, kempen untuk member dayakan penduduk berstrata. Kita nak *empower* dia supaya dia rasa bahawa dia yang boleh, dia yang boleh *manage* dengan izin dia punya pembangunan tapi itu tugas yang berat yang besar yang sedang kita lakukan. Jadi menjawab soalan memang kerajaan negeri melalui PBT terpaksa melantik agen untuk mengendalikan kawasan tersebut, terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok. Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Puan Speaker, soalan No. 87.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(IJOK)**

**TAJUK : KESIHATAN**

87. Terdapat ramai pesakit kronik yang terlantar di rumah-rumah mereka di kawasan desa seperti Ijok mengalami masalah mendapat khidmat/rawatan yang sempurna dan berterusan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan Negeri Selangor mempunyai rancangan untuk mengadakan khidmat kesihatan bergerak yang akan memudahkan pesakit-pesakit tersebut mendapat rawatan di rumah-rumah mereka?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Ijok. Tuan Speaker Ijok bertanya tentang apakah kerajaan Negeri Selangor mempunyai rancangan untuk mengadakan khidmat kesihatan bergerak untuk pesakit-pesakit yang terlantar di rumah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Jabatan Kesihatan Negeri Selangor mempunyai 15 Pasukan Klinik Bergerak yang memberi perkhidmatan di kawasan-kawasan luar bandar dan juga di pinggir bandar yang meliputi perkampungan orang asal dan kawasan estet. Semua Daerah kecuali Daerah Sepang dan Daerah Kuala Selangor mempunyai Perkhidmatan Klinik Bergerak dan perkhidmatan yang diberikan terdiri daripada perkhidmatan pesakit luar, rawatan ringan dan Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak.

Bagi pesakit yang terlantar di rumah, perkhidmatan yang diberikan adalah mengikut permintaan. Ada di kalangan ahli keluarga yang datang ke klinik untuk meminta bantuan rawatan bagi ahli keluarganya yang terlantar di rumah, dan ada juga kes-kes

dirujuk oleh Hospital semasa *discharge* bagi menyambung perawatan di rumah oleh anggota kesihatan dari klinik kesihatan berdekatan.

Buat masa kini, kerajaan negeri belum bercadang untuk melaksanakan atau pun menubuhkan Pasukan Khas Khidmat Kesihatan Bergerak ini.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam. Tidak hadir. Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Puan Speaker, soalan 89.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : KUALITI DAN KEBERKESANAN KHUTBAH JUMAAT**

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah rancangan kerajaan untuk mendapat maklum balas orang ramai terhadap kualiti dan keberkesanan khutbah Jumaat?
- b) Apakah ciri-ciri pengislahan ummah ke arah Al-Birwat-Taqwa yang mahu dicapai melalui khutbah Jumaat?
- c) Apakah perancangan program bagi melahirkan para khatib yang berkesan?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Hulu Kelang. Hulu Kelang bertanya berkaitan dengan rancangan kerajaan negeri bagi mendapat maklum balas orang ramai terhadap kualiti dan keberkesanan khutbah Jumaat. Pertama sekali pihak Jabatan Agama Islam telah melaksanakan penilaian khutbah secara berkala menggunakan borang penilaian yang diedarkan ke masjid-masjid untuk mendapatkan maklum balas daripada para jemaah. Yang kedua sehingga kini pihak Jabatan Agama Islam telah dapat mengumpul sebanyak 1005 borang penilaian yang diterima sejak 2010 hingga 2013. Yang ketiga data statistik proses penilaian sedang dijalankan dan hasil keputusannya akan dikeluarkan pada akhir tahun 2013.

Soalan B, Hulu Kelang ingin bertanya tentang ciri-ciri pengislahan ummah ke arah Al-Birwat-Taqwa dengan izin atau pun ke arah kebaikan dan ketakwaan yang mahu dicapai melalui khutbah Jumaat. Sebagai jawapannya ciri-ciri pengislahan ummah ke arah Al-Birwat-Taqwa atau pun ke arah kebaikan dan ketakwaan yang mahu dicapai melalui khutbah Jumaat adalah pertama menerbitkan teks-teks khutbah yang menyeru kepada Amar Makruf yakni Peranan Ketua Keluarga "Membentuk Keluarga Bahagia",

Muhasabah Diambang Tahun Baru Hijrah, Peranan Keluarga dan Masyarakat Menangani Gejala Sosial, Menghormati Jiran Tetangga, Bangkit Pertahan Kesucian Islam.

Dan yang kedua dengan menerbitkan teks-teks khutbah yang menyuruh kepada Nahi Mungkar sebagai contoh Peranan Keluarga dan Masyarakat Menangani Gejala Sosial, Pencegahan Maksiat Tanggungjawab Bersama, Sama-sama Bermujahadah Memerangi Dadah, Gejala Rasuah Memusnahkan Negara, Judi Budaya Menjahanamkan Ummah.

Dan soalan yang ketiga apakah perancangan program bagi melahirkan para khatib yang berkesan. Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi melahirkan para khatib yang berkesan adalah pertama mengadakan Seminar Latihan Khatib Profesional Negeri Selangor bagi setiap tahun. Yang kedua mengadakan Seminar Pemantapan Khutbah pada setiap tahun.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya yang menariknya tentang Seminar Latihan Khatib Profesional Negeri Selangor. Persoalan saya seminar demi seminar memang sedang dijalankan tapi apa yang dia perlu adalah *training* dengan izin satu sesi khusus mengumpulkan khatib-khatib ini untuk diberikan latihan kemahiran untuk menyampaikan khutbah. Adakah itu rancangannya atau pun berterusan untuk mengadakan seminar?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih Hulu Kelang dan memang kita telah JAIS telah melaksanakan kursus ini iaitu latihan kemahiran, keupayaan bagi melahirkan khatib-khatib yang pandai berpidato, yang boleh menyampaikan dengan bahasa yang baik, bahasa yang mudah dan boleh menarik minat para audiens kerana kita bukan sekadar minta khatib membaca khutbah tetapi khutbah yang di berkumandang itu ialah khutbah yang dapat menarik minat audiens atau pun yang hadir untuk mendengar khutbah tersebut, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya dapati khutbah-khutbah ini diselaraskan dan khatib-khatib ini hanya membaca khutbah tidak berkhotbah. Apakah kelonggaran supaya khatib-khatib boleh mengisu-isu setempat sebab isu Sabak Bernam tak sama isu di Selangor atau pun di Sepang.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Kita biasanya Puan Speaker khutbah yang kita keluarkan ini adalah berdasarkan kepada isu-isu yang berlaku persekitaran yang bersifat umum. Walaupun sebenarnya Kerajaan Negeri telah menyediakan tajuk-tajuk untuk setahun tajuk-tajuk tetapi apabila berbangkit isu-isu tertentu maka kita melupakan tajuk yang akan kita kemukakan dan kita mendahulukan kerana itu *priority* terutama yang menyentuh tiga (3) perkara

1. yang menyentuh persoalan akidah
2. tentang *sahitul* ibadah, tentang pelanggaran dari sudut ibadah, kesahihan ibadah
3. merujuk kepada persoalan akhlak

dan ini sudah tentu akan diberikan *priority*, kerana kita mengetahui bahawa masyarakat Selangor dan ini isu-isu yang paling pokok isu-isu yang dihadapi oleh seluruh masyarakat tapi saya rasa isu-isu yang berlaku setempat saya fikir yang ia tidak mendesak untuk menjadi isu besar maka kita tidaklah mungkin perlu disinggung sedikit tetapi tidak menjadi satu tajuk yang besar kerana isu yang paling penting ialah isu yang lebih besar yang menyentuh kepada tiga (3) perkara dan begitu juga soal berkhotbah ini kita tidak ada halangan untuk minta khatib-khatib kita berkhotbah bukan membaca khutbah tetapi mestilah dalam ruang lingkup yang dalam ruang lingkup tajuk, *mauduk* yang dibincangkan dan tidak terkeluar daripada sebab kadang kita membimbangi ada khatib-khatib yang apabila dia terlalu bersemangat kadang-kadang dia tersasar dari *mauduk* daripada tajuk yang dibincangkan jadi biar dalam lingkungan ilmu dan dalam garis panduan yang telah pun dikeluarkan oleh pihak Jabatan Agama Islam sendiri.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini, saya menanggungkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

### **III. RANG UNDANG-UNDANG**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Sambungan Rang Undang-undang Perbekalan (2014) 2013 (Semua Peringkat)

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.15 – Jabatan Kebajikan Masyarakat Ringgit Malaysia, Tujuh Belas Juta, Dua Ratus Tujuh Puluh Empat Ribu, Sembilan Ratus Lima Puluh Empat(RM17,274,954)

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih, Puan Pengerusi Sekinchan juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Bekalan B.15 – Jabatan Kebajikan Masyarakat kita sedia maklum sebuah Kerajaan yang prihatin taraf golongan yang kurang bernasib baik, OKU, ibu tunggal dan sebagainya banyak bantuan

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan muka surat mana

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Muka surat 50500

**TUAN SPEAKER:** Muka surat

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** 247

**TUAN SPEAKER:** ok

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya terus *gear* teruslah terlajak ya minta maaf, untuk membahaskan isu mengenai golongan yang tersasar yang kurang bernasib baik seperti ibu tunggal, OKU, warga emas, orang yang tidak bernasib baik ini. Bantuan-bantuan diberikan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini, mengenai beberapa perkara yang saya kenal pasti selama ini pengamatan saya di mana permohonan-permohonan khususnya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat ini sering kali mengambil masa yang terlalu lama untuk dikenal pasti, untuk diluluskan sama ada ditolak atau diluluskan sering kalinya aduan daripada rakyat mengatakan ada yang lebih enam (6) bulan atau pun setahun tetapi tiada berita setelah permohonan diberikan.

Saya meminta penjelasan daripada Kerajaan Negeri supaya beritahu rakyat sama ada permohonan itu berjaya atau tidak jangan sampai setengah tahun atau satu tahun kerana mereka sungguh mengharapkan bantuan daripada JKM itu satu perkara yang harus kita ambil tindakan drastik untuk menyelesaikan perkara ini bukan sekali dibangkitkan sejak berkali-kali dan yang ke-2 apa yang kita nampak yang saya perhatikan ialah setiap kali setiap tahun juga berlaku di mana bantuan-bantuan sara hidup yang diberikan sering kali tidak menepati masa kalau awal bulan mungkin dia setahun, lima (5), enam (6) bulan tujuh (7) bulan ok dia bayar, tetapi akhir-akhir tahun nya dia melakukan kelewatan membayar dan dimaklumkan tiada duit, (*orak eneng duitnya*) dengan izin tak ada duit dan berkali-kali saya jumpa di JKM pengalaman saya di mana OKU atau di mana orang yang kelainan upaya mereka pergi ke sana tunggu dengan kerusi rodanya dan sebagainya menunggu untuk mengambil duit dan sebagainya tetapi dimaklumkan berkali-kali terpaksa balik duit tak ada.

Ini menyulitkan menyusahkan golongan yang tidak bernasib baik ini saya berharap sebagai satu Jabatan kebajikan Masyarakat Kerajaan yang prihatin kita kena atur, susun duit ini dengan sistematik jangan berlaku lagi perkara ini sekali dua biasa dalam

pentadbiran tetapi kalau sering kali berulang setiap tahun ini menjadi satu sindrom satu sindrom bermusim, penyakit bermusim jadi perkara ini bukan tidak dapat dikenal pasti sudah dikenal pasti tetapi tindakannya ini Sekinchan minta daripada penjelasan Kerajaan Negeri dan seterusnya saya juga mengharapkan permohonan itu dapat dibuat penerangan yang sewajar yang kita juga pastikan supaya orang-orang yang betul layak penerima-penerima betul layak barulah diberi pertolongan jangan berlaku sebarang seperti apa yang berlaku dalam Laporan Audit di negeri-negeri lain saya harapkan Selangor tidak berlaku ini sebagai satu cadangan di mana orang yang tidak berada sudah meninggal dunia pun masih menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini sesuatu yang tidak seharusnya dan kita harap ini dijadikan satu iktibar di Negeri Selangor dan inilah harapan saya supaya perkara-perkara ini dapat diperkemas diperbaiki oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat saya minta penjelasan yang khusus daripada Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Sekinchan, isu yang dibangkitkan ini adalah berpunca daripada bila mana pemberian bantuan itu sebagaimana saya usulkan saya kemukakan di dewan ini bahawa ianya terletak kepada dua (2) jenis bantuan yang sama ada daripada Persekutuan ataupun daripada Negeri. Jadi kalau isu saraan hidup contohnya memang kita membuat satu polisi bahawa saraan hidup ini kalau seseorang itu layak ianya patut dibayar pada awal bulan lagi pada minggu pertama tetapi kita kadang-kadang timbul isu terutama yang ditimbulkan oleh Sekinchan contohnya bantuan APC, iaitu untuk orang kurang upaya, bantuan itu dibuat oleh Kerajaan Persekutuan bulanan sebanyak RM150.00 jadi ianya sentiasa sering pegawai-pegawai kita di Jabatan Kebajikan Masyarakat terutama daerah menghadapi masalah kerana yang ianya luar di bidang kuasa Kerajaan Selangor untuk memastikan kecekapan itu berlaku jadi kalau ikutkan pada pertemuan saya dengan unit-unit di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat pada 10 September yang lepas perkara ini sentiasa saya tegaskan dan jawapan yang diberikan begitu dia mengatakan bahawa ianya adalah tertakluk kepada duit yang diturunkan daripada Persekutuan.

Jadi itu bantuan yang sering ditimbulkan tak cekap dan sebagainya tetapi saya juga telah menegaskan bahawa tidak perlu lagi orang-orang yang perlukan bantuan ini untuk datang ke Pusat Khidmat ataupun Pusat Kebajikan Daerah ianya terus dimasukkan ke dalam akaun mereka kadang-kadang mereka tidak mampu untuk pergi, kadang-kadang kena naik sampai dua (2) bas untuk sampai ke tempat tersebut jadi perkara ini juga telah dibangkitkan dan dikemukakan ke pihak Persekutuan supaya ianya terus langsung masuk ke akaun mereka dan tak perlu juga tiap-tiap bulan kena pergi pula mengambil kadang-kadang ahli-ahli politik yang bukan dilantik oleh Kerajaan pula ataupun yang diberi oleh rakyat yang memberikan bantuan tersebut. Dan untuk persoalan yang timbul ianya akan ambil masa berbulan-bulan saya ingin menegaskan

di sini kalau ada aduan-aduan ini juga saya harap ianya terus dapat diberikan kepada saya juga kerana perkara ini ditegaskan ianya mesti mengikut piagam pelanggan iaitu kita mensasarkan atau meletakkan satu bulan setengah hingga dua bulan itu adalah tempoh untuk semua pegawai turun dan meninjau keadaan apa yang berlaku sama ada beliau layak ataupun tidak dan selepas itu, selepas dua (2) bulan perlu ada satu keputusan sama ada ianya boleh diberikan bantuan ataupun tidak tetapi saya tidak nafikan tempoh bantuan ini adalah berbentuk setahun sekali bantuan selepas hampir setahun ia nya akan di *review* balik ataupun dilihat semula sebab kita mahukan bahawa setiap pemberi bantuan ini bukanlah dalam bentuk jangka panjang sebab Kerajaan Selangor dalam konteks dasar *I-Workfare Policy* ini kita juga ingin membantu mereka yang menerima bantuan ini keluar daripada kemiskinan.

Sebab itu, setiap setahun sekali ada *review* untuk memastikan bahawa mereka ini dapat keluar daripada kemiskinan dan apakah tentang program penerangan yang betul-betul layak, sebenarnya Audit Negara tidak timbulkan isu di Selangor, Selangor ini tak ada isu yang meninggal pun dapat bantuan sebab kita telah menegaskan setiap pegawai JKMD ia nya perlu sentiasa melihat mereka yang menerima itu adakah mereka ini masih wujud ataupun tidak. Alhamdulillah kita tengok pegawai-pegawai kita di Selangor ia nya cekap dalam memastikan sama ada bantuan itu masih lagi orang yang menerima itu wujud atau tidak.

Tapi persoalannya ia kadang-kadang terlepas sebab keluarga tersebut juga tidak menyatakan bahawa yang penerima ini telah meninggal dunia terutama kalau bantuan itu dalam bentuk contoh Kerajaan Negeri bantuan am kita bagi terus ke dalam akaun-akaun penerima jadi akaun itu belum ditutup dan belum dinyatakan bahawa penerima itu telah pun meninggal dunia tapi saya ulang di Selangor ini tidak berlaku kes-kes yang sebegitu. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bangi

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Terima kasih Puan Pengerusi, saya mohon merujuk kepada muka surat 248 mengenai pemberian dalam Negeri ada tiga (3) perkara saya berhajat untuk bangkitkan

1. Dasar penerima sumbangan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang saya difahamkan hanya seorang sahaja daripada satu keluarga. Saya ingin kepastian sama ada ini benar atau tidak dan ini berbangkit kerana ada sekiranya ada ahli keluarga itu yang punyai keluarga OKU yang lebih dari seorang ada seorang keluarga yang pekak, yang bisu atau pun terencat akal, dan saya difahamkan hanya seorang daripada mereka sahaja yang terima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang pada saya jika benar

begitu adalah silap yang sepatutnya kita berikan kepada semua mereka yang layak

2. kemahiran yang telah diberikan kepada OKU-OKU ini terutama yang melibatkan kemahiran OKU yang cacat penglihatan saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri sendiri dan juga banyak pihak telah mengatur program-program kemahiran untuk mereka sampai ada yang boleh mahir dalam bidang komputer dan lain-lain lagi tapi akhirnya bila masuk ke masyarakat ke sektor-sektor mereka tidak boleh masuk ke kemahiran tersebut paling banyak yang dikatakan kepada saya adalah urut sahaja. Mereka mahir komputer tapi pergi kepada urut sahaja dan akhirnya mereka rasa kecewa dengan latihan-latihan yang diberikan kepada mereka mungkin Negeri boleh memikirkan apa-apa insentif untuk mana-mana syarikat yang boleh mengambil mereka sebagai pekerja dalam sektor-sektor kemahiran yang mana mereka telah pelajari
  
3. Rumah *council homes* rumah kebajikan ada dua (2) perkara yang saya nak bangkitkan di sini, pertama mengenai penghuni-penghuni rumah saya merujuk kepada penghuni rumah *council homes* di Bangi satu adalah mereka yang betul-betul daif, tua, miskin dan tiada pendapatan dan mereka hanya diberikan sebanyak RM120.00 sebulan dan kadar sewa yang mereka kena bayar di rumah ini adalah RM250.00 yang tidak mampu mereka bayar bila mereka tidak mampu bayar menjadi tunggakan bila tunggakan itu bertahun-tahun mencecah sampai RM2,000.00, RM3,000.00 seorang bayangkan kalau 20 orang yang datang ke pejabat Adun nak bayar macam mana? Tidak boleh saya mohon pertimbangan yang diuruskan oleh MBI supaya ada pertimbangan yang khusus ini untuk mereka ini diberikan keistimewaan ataupun bantuan yang lebih untuk mereka ini supaya mereka boleh duduk di situ dengan keadaan yang selesa tanpa ada tunggakan yang bila berlaku tunggakan datang surat untuk mengarahkan mereka keluar dari kawasan ini. Itu yang satu pihak, yang satu pihak lagi di rumah yang sama adalah mereka yang sudah melepasi taraf keperluan iaitu mereka ini biasa datang ke mari diterima sebagai pihak yang boleh menduduki rumah *council homes* ini, mereka di bawah pendapatan yang boleh membenarkan mereka duduk tapi selepas setahun mereka tak mengubah hidup mereka yang sepatutnya tidak begitu kita kena ajar mereka bahawa lepas setahun mereka kena berusaha untuk keluar ke rumah ini dan beri peluang kepada orang lain tetapi mereka tidak berbuat demikian dan sepatutnya kita mengambil satu inisiatif bagi memastikan mereka harus berdikari kerana mereka mempunyai tenaga kebolehan dan mereka harus keluar diberikan kepada pihak lain yang perlukan keperluan dan saya berharap pihak MBI yang mentadbir *council*



*homes* ini membuat kajian lebih spesifik kepada orang-orang yang tinggal di sini supaya mereka boleh keluar dari kawasan ini setelah mereka mampu berdikari dan memberikan ruang kepada orang lain yang lebih berkepentingan. Terima kasih Puan Pengerusi.

ini membuat kajian lebih spesifik kepada orang-orang yang tinggal di sini supaya mereka boleh keluar dari kawasan ini setelah mereka mampu berdikari dan memberikan ruang kepada orang lain yang lebih berkepentingan. Terima kasih Puan Pengerusi.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Puan Pengerusi, saya ingin menjawab soalan berkaitan dengan kebajikan. Bangi menyatakan tentang apakah betul keluarga hanya layak dapat satu bentuk bantuan ya. Saya ingin menyatakan bahawa sebenarnya di bawah Kerajaan Selangor, bantuan untuk kebajikan ini *direfer* (dirujuk) kepada kriteria terlebih dahulu. Contohnya kalau keluarga itu berpendapatan RM720.00 ke bawah, ia layak untuk beberapa jenis bantuan. Contohnya kalau dia mempunyai anak-anak, dia layak untuk bantuan kanak-kanak. Kalau ia dalam keluarga tersebut ada orang tua yang uzur kita bagi bantuan orang tua. Kalau ia nya ada kanak-kanak cacat, kita tak kira berapa jumlah anak yang dalam keluarga tersebut kita beri. Contoh satu di Sabak Bernam saya lihat ada satu keluarga tu empat anaknya cacat dan kita bagi setiap seorangnya RM150.00 tetapi pastinya kita ada maksimum. Kalau untuk bantuan kanak-kanak, kalau anak itu sepatutnya diberi bantuan kanak-kanak RM150.00, tetapi kalau maksimum yang kita beri adalah RM450.00 kepada mungkin 2 atau 3, lebih pada 3 anak, itu ada. Jadi untuk itu sebenarnya asas kepada pertimbangan pemberian ini adalah melihat pada kriteria pendapatan keluarga. Bagaimana pun bagi Kerajaan Selangor, untuk melayakkan mereka menerima bantuan bagi RM1500.00 ke bawah, makna ada *gap* antara 750-1500 itu sebab Selangor menyatakan bahawa 1500 ke bawah itu layak jadi di situ diwujudkan bantuan am, ya untuk menambah peruntukan keluarga tersebut. Tentang kemahiran yang kita yang ditimbulkan oleh Bangi ya, sebenarnya jabatan, banyak jabatan yang telah pun terlibat dalam memastikan bahawa orang kurang upaya yang telah pun diberikan latihan ini dapat tempat di dalam masyarakat. Di antara insentif yang selalu dibicarakan di sini yang diberikan oleh Kementerian Hasil Dalam Negeri iaitu pelepasan cukai berganda bagi majikan yang melatih dan mengambil pekerja OKU. Contohnya kalau seorang itu mengambil seorang pekerja OKU, dan gajinya RM1500.00 sebulan, maka dia layak untuk mendapat pelepasan cukai sebanyak 3000 sebulan. Maknanya digandakan, kalau gaji itu RM2000.00 maknanya pelepasannya RM4000.00 cukai yang dinyatakan. Jadi insentif-insentif ini banyak tetapi saya tengok kekangan, kenapa kekangan hanya urut sahaja yang diberikan contohnya tempat kerana urutan ini saya rasa sebab untuk kecacatan mata ini ataupun *blind*, buta itu, ia satu perkara yang mudah dan ia tidak memerlukan bantuan yang kita kata *extraordinary* (dengan izin) ya. Sebab mereka boleh kadang-

kadang pergi dengan sendirinya dengan bantuan ataupun pertolongan yang lain tetapi mereka boleh berdikari. Tetapi kalau yang kita lihat yang perlukan kerusi roda, bergerak dengan sedikit kecacatan fizikal dan sebagainya mereka memerlukan bebas halangan ini untuk membolehkan mereka ke tempat-tempat kerja ataupun di tempat kerja itu sendiri, perlu ada satu infrastruktur yang kondusif untuk mereka bekerja. Atas dasar itu juga sebenarnya ada, ada peruntukan yang diberikan oleh kerajaan untuk bantuan kepada majikan yang ambik pekerja-pekerja OKU ini untuk menyediakan keperluan-keperluan bebas halangan ini untuk mereka boleh bekerja dengan cara yang baik. Jadi saya nampak usaha ini sebenarnya adalah usaha bersepadu yang boleh dimainkan oleh semua pihak dan akhirnya apa yang kita ingin lihat, kita ingin lihat orang kurang upaya ini, boleh berupaya bekerja dan akhirnya mendapat tempat sama dalam masyarakat untuk menambah pendapatan diri dan keluarga. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Adun Seri Serdang minta duduk dulu. Pihak Kerajaan ..

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Tentang sewa *Council home*, saya ingin merujuk kepada minit mesyuarat MMKN iaitu pada 15 April 2009 iaitu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju dengan penurunan sewa dari 250 kepada 124 untuk penyewa yang berpendapatan 1500 dan ke bawah bagi kediaman projek perumahan rakyat juga melibatkan penyewa kediaman *Council home* milik Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi bermakna boleh mohon untuk turun daripada 250 pada 124. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Adun Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan kepada EXCO, adakah perancangan kerajaan negeri untuk mengadakan rumah kebajikan perlindungan untuk warga emas yang tidak ada waris untuk mereka menumpang. Yang pertama..

**TUAN SPEAKER:** Muka surat mana tu.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Muka surat 248, berkenaan Pentadbiran dan Kewangan. Yang kedua, adakah kerajaan negeri juga merancang untuk membina Rumah Perlindungan untuk anak-anak di bawah umur kes juvana yang akan dikelolakan oleh kerajaan sendiri dari segi kebajikan mereka. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Seri Serdang, untuk maklumat semua, sebenarnya ada, sudah ada rumah-rumah perlindungan untuk warga kurang upaya, minta maaf, warga emas iaitu di Kuala Kubu Baharu dan juga untuk anak-anak yang

terbiar ini di Cheras sebenarnya. Tetapi untuk Kerajaan Selangor, sebenarnya ini satu rumah yang ditempatkan di negeri Selangor tetapi ia nya boleh dimanfaatkan oleh seluruh negeri ya, bukan saja untuk mereka yang berada di Selangor. Itu saja jawapan saya, tetapi untuk perancangan tahun 2014, kita memang tidak ada perancangan khas untuk menyediakan rumah-rumah yang dinyatakan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih. Y.B Puan Pengerusi saya nak rujuk kepada B 15 di bawah butiran 51200, ringkasan di bawah 4000 pemberian dan berkenaan bayaran tetap. Saya nak bertanya kepada Kerajaan mengenai bentuk-bentuk bantuan yang disenaraikan seperti bantuan OKU, bantuan orang miskin, sakit terlantar, kritikal dan sebagainya yang disenaraikan sebagaimana dalam apa ni, diwar-warkan. Jadi saya mohon kepada pihak Kerajaan untuk menjelaskan sama ada apabila mereka ini termasuk daripada dalam OKU dan mempunyai kad OKU, apakah mereka ini akan diberikan bantuan-bantuan ini kerana banyak juga saya terima aduan-aduan dalam kawasan saya sendiri khususnya. Apabila orang yang ada kad OKU, dia datang dan mohon bantuan di Jabatan Kebajikan Masyarakat, tapi kata dia ambil masa yang panjang tak tahu jawapan. Sama ada dapat atau tidak. Jadi saya nak bertanya sama ada apa-apa jugak jenis bantuan yang diwar-warkan ini memang betul peruntukannya mencukupi supaya sebab kita menggambarkan kebajikan ini akan diberi kepada rakyat, yang termasuk dalam kategori yang berkenaan tapi bila mereka mohon, tak dapat bantuan yang berkenaan. Jadi akhirnya bantuan tu hanya berupa apa ni, publisiti lah. Jadi saya nak minta sama, nak tanya kepada Kerajaan sama ada benar ke, kalau mereka tu kata lah orang yang punyai jumlah OKU 1000 orang, betul ke 1000 ni akan dapat bantuan di seluruh negeri Selangor contoh, selagi mereka memohon dan mengemukakan kad OKU. Begitu juga dengan kategori-kategori yang lain lah. Kemudian jugak saya ingin menyentuh mengenai bantuan bersama, sumbangan bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri. Jadi ada juga banyak rungutan daripada penerima-penerima bantuan, kadang-kadang dia dapat sebahagian, sebab ramai yang rakyat tak memahami bahawa, sebahagian daripada sumbangan itu daripada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kebajikan dan sebahagiannya daripada sumbangan Kerajaan Negeri. Jadi kadang-kadang oleh kerana ada kelewatan sama ada mungkin daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, maka mereka akan terima sebahagian sahaja bantuan itu contoh yang kata yang Persekutuan punya dulu yang sampai, dibagi dulu yang itu. Katakan daripada 300, 250 daripada Kerajaan Persekutuan, mereka hanya terima 250. 50 daripada Kerajaan Negeri belum sampai lagi. Jadi bagaimana Kerajaan mengkoordinasikan bantuan ini supaya penerima-penerima bantuan ini mendapat jumlah yang tetap pada satu waktu jadi tidak timbul banyak tohmahan, kadang-kadang kepada kakitangan di peringkat jabatan, kata tak diberikan bantuan ini, tak disalurkan kadang dan sebagainya. Jadi bagaimana

koordinasi ini dibuat supaya bantuan ini menyeluruh sebab Kerajaan Persekutuan memberikan bantuan dah ada *guideline*. Maknanya sebelum, kalau tak silap saya, sebelum 28hb. Kalau tak silap saya, minta maaf kalau tak betul. Sebelum berakhir bulan tu, dia akan dibayar lebih awal. Jadi bagaimana kita nak koordinasikan perkara ini. Jadi saya ingat itu saja Puan Pengerusi.

**Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Jadi untuk Permatang, sebenarnya panjang kalau saya nak nyatakan bentuk-bentuk bantuan tetapi saya hanya menyentuh hanya bantuan di bawah Jabatan Kebajikan untuk OKU. Antara perkaranya, bagi mereka, sekarang ini kita sedang menggiatkan usaha untuk pendaftaran Orang Kurang Upaya dan di dalam data yang kita ada sekarang telah mencecah 34000 orang yang telah pun mendaftar, berbagai-bagai kategori ya, berbagai-bagai kategori. Tetapi bantuan yang kita akan salurkan, ia nya bantuan, kalau peringkat Persekutuan adalah bantuan elaun cacat (EPC) ya, pekerja cacat iaitu dia layak menerima RM300.00 sebulan. Maknanya kalau dia Orang Kurang Upaya, lepas tu dia bekerja, ya bekerja, dia dapat tambahan RM150.00 lagi. Makna RM150.00, campur RM150 = RM300.00 sebulan dia dapat. Bantuan am, ini bantuan daripada Kerajaan Negeri, tambahan kalau mereka ini kita lihat layak, masih kalau dia bekerja tetapi pendapatan dia rendah daripada RM1500.00 kita bagi RM80.00 tambahan daripada apa yang diperolehi. Geran pelancaran juga, kalau lah mereka ini pemegang kad OKU, lepas itu mereka memerlukan bantuan perniagaan, di situ kita memberikan geran pelancaran apa ni, pelancaran untuk perniagaan sebanyak RM2700.00, maknanya geran, tidak perlu dibayar, untuk memulakan apa-apa bentuk perniagaan yang beliau ingin laksanakan tertakluk kepada kita lihat ia nya dapat *viable* untuk dimanfaatkan oleh OKU itu. Begitu jugak bantuan alat tiruan, atau sokongan seperti kerusi roda, kaki palsu dan sebagainya. Bantuan OKU tidak upaya bekerja. Ada OKU ni yang terlantar, yang tidak mampu bekerja, contoh dia ada oh ya, jadi disitu dia layak mendapat bulanan RM150.00 dan bantuan jagaan OKU terlantar dan pesakit kronik terlantar, kita panggil BPT, itu juga layak menerima 300 ringgit dengan mengambil kira kadang-kadang mereka memerlukan peralatan lain seperti *pampers*, untuk bantuan untuk mereka dapat dalam keadaan yang bersih ya. Jadi itu bantuan boleh dikatakan bantuan peribadi/perseorangan. Tetapi dalam, ada juga kita berikan bantuan kepada institusi. Ya, institusi macam Pusat Pemulihan Komuniti dalam, dalam pusat pemulihan dalam komuniti atau PDK yang mana kita bagi bantuan, bila kita tengok PDK itu layak melaksanakan program untuk memastikan orang kurang upaya ini pergi ke tempat itu dan mula mendapat, mula mendapat apa ni..

**Y.B TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Pengerusi boleh dapat penjelasan ke.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Ya, silakan.

**Y.B TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih, pihak Kerajaan Batu 3. Saya maksudkan tadi sekiranya, katalah di seluruh negeri Selangor ini, jumlah, jumlah tertentu dapat ditemui dari segi datanya, OKU katanya ada RM34000.00 orang. Maksud saya tadi, apakah yang RM34,000.00 ini dapat kemukakan bukti dia ada kad OKU, dia layak. Apakah RM34,000.00 ini akan semuanya akan diberi, itu maksud saya tadi. Jadi kalau itu maksudnya perbelanjaannya tak cukup dengan yang ada ni lah. Begitu jugak dengan kategori yang lain. Jadi saya nak tanya yang itu tadi sama ada automatik mereka layak, apabila mereka daftar, diterima, duit akan dapat.

**Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Kalau diikuti, kalau kita ikut daripada apa yang telah diluluskan oleh Kementerian, ya ia nya memang sebegitu. Sepatutnya kalau dia OKU, dia layak terus dapat bantuan RM150.00 itu. Tetapi kalau dia bekerja, dia dapat tambahan pulak RM150.00 itu. Jadi kalau, yang itu, sebab itu Kerajaan Selangor sekarang ini atau bersama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, membantu untuk mengenal pasti berapa ramai sebenarnya OKU di kawasan.. Jadi itu di antara perkaranya dan ia nya boleh saya nyatakan di sini, itu adalah bantuan peringkat Persekutuan tetapi di peringkat negeri, kita membantu dengan memberikan bantuan skim khairat kematian, sebanyak RM2500.00 dan juga bantuan Jom *Shopping* yang kita juga memberikan kepada mereka. Tentang soalan seterusnya, tentang terima sebahagian ya, sekejap terima negeri, sekejap terima pusat, ini adalah berkaitan dengan bantuan am, bila mana saya sentiasa, dan saya terus, telah pun memberikan satu saranan kepada Kerajaan Persekutuan supaya kewangan di bawah bantuan am perlulah dimasukkan ke dalam negeri supaya ia nya diberikan bersekali tetapi sehingga kini perkara itu tidak berlaku di luar daripada kemampuan saya untuk lagi menyatakan bahawa kenapa masih lagi tidak ada koordinasi sebenarnya telah pun disarankan tetapi tidak dapat dibuat oleh pihak Persekutuan, jadi masih lagi masa yang ditetapkan itu adalah berasingan. Maknanya akuan tu dimasukkan secara berasingan, pada tarikh yang berbeza. Itu masalahnya.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Puan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 248, di bawah Perkhidmatan dan Pembekalan perkara kod 2400 sewaan, maklum di kawasan Petaling Jaya juga ada golongan penduduk yang memerlukan bantuan, ada daripada OKU, Ibu Tunggal dan sebagainya tetapi mereka terpaksa pergi ke tempat yang jauh untuk memohon di Pejabat Daerah Petaling. Saya memohon adakah kita boleh menyediakan satu pejabat di kawasan Petaling Jaya yang lebih dekat kepada penduduk-penduduk di kawasan persekitaran Petaling Jaya terutamanya kawasan PJS, kawasan seksyen-seksyen bahagian Petaling Jaya, PJ Old Town, dan sebagainya seperti mana yang telah dibuat di Subang Jaya, di SS15 Subang Jaya. Mohon ulasan sebelum saya sambung bertanya.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Hanya itu yang sepatutnya kalau diikuti satu pejabat daerah, kita hanya ada satu pusat kebajikan, tetapi mengambil kira Pejabat Daerah Petaling terlalu besar bila ada perpindahan daripada tempat asal yang pejabat daerah itu jadi kita pun telah pun pecahkan Pejabat Daerah Petaling ini telah pun kita bahagikan kepada dua, satu di Subang Jaya, satu lagi di Shah Alam, ya, satu lagi kita tidak menafikan bahawa apa ni, kaunter-kaunter bergerak juga sentiasa kita turunkan ke bawah supaya mereka ini dapat kita santuni dengan baik. Jadi, saranan itu memang baik dan wajar tetapi untuk kali ini, saya boleh nyatakan dalam bajet yang dikemukakan ini kerajaan Selangor bercadang untuk menyewa untuk PKMD Shah Alam di tempat lain, bukan lagi di apa ni, SUK 2 sebagaimana sekarang tetapi kita ingin berpindah ke tempat lain supaya memudahkan *accessibility* kepada orang-orang yang memerlukan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Tapi, sementara kita menunggu perkara itu berlaku, *accessibility* ini boleh tak penduduk kawasan Petaling Jaya buat permohonan di Subang Jaya dan tidak dapat, yang tidak dapat bergerak jauh sehingga kepada Pejabat Daerah Petaling di kawasan Paya Jaras ini.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya rasa untuk, buat masa ini untuk bajet yang sekarang ini, kita dah, baru ada di tempat SS17 tetapi apa yang boleh saya, bantu Bukit Gasing, adalah memanfaatkan kenderaan bergerak yang disediakan khas untuk Orang Kurang Upaya yang berada sekarang ini telah pun dilaksanakan di peringkat PJ ya, Majlis Bandar raya Petaling Jaya dan juga Shah Alam untuk kita panggil dan untuk memudahkan mereka untuk pergi ke pusat-pusat yang ada. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Rawang rujuk kepada muka surat 247, Perkara 505001, Pentadbiran dan Kewangan Dasar Baru. Rawang ingin bertanya sama ada ada satu sistem yang diwujudkan untuk kita integrasikan semua data ini. Maksudnya termasuk mereka yang terima bantuan daripada JKM, daripada agensi-agensi berkenaan sebab kita fahamkan, sumber yang sedia ada amat kurang dan dengan keadaan kos hidup yang semakin meningkat sekarang. Dan kita jangkakan lepas laksana GST, sudah tentunya lebih ramai orang yang datang ke pejabat kita untuk minta bantuan. Jadi, Rawang mohon dan tanyakan sama ada kerajaan boleh wujudkan sistem seperti ini supaya kita boleh *trace* kan, dengan izin, kalau ada orang yang telah terima bantuan daripada mana-mana kita akan beri keutamaan kepada orang lain yang belum lagi menerima mana-mana bantuan? Dan yang kedua, adakah kerajaan juga wujudkan satu program ataupun yang baru untuk golongan usia emas ini. Sebab saya nampak di kerajaan negeri Selangor ini, walaupun bantuan diberi mungkin untuk keluarga ataupun golongan OKU memerlukan, *eh sorry*, usia emas tetapi sebenarnya mereka mahu satu

juga satu ruang untuk mereka, bukan sahaja untuk terima bantuan tetapi juga boleh aktif dalam komuniti sendiri, dari segi sosial dan sebagainya. Jadi, ini dua (2) yang saya ingin tanyakan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Rawang. Puan Pengerusi, tentang isu yang dibangkitkan, data kan..apakah ia data bersepadu. Sekarang ini di bawah pengendalian kerajaan Selangor, memang kita telah pun integrasikan semua agensi-agensi yang memberikan bantuan kebajikan kepada individu tersebut telah pun di sekalikan di bawah data *i-work fare*, dinamakan. Yang tentang, satu lagi selain daripada itu kita juga telah pun membuat satu data sistem di mana individu yang menerima kebajikan ini kita boleh *trace* ataupun boleh kenal pasti mereka ini daripada.. dapat bantuan juga di negeri lain. Maksudnya, data bersepadu yang di bawah JKM ini menyepadukan juga penerima JKM dari luar negeri. Contohnya, kalau mereka ini pernah menerima bantuan contohnya daripada Perak, daripada Sabah, kita juga kenal pasti, ya, tentang identiti mereka, penerima yang sebelum itu. Jadi, sekarang ini dua (2) saja data sistem yang kita ada, satu mengenal pasti penerima bantuan kebajikan daripada luar daripada Selangor. Yang keduanya, dalam Selangor sendiri agensi mana juga yang telah membantu individu tersebut menerima bantuan yang dinamakan *i-work fare*. Yang kedua, tentang isu usia emas. Kalau dilihat di bawah apa yang tertera di dalam bajet yang diletak di sini, adalah hanya untuk bantuan orang tua, yang mana ia layak diberi sehingga RM300 sebulan tetapi untuk mereka yang dapat, 60 tahun ke atas sahaja ya. Tetapi, sebab itu kita tampung program-program yang dinyatakan oleh Rawang tadi dalam Program Merakyatkan Ekonomi Selangor seperti *Jom Shopping*, program untuk, sekarang ini saya rasa apa yang dibuat oleh Sg. Pinang juga untuk Cergas, Taman Cergas itu adalah untuk mengeluarkan orang-orang upaya untuk boleh ke taman-taman untuk berekreasi dan mendapatkan kesihatan yang baik. Jadi, itu perkara yang ingin saya nyatakan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih, Puan Pengerusi. Saya ingin merujuk ke muka surat 247 di bawah Butiran 505000 di Kod Objek 10 000 iaitu Emolumen. Pada belanjawan tahun ini nampaknya kita telah, membelanjakan, kita akan membelanjakan sejumlah 1,536,618.46 untuk emolumen yang membabitkan pegawai-pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dalam beberapa tahun yang lepas saya ada membangkitkan beberapa aspek dan cadangan-cadangan penambahbaikan khusus untuk meningkatkan aspek *profesionalisme* ataupun *profesionalisme* pegawai-pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat memandangkan mereka berurusan dengan mereka yang agak tertinggal dan kurang upaya dan memerlukan bantuan. Kalau sebelum ini ada beberapa laporan yang saya kemukakan membabitkan sikap kurang mesra pihak pegawai-pegawai terbabit khususnya apabila melibatkan sokongan-sokongan yang diperlukan daripada ADUN-ADUN kerap kali sebelum ini mereka

menawarkan supaya diletakkan di bawah ADUN-ADUN Barisan Nasional sahaja. Dan perkara ini saya telah bangkitkan beberapa kali. Namun selepas Pilihan raya Umum Ke-13 yang lepas, saya mendapat rungutan-rungutan daripada orang ramai khususnya di daerah Gombak dan Batu Caves berkenaan dengan sikap pegawai-pegawai JKM apabila berurusan secara terus di kaunter-kaunternya. Selepas Pilihan raya Ke-13 hampir keseluruhan penerima bantuan bulanan telah dihentikan bantuan dengan alasan untuk kajian semula tahap pendapatan isi rumah penerima. Yang mana, tindakan ini pada saya wajar dilakukan bagi memastikan tiada pihak yang mengambil kesempatan daripada aktiviti ataupun bantuan-bantuan yang disalurkan. Namun demikian, saya ingin merakamkan di sini ada 6 buah aduan yang terperinci yang telah diadukan kepada saya yang mengatakan bahawa pegawai tertentu telah mengeluarkan kenyataan berbunyi begini, 'siapa suruh kamu undi Pakatan Rakyat, sekarang pergi mohon bantuan kepada ADUN kamu.' Bagi saya, ini adalah satu kenyataan-kenyataan yang paling tidak wajar dan ini sepatutnya tidak berlaku. Bagi pihak sebuah agensi yang menerima bantuan daripada pihak kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan. Kalau daripada kerajaan persekutuan pun ia merupakan wang cukai yang diberikan oleh rakyat, termasuk rakyat negeri Selangor yang menyumbang 25% daripada KDNK dalam negara kita. Jadi saya meminta sokongan daripada, saya ada nama-nama termasuk nama pegawai itu yang saya tak akan *disclose* di sini mahupun di luar kerana ia mengaibkan saya rasa. Namun, saya berharap agar pihak kerajaan negeri dapat memantau perkara ini dan kalau ia berterusan, saya rasa kita kena cari jalan yang lain bagi memastikan saluran maklumat ini dapat disalurkan dengan baik dan tidak menimbulkan prasangka sebagaimana yang ditimpa oleh saya dan mungkin ada sebahagian rakan-rakan saya di pihak pejabat-pejabat Adun. Terima kasih.

Sedikit untuk saya komen apa yang telah dikemukakan, tentang emolument dan sebagainya. Saya ingin menyatakan di sini khidmat pengurusan di bawah kerajaan sebenarnya ada dua (2) ya, sebab ini senarai bersama di antara persekutuan dan negeri. Kalau kita lihat tentang kakitangan yang sejumlah 800 lebih itu, 315nya daripada persekutuan dan yang 80 daripada kerajaan negeri Selangor. Pastinya di situ, kadang-kadang berlaku beberapa isu. Ada yang kadang-kadangnya memberikan sedikit kepayahan kepada penerima-penerima dengan kadang-kadang sebutan perkataan-perkataan yang agak tidak sepatutnya dinyatakan. Atas dasar itu, sebenarnya perjumpaan saya dengan, sering dengan Pengarah Jabatan Kebajikan, saya menegaskan perlunya ada sikap *professionalisme* dan juga integriti semua pegawai tak kira lah dia tu daripada mana kerana mereka ini adalah individu yang dilantik yang perlu melaksanakan program-program dan kalau ia bekerja di bawah kerajaan Selangor wajarnya dia memberikan satu tunjuk ajar dan satu sikap yang profesional yang patutnya dilaksanakan. Dan untuk enam (6) aduan yang dikatakan oleh Batu Caves, saya menunggu kalau ia boleh diajukan kepada saya dan kita akan membuat tindakan yang sewajarnya kepada mereka dan saya ingin umumkan di dalam Dewan ini, EXCO



kerajaan telah pun membuat satu ketetapan bahawa kita akan melaksanakan satu integriti kepada semua jabatan-jabatan oleh itu, arahan telah pun dikeluarkan cuma penubuhannya perlu dibuat secara berperingkat. Pewujudan memerlukan penambahan kakitangan termasuk penempatan pegawai SPRM. Ini adalah semuanya bagi untuk mengelak salah guna kuasa yang mereka rasakan dia duduk di jabatan-jabatan itu tetapi di akhirnya menggunakan kuasa yang salah dan lebih-lebih lagi mengambil insiden ataupun ambil perkara-perkara yang berkaitan dengan kononnya mereka ini berlatar belakang kan politik, sekian..sekian..yang memaksakan mereka tidak mendapat bantuan. Jadi, saya harap sangat aduan itu dapat diajukan kepada saya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B (15) iaitu wang sejumlah RM17,274,954 untuk kepala B(15) Jabatan Kebajikan Masyarakat menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B (16) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa RM8,230,381.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Puan Speaker, saya merujuk kepada muka surat 253, 521000 Kod Objek 1000. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa ini punya peranan sangat penting. Ia memastikan supaya pembangunan di negeri Selangor ini ia teratur dan tertib. Ketika dahulu, banyak pembangunan-pembangunan ini dia *top-down*. Jadi Perancangan dan Desa tidak punya kuasa yang besar tapi sekarang saya rasakan bahawa kita kena ada satu keberanian dan memastikan pembangunan-pembangunan ini supaya lebih teratur dan tertib. Contoh bandar lama yang agak teratur ialah di Shah Alam. Ataupun nak *benchmark*, Tan Sri, Bukit Jelutong lah. Sebuah bandar yang agak teratur yang agak tertib ataupun yang terbaru Setia Alam. Ada bandar-bandar yang dirancang, saya rasa perancangan itu harus dibuat secara keseluruhan tidak hanya *segmented*. Puchong, umpamanya pada saya satu bandar yang tidak teratur. Jalan masuk nya kecil tapi di belakangnya tu sangat besar..

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik, saya minta kaitkan dengan Perbekalan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Ya, ini lah perancangan. Perancangan, maknanya, masalah perancangan. Jadi, saya bagi contoh tadi supaya Perancangan dan Desa itu diberi satu kekuatan seandainya Jabatan Perancangan dan Desa ini kena *firm*, tidak mudah untuk membuat apa ni, semakan semula pada perancangan-perancangan yang dibuat. Sebagai contoh satu lagi ialah saya lihat macam pembangunan di Simpang Batu Tiga, dengan jalan yang kecil tetapi kelulusan pembangunan dengan *high risk building* di sebelah itu akan menyebabkan kawasan itu

akan *jam*. Jadi, *relationship* ini kira diambil kira juga. Sebab saya bangkitkan perancangan soal banjir supaya Jabatan Perancangan dan Desa kena pastikan bahawa perancangan-perancangan itu teratur. Ini yang saya nak bawakan di sini supaya jabatan ini diberi kekuatan seandainya dia tidak *approve* satu pembangunan, maknanya pembangunan itu tidak dapat diteruskan. Saya pasti bahawa jabatan ini bermesyuarat selalu. Jadi, saya harapkan kawasan-kawasan baru macam RRI yang kita nak bangun itu, kena punya perancangan yang baik. Contohnya, bandar yang baik saya pergi ke Singapura punya perancangan yang baik di antara jalan besar, kawasan pejalan kaki, kawasan hijaunya teratur. Tetapi, di sini nampaknya pihak *developer* cuba *maximise the space*. Jadikan kawasan bandar-bandar tidak teratur dan akibatnya banyak masalah-masalah sosial yang kita hadapi. Jadi, saya minta pandangan daripada pihak kerajaan.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Puan Pengerusi, saya menerima cadangan tersebut tetapi perancangan masa depan untuk pembangunan negeri Selangor ini sudah mempunyai struktur-struktur yang boleh kita pantau dengan teliti iaitu di bawah apa yang dipanggil konsep *structured plan*. Itu sudah, yang akan datang, maknanya umpamanya pembangunan RRI dan juga ELMINA, pembangunan-pembangunan di Bangi. Semuanya itu sudah termasuk dalam *structured plan*. Masalah yang dihadapi yang sekarang ialah pembinaan yang tidak mengikuti *structured plan*. Kedua, pembangunan sebelum *structured plan*.

Ketiga pembangunan yang tak dapat kelulusan tapi sudah ada. Ke semuanya ini sekarang dalam proses pembedahan. Itu sebab kita ada program pemutihan, ada program pemutihan. Sekarang lebih daripada 3,000 kawasan industri dalam proses pemutihan ertinya dia dah ada tinggal lagi bagaimana kita nak membetulkan semula, itu yang sekarang menjadi isu. Perkara yang juga menjadi persoalan dalam perancangan ialah apabila kita nak menetapkan tempat perkuburan bila kita dah tetapkan terdapat bantahan yang sangat banyak tetapi bantahan permohonan untuk mendapat tapak keperluan juga banyak, bantahan juga banyak. Tetapi kita kena membuat satu keputusan untuk menyelesaikan masalah kekurangan perkara tersebut. Jadi dia minta kubur tapi dia tak nak di kawasan dia, kawasan orang lain tak apa, dia senang hati. Jadi ini semua adalah proses yang kita kena buat dalam rancangan *started plan*. Saya rasa perkara yang akhir akan berlaku ialah apabila kita membuat MRT dan LRT akan terdapat beberapa perubahan *structure* dalam perkara ini dan ini juga kita perlu atasi dan kita berharap pergabungan di antara Pihak Berkuasa Tempatan, Perancangan Negeri dan juga Pejabat Daerah akan dapat sama-sama mencari penyelesaian yang terbaik untuk rakyat yang akan terpaksa membuat beberapa perubahan dalam tapak kediaman mereka.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Puan Pengerusi, Sungai Burong ingin mengambil bahagian dalam peringkat jawatankuasa ini membincangkan maksud bekalan B16 Jabatan 0213 PTJPK21300000, muka surat 253. Salah satu daripada perkara yang menjadi dasar pembangunan Negeri Selangor ialah Dasar Pembangunan Negeri yang terkandung dalam rancangan struktur yang sekarang ini sedang dalam peringkat kajian untuk membawa agenda pembangunan lebih besar kepada Negeri Selangor. Dalam proses dasar itu saya ingin pada kali ini membincangkan 3 perkara. Pertamanya ialah dari segi perancangan pembangunan perumahan yang saya lihat kelulusan-kelulusan pembangunan perumahan telah begitu banyak diluluskan dan berlaku keadaan di mana *micmatch* stok perumahan dengan keperluan permintaan perumahan. Apa yang membimbangkan saya ialah dalam keadaan pembangunan perumahan yang sekarang di dalam peringkat pelaksanaan terdapat satu ialah kenaikan harga perumahan yang begitu tinggi yang menyebabkan ini di luar daripada kemampuan dari beberapa kumpulan terutama mereka yang berpendapatan sederhana rendah dan juga berpendapatan rendah. Oleh kerana pelaksanaan pembangunan perumahan ini banyak dilaksanakan melalui dengan izin ialah *private given* jadi dasar-dasar bagi mengawal dan memastikan bahawa pembangunan oleh sektor swasta ini juga dapat memenuhi kehendak-kehendak keperluan permintaan-permintaan masa kini. Saya ingin membangkitkan supaya dasar tentang bagaimana kita hendak mewajibkan pihak swasta ini memastikan mereka ini membina rumah-rumah kos sederhana rendah dan kos rendah yang mampu dimiliki oleh golongan tersebut ini dapat dilaksanakan dalam agenda pembangunan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong, saya minta kaitkan dengan perbekalan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ya ini kawalan di bawah kawalan perancangan 521000 itu dia punya *subhead* kecil dialah. Yang keduanya, ialah dari segi pematuhan kepada piawaian-piawaian. Dasar pelan struktur yang dirancang oleh melalui apa ini melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa ini telah menetapkan piawaian-piawaian tertentu tetapi berlaku juga dari segi pelaksanaan pembinaan-pembinaan atau pembangunan ini telah melanggar piawaian-piawaian tersebut seperti kawasan-kawasan yang di *reserve* kan sebagai *buffer zone* dengan izin ya, saya ingin membangkitkan contohnya di ICT, kawasan yang disediakan *buffer zone* dijadikan sebagai jejantas dari kalaulah berlaku pelanggaran-pelanggaran ini berterusan maka dasar-dasar perancangan itu yang telah ditetapkan ini maknanya dia tidak akan bermakna. Saya juga ingin membangkitkan dengan perkara keutamaan dari segi perancangan dasar. Keutamaan saya ingin melihat supaya ada suatu perancangan secara komprehensif ataupun mewujudkan *master plan* tentang menangani masalah banjir di Negeri Selangor ini. Hari ini masalah banjir terutamanya masalah banjir kilat menjadi isu yang orang kata isu harian. Setiap tahun apabila berlaku musim tengkujuh maka kita lihat banyak kawasan-kawasan bukan sahaja di Lembah Klang tapi di luar

Lembah Klang menghadapi masalah banjir kilat di kawasan-kawasan perumahan. Dalam perancangan struktur ini saya ingin melihat supaya fokus ataupun tumpuan diberikan untuk membuat suatu perancangan sistem saliran yang dapat menguraikan masalah-masalah orang kata air yang berlebihan yang melimpah di dalam sistem saliran di dalam taman-taman ini, kawasan-kawasan taman perumahan ini dan juga kawasan-kawasan perindustrian dan kawasan PBT dapat disalurkan dalam satu rangkaian satu sistem yang dapat orang kata menyelesaikan masalah banjir di Negeri Selangor ini. Yang ketiganya saya ingin mengambil kesempatan ini juga ingin membangkitkan tentang isu masalah kesesakan lalu lintas. Kesesakan lalu lintas bukan menjadi suatu perkara dengan izin *enteng* pada hari ini dengan walaupun sudah ada perancangan-perancangan untuk menyuraikan dengan pembinaan sistem lalu lintas di peringkat *highway*, di peringkat jalan JKR Negeri dan sebagainya tapi saya lihat masalah kesesakan-kesesakan di tempat-tempat yang tertentu. Saya ingin melihat kalau boleh perkara ini di kaji oleh Kerajaan Negeri menentukan kawasan-kawasan *bottleneck* di mana kawasan-kawasan persimpangan yang sering dari segi unjurannya akan berlaku kesesakan dalam tempoh 5 tahun akan datang dan kemudian kita hendak melihat kawasan-kawasan yang sudah sesak pada masa ini perlu diambil kira dalam perancangan. Satu isu yang mungkin boleh diselesaikan secara interim, saya melihat pembangunan ini ada 2 perkara, satu pembangunan kemajuan yang telah dilaksanakan sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini yang memang suasana pembangunan, *pocket* pembangunan telah menyebabkan kesesakan di kawasan itu. Kalau boleh difikirkan bagaimana kita harus menghubungkan di antara taman-taman yang kecil ini saya ambil contohnya kawasan bukit taman bukit perumahan...

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sungai Burong sudah masuk pembangunan, sudah menyentuh..

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya menyentuh pembangunan tapi dalam konteks perancangan

**TUAN SPEAKER:** Kaitkan kepada bekalan. Kaitkan, saya minta kaitkan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Dari segi kawalan pembangunan tadi.

**TUAN SPEAKER:** Jangan terlalu masuk ke dalam perancangan pembangunan. Yang Berhormat Sungai Burong kaitkan ada menyebut tadi semua berkaitan dengan rancangan pembangunan muka surat 258-259.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ialah tapi saya dalam itu ada segi kawalan sebab ini bajet dari segi tumpuan dasar perancangan yang dibuat oleh perbekalan maknanya dari segi jabatan dan perkara ini..

**TUAN SPEAKER:** Kita ada usul pembangunan nanti. Jadi sekarang hadkan untuk bekalan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ok. Jadi dari segi itu dalam merangkakanlah perancangan untuk perancangan infrastruktur *blueprint* perkara ini perlu diambil kira. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Sungai Burong. Saya ingin menjawab dari segi perumahan tentang *mismatch* dengan izin pembangunan yang dibina. Antara sebab mengapa *mismatch* ini yang berlaku ialah di mana dasar dahulu yang mana kita mewajibkan pemaju kepada satu peraturan tidak kira di mana di Negeri Selangor di mana daerahnya, di mana mukimnya ada satu peraturan iaitu 202010. Contohnya adalah pembinaan rumah kos rendah di mana mereka di masa dulu sama ada di Bukit Beruntung atau di Semenyih atau di mana sahaja mereka boleh diwajibkan membina rumah kos rendah tanpa melihat akan keperluan di tempat-tempat tersebut atau di kawasan-kawasan tersebut. Apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri telah meluluskan satu dasar baru iaitu Dasar Rumah Selangorku. EXCO telah meluluskannya pada 13 November yang lepas dan dia akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2014 di mana keperluan rumah yang diwajibkan ke atas pemaju bukan sahaja bergantung kepada daerah tetapi bergantung kepada mukim bermakna kita melihat akan keperluan bagi setiap mukim dan kalau ada perlu peratus berapakah peratus rumah mampu milik, berapa peratuskah rumah kos rendah, berbeza-beza harga jadi bermakna bahawa dasar yang baru ini dapat menyelesaikan di mana rumah yang dibina tetapi tak ada orang yang hendak membelinya. Selain daripada itu dari segi impak kepada kawasan sekeliling kita melihat bahawa sekarang ini bukan sahaja kita mewajibkan TIA ataupun *traffic impact assessment* atau *development assessment* tetapi ada juga *social assessment* bermakna kita nak tahu apakah impak sesuatu projek itu kepada keseluruhan kawasan di sekelilingnya. Terima kasih.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Mengenai perkara menyelesaikan masalah banjir saya rasa bajet dalam perancangan bajet ini juga kita telah memberikan peruntukan untuk membuat beberapa kajian dan umpamanya sekarang sudah ada kajian yang boleh kita gunakan jika terdapat keadaan hujan lebih daripada 2 jam di beberapa kawasan kita sekarang boleh dapat tentukan di mana yang akan menghadapi banjir, sudah ada. Tapi itu ialah analisa dari segi masalah. Kedua kita juga sekarang membuat analisa dari segi penyelesaian. Satu daripada keputusan yang kita buat kita tidak memberikan penempatan di tebing sungai, *reserve* sungai, walau bagaimanapun begitu ramai keluarga yang terpaksa kita pindahkan jika kita meneruskan program ini. Jadi program ini terpaksa dibuat berperingkat iaitu hanya ada tempat gantian baru kita pindahkan. Jadi dalam beberapa masa beberapa usaha kita kena ada *contingency plan* maknanya tersingkat apa yang boleh kita lakukan umpamanya sebagai contoh

kita tidak sepatutnya membeli banyak pam, kalau kita membeli banyak pam bererti kita menerima hakikat masalah banjir tersebut. Tapi oleh kerana kita tak dapat menyelesaikan masalah ini, kita menambah perbelanjaan untuk menyediakan pam-pam supaya dalam keadaan banjir kilat, kita dapat juga mengurangkan bencana tersebut, ini kita lakukan.

banjir kilat, kita dapat juga mengurangkan bencana tersebut. Ini kita lakukan. Jadi ada *short term*, jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang. Maknanya, kita tidak membenarkan kawasan-kawasan yang akan menyebabkan berlakunya banjir. Ada beberapa kawasan yang saya rasa kelulusan yang kita telah beri adalah kelulusan yang tidak betul kerana kawasan penakungan air lebih tinggi daripada kawasan perumahan. Sudah tentu, harapan untuk air banjir memang sudah lebih pada besar kemungkinan.

Perkara yang ketiga, mengenai aliran trafik. Dalam belanjawan, kita menyediakan satu Jawatankuasa petugas untuk cuba bersama-sama dengan SPAD untuk mencari jalan penyelesaian. Apa yang dikatakan lalu lintas ini. Perkara ini ialah dalam proses sahaja.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya mengambil sedikit perbincangan dalam B16 di bawah Perkara 52100, Kawalan Perancangan merujuk kepada Perkara 1000 Emolumen.

Kita ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada kakitangan di bawah Jabatan Perancang Desa yang Alhamdulillah hari ini nampaknya dapat mengatur dengan baik sistem dalam Negeri Selangor ini menjadikan setiap pembangunan kita terancang. Walau bagaimanapun, saya hendak menyentuh satu perkara mengenai sistem *zoning* yang satu masa dahulu pernah hangat dibangkitkan yang mana pertukaran *zoning* di bawah Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang hingga menyebabkan terpaksa dibawa dalam Pendengaran Awam SELCAT. Jadi dalam konteks ini, saya nak minta penjelasan daripada pihak Kerajaan, apa kedudukan terkini mengenai rancangan pembangunan tanah PKNS Kelana Jaya ini? Kerana mungkin saya tidak dimaklumkan, atau pun sudah dimaklumkan kepada awam apa keputusan muktamad Kerajaan mengenai perkara ini sama ada rancangan pembangunan oleh pihak PKNS ini diterima atau pun apakah PKNS dalam proses rayuan di peringkat Lembaga Rayuan Majlis, peringkat Lembaga Rayuan Kerajaan .....

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Permatang, kali ketiga saya kena ingatkan semua Yang Berhormat. Kaitkan kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Ini sudah memesong kepada PKNS.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sebenarnya ia juga membawa kepada rancangan pembangunan yang melibatkan JPBD, yang melibatkan yang mana sistem *zoning* yang sudah ditentukan oleh pihak JPBD. Mengenai *zoning* di kawasan yang berkenaan yang mana kita dimaklumkan dan sedia maklum bahawa tanah ini termasuk dalam *zoning* rekreasi dan juga hijau. Jadi saya nak bertanya kepada pihak Kerajaan, apa keputusan muktamad sebenarnya daripada pihak Kerajaan? Kalau pun sudah dibuat.....

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ini Peraturan Tetap, Peraturan Tetap, ya?

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Bagi saya terus sekejap lagi. Nombor berapa tu?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Nombor 66(10). Sila duduk.

Tuan Speaker, ini sekarang kita di peringkat jawatankuasa untuk membahaskan peruntukan untuk JPBD. Yang ditanyakan adalah berkenaan dengan MBPJ. Jadi tidak berkaitan. Yang itu rancangan tentang menggubal draf Rancangan Tempatan atau pindaan yang dilakukan oleh MBPJ dan bukan JPBD. Jadi, tidak berkaitan dalam aspek ini.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Keputusan Pengerusi?

**TUAN SPEAKER:** Itu sebab Permatang, saya minta kaitkan kepada .....

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Ya, ya, saya kaitkan. Saya memudahkan sahaja.

**TUAN SPEAKER:** ..... Kaitkan kepada pentadbiran Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ya, saya nak bertanya kepada pihak Kerajaan, apakah sudah ada keputusan muktamad daripada pihak Kerajaan Negeri mengenai pembangunan ini, di kawasan ini yang merupakan zon rekreasi? Atau pun sudah dipersetujui untuk diberikan kelulusan pembangunan untuk menjadi pembangunan. Itu sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Tak payah jawab, pihak Kerajaan. Tak payah jawab.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Sebab mengikut Peraturan 66(10), hanya dasar, dasar berkenaan dengan peruntukan itu sahaja yang disentuh dan salah jabatan, silap

jabatan. Sepatutnya Yang Berhormat bangkitkannya apabila kita meluluskan peruntukan untuk Badan Berkanun iaitu MBPJ dan bukan di tahap ini. Tahap ini adalah JPBD.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ha, ha .....

**TUAN SPEAKER:** Tak payah jawab, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Sedikit penerangan mengenai proses yang kita lakukan sekarang ialah lebih telus, maknanya proses yang kita lakukan kalau ada pertindihan, kita akan adakan apa yang dipanggil *Town Hall Meeting*. Kita ada dan proses permohonan juga kita lakukan. Jadi tiada satu perkara yang boleh mendapat kelulusan dengan tidak ada apa yang dipanggil *consultative exercise*. Maknanya, itu yang berlaku.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B.16 iaitu wang sejumlah, Ringgit Malaysia, Lapan Juta, Dua Ratus Tiga Puluh Ribu, Tiga Ratus Lapan Puluh Satu (RM8,230,381.00) untuk Kepala B.16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.17, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Ringgit Malaysia, Dua Belas Juta, Lapan Ratus Sebelas Ribu, Tiga Belas (RM12,811,013.00).

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Tuan Pengerusi?

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 265. Butiran 522000, Kesihatan Veterinar, Kod Objek 29000, Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti.

Saya ingin menyentuh isu anjing liar dan kucing liar. Kita memang sayangkan anjing dan kucing. Akan tetapi apabila terdapat anjing liar dan kucing liar terutama di tempat-tempat awam yang berpuluh-puluh ekor telah menjadi satu kacau ganggu kepada rakyat. Mereka yang sayangkan anjing atau kucing juga tak dapat membawa kucing-kucing atau anjing-anjing tersebut ke rumah mereka kerana rumah mereka tidak dapat memuatkan banyak ekor anjing dan kucing liar itu. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak Kerajaan sama ada terdapat rancangan untuk mengadakan perkhidmatan kawalan pembiakan untuk anjing liar dan kucing liar iaitu pengembirian, begitu juga cara perlaksanaannya perkhidmatan tersebut bagi mengurangkan anjing liar dan kucing liar.....



**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu, bukannya ini di bawah PBT?

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Tak ada. Ini ialah pembiakan. Cara kawalan pembiakan. Ini bukan tangkapan atau pun.....

**TUAN SPEAKER:** Jadi, Kuala Kubu Baharu nak kawalan pembiakan?

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Anjing dan kucing?

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Anjing liar dan kucing liar?

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Ya.

**TUAN SPEAKER:** Ok. Yang Berhormat mana satu bagi pihak Kerajaan yang akan memberi ulasan?

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Ha, *there?*

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sabak?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih kepada Kuala Kubu Baharu. Sebenarnya dulu Veterinar ada *Veterinary Police Force* yang pernah ditubuhkan dulu untuk mengawal anjing liar, kucing liar, binatang-binatang liarlah. Selepas itu, dia tukar kepada Atendan Haiwan yang menangani masalah-masalah ini. Tapi masalah yang liar-liar sekarang ini diserahkan kepada PBT untuk menghadapi masalah. Jadi tanggungjawab liar-liar ini kita serah kepada PBT untuk menangani. Ada pun masalah pengembangan ini memang ialah masalah binatang-binatang yang dalam kawalan apa ni..... Kita pihak Veterinar memang ada satu, ada satu yang termasuk dalam penderaan. Kalau dia tidak liar dan kalau dia didera, penderaan. Maka dia ada satu undang-undang, boleh mendakwa bagi penderaan binatang-binatang. Jadi persoalan binatang yang tidak liar ini dalam kawalan Veterinar, yang liar ini dalam kawalan PBT sendiri.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, sebenarnya PBT tidak ada sebenarnya peruntukan yang begitu khusus bahawa PBT dikehendaki menjaga haiwan juga. Jadi buat masa ini, PBT lingkungan kerjanya sudah semakin luas. Daripada jaga orang hidup, orang mati, lembu, kambing, burung walit, kucing, nyamuk dan sekarang ini liar dan tidak liar. Walau bagaimanapun, pihak PBT, pihak saya telah pun bermesyuarat dengan semua Pengarah-pengarah yang berkaitan, berkenaan dengan anjing liar ini. Sama ada liar atau tidak liar, bagi PBT adalah lesen atau tidak berlesen, tidak soal liar atau tidak liar. Jadi dalam mesyuarat itu juga kita putuskan, kita akan

bekerjasama, PBT akan bekerjasama dengan pihak Veterinar yang telah pun melepaskan tugas ini kepada PBT. Kita akan tarik dia balik untuk kerja bersama-sama sebab di peringkat PBT, kita tidak ada kepakaran untuk menjalankan kerja-kerja seperti memandulkan anjing atau pun kucing. Jadi ini adalah perkara yang agak sensitif kerana dengan pemahaman pelbagai pihak berlainan di mana cara penangkapan anjing atau pun kucing menjadi isu yang begitu hangat dibicarakan khususnya dalam internet ini. Jadi perkara ini sensitif sebab ia melibatkan kegemaran kaum yang berlainan. Yang tidak suka anjing mengatakan anjing itu menyalak bising, yang tak suka kucing itu kata kucing musim mengawan dia mahu, tak mahu, itu juga menjadi masalah. Jadi kita akan melihat untuk mencari penyelesaian terbaik. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Tuan Pengerusi?

**TUAN SPEAKER:** Ijok, Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Masa hari raya .....

**TUAN SPEAKER:** Ijok, muka surat mana satu?

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Saya rujuk pada muka surat 266, dari segi pengurusan Jabatan. Pada masa Hari Raya Haji, saya dapati banyak lembu-lembu yang diberi oleh Kerajaan semua kurus-kurus belaka.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Ijok .....

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Bukan pada Ijok, pada semua .....

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Ijok, bukan semua hal yang berkaitan dengan binatang masuk bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Ini saya nak tanya tentang pengurusan, peruntukan pengurusan banyak tetapi .....

**TUAN SPEAKER:** Ya, itu bawah MBI. Tak berkaitan dengan Jabatan Veterinar. Yang Berhormat Ijok, sila fikir dulu bagaimana nak kaitkan. Nanti saya beri ruang.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Ok, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyentuh tentang 531000, Perancangan dan Perkembangan Industri Ternakan.

Kita sedia maklum, sewaktu hari raya atau pun Hari Raya Aidilfitri, kita memerlukan lembu yang banyak. Samalah seperti bantuan daripada Kerajaan Negeri, terima kasih. Apa yang saya lihat, kita kurang merancang untuk membina pusat-pusat industri ini. Saya bertanyalah pada pihak Kerajaan, di manakah industri-industri penternakan ini dibuat, khususnya di Negeri Selangor? Terima kasih.

**Y.B, TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih. Untuk perhatian Sungai Air Tawar bahawa untuk bekalan lembu bagi Raya Korban akan datang kita dah mulakan kita cadang kita akan mulakan setahun sebelum sambutan itu dibuat kita sudah akan mulakan untuk menyediakan bekalan lembu supaya, kita juga nak menyelesaikan masalah lembu-lembu yang dihantar akan datang kurus-kurus. Sebagaimana yang dibangkitkan. Adapun pihak, melalui Veterinar terutama sekali bahawa kita ada beberapa ladang yang kita wujudkan berkaitan dengan lembu, sama ada ianya lembu tenusu ataupun lembu daging ataupun yang melibatkan beberapa peserta dalam tahun ini sahaja bagi lembu daging ada 3 peserta dengan jumlah ternakan 280 ekor itu serta Skim Feedlot dan kita mencecah dan begitu juga bagi lembu tenusu sekali kita mempunyai lebih kurang 6 jumlah peserta dengan jumlah ternakan lebih kurang 432 ekor. Adapun yang dikendalikan oleh pihak Veterinar juga memantau bagi penternak-penternak lembu ini yang kendalikan persendirian yang banyak juga di Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Ijok, ada soalan lagi?.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Tidak. Saya ingat telah dijelaskan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, Sekinchan juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan B17 berkaitan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, muka surat 263, 505000, Pentadbiran dan kewangan. Dalam konteks kita, yang saya ingin menarik perhatian Dewan berkenaan dengan satu projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri khususnya melalui satu ternakan lembu tenusu di ladang Jelutong Jati, di Sungai Panjang, dan saya memantau ianya adalah satu projek yang besar yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan lembu-lembu itu, tenusu itu dapat menghasilkan susu dan berjaya dalam projek tersebut dan saya bertanya, minta penjelasan setakat ini perkembangan projek tersebut dan apakah sasaran Kerajaan Negeri terhadap penternakan tersebut pada masa akan datang, jangka pendek dan jangka panjang kerana ini merupakan satu industri yang agak baru dan melibatkan juga Jabatan Pertanian, PKPS dan Veterinar sebab konteks ini dalam lembu tenusu ini agak baru bagi rakyat Negeri Selangor. Jadi perlu penjelasan daripada Kerajaan Negeri dalam konteks ini dan pada masa yang sama juga saya ingin

menarik perhatian soal Veterinar berkaitan dengan kesihatan industri penternakan burung walit ini. Burung walit ini sekarang ada undang-undang baru untuk kawal selia tentang burung walit ini tetapi setakat ini pun kita tidak memastikan sama ada apa ada kesan daripada Jabatan Veterinar laporannya mengenai, ada laporan aduan-aduan berkaitan dengan penternakan burung walit khususnya di pekan-pekan dan apakah kesan soal ini kepada kesihatan sekiranya ada laporan saya minta. Kalau ada daripada Kerajaan bagi tahu pada Dewan Yang Mulia ini, supaya kita tahu kesan jangka pendek, jangka panjang penternakan burung walit terhadap kesihatan. Memberi positif, negatifnya kepada rakyat. Ini juga antara yang saya ingin minta penjelasan daripada Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, lembu tenusu dulu. Yang Berhormat Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Rujukan dibuat oleh Sekinchan berkaitan dengan lembu tenusu di Jelutong Jati ya. Tapi saya menilai apa yang disebut oleh Sekinchan tadi adalah berkait dengan soal pembangunan untuk masa depan. Cuma saya akan menyinggung bahawa memang keperluan susu untuk susu segar, susu lembu bagi rakyat Negeri Selangor ini masih terlalu kurang, sebab itu apa yang kita usahakan melalui apa yang kita usahakan di Jelutong Jati itu adalah satu usaha permulaan yang kita akan nilai dari sudut jangka panjang dan perancangannya supaya bukan sekadar kita akan bertahan dalam *volume* yang sedia ada tetapi memang Kerajaan Negeri akan memperkembangkan apa ini, tentang penternakan lembu tenusu ini dari sudut *volume* dari sudut jumlah ekor, tapi juga kita akan cuba perbanyakkan dari sudut penempatan-penempatan yang lain apabila kita mendapati ada *progress* yang baik daripada apa yang kita lakukan di Jelutong Jati ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B17 iaitu wang sejumlah RM12,811,013.00 untuk kepada B17, Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B18, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, RM13,360,030.00.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Puan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Ingin saya bangkitkan perkara 505000, Pentadbiran dan kewangan. Di muka surat 278. Saya sering mendapat aduan daripada penduduk bahawa jangka masa yang diambil untuk memproses lanjutan pajakan tanah adalah sangat lambat. Jadi saya ingin mohon penjelasan apa KPI yang

telah ditetapkan dan adakah KPI ini dipatuhi oleh pegawai-pegawai di Pejabat Daerah Petaling untuk memproses lanjutan *all this lease hold extension* untuk ke hadapan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Pengerusi, dalam rancangan yang sebutkan dalam ucapan belanjawan saya, kita akan menubuhkan satu Jawatankuasa yang cuba mengatasi masalah-masalah kelewatan pemprosesan iaitu kita dapati kita cuba membuat satu sistem yang dipanggil *first in first out*. Maknanya ada orang datang minta permohonan dia diberi layanan yang mula-mula. Ini mengurangkan keadaan yang terdapat ada fail yang diutamakan, ada fail yang tidak diutamakan. Walau bagaimanapun, kita juga ternampak *first in first out* ini kita boleh dapat mengukur berapa banyak kerja yang diselesaikan dalam satu hari. Tapi apa yang berlaku, ada yang dikata in tak ada out. Jadi itu yang kita sekarang bagaimana untuk menyelesaikan perkara ini, sebab dulunya. Jadi satu kumpulan yang kita nak sediakan untuk sama-sama bekerja dengan kerani-kerani tanah untuk mengetahui proses *first in first out* ini dapat dilaksanakan dan program pengukuran produktiviti, maknanya seorang kerani itu boleh bekerja, katalah dia dapat selesaikan 20 fail sehari. Jadi, kalau dah siap 20 fail dia boleh balik tak payah tunggu sampai masanya. Tapi kalau dia tak siap dia kena tunggu sampai siap. Jadi kita bukan bekerja *based on time*, tapi *based on productivity*. Itu beberapa cadangan yang kita hendak lakukan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Yang Amat Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Adakah ini kerana pegawai tidak mencukupi yang proses fail ini mengambil masa yang lambat buat masa ini? Ataupun adakah pihak Pentadbiran Kerajaan Negeri rasa pegawai yang ada di Pejabat Daerah Petaling ini mencukupi.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Pengerusi, ini pun hasil daripada kajian tersebut kita boleh tahu sama ada kita cukup tak cukup. Sebab sekarang kalau kita ikutkan bila kajian awal menunjukkan ada kalanya dalam usaha yang dilakukan, bila ada permintaan dari katalah Setiausaha Kerajaan Negeri daripada EXCO nampaknya kerja itu berjalan cepat. Tapi kemudian berjalan lambat. Maknanya bukan kerana tak ada tenaga tetapi tak ada motivasi. Itu yang kita, jadi maknanya bukan kerana guna tenaga tetapi kerana produktiviti. Jadi kita kena buat tinjauan dan saya harap hasilnya akan memberikan beberapa kesimpulan. Saya tak hendak buat satu kajian yang beberapa rakan daripada swasta nak buat apa yang dipanggil *time and motion study*. Saya tak hendak buat begitu. Sebab saya hendak galakkan kita memberi kepuasan kepada mereka yang bekerja.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Yang Amat Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Masih belum habis, Bukit Gasing?. Sungai Burong.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Belum lagi. Sedikit lagi.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Saya ucapkan terima kasih kerana melakukan kajian inilah untuk meningkatkan tahap perkhidmatan Pejabat Daerah Petaling. Anggaran bilakah kajian ini akan selesai dan dapat dilaksanakan pembaharuan-pembaharuan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Pengerusi, Kajian ini akan kita tahu sama ada berlaku atau tidak kerana belanjawan kita akan ada *review* nya selepas bulan Jun. Sebab kita sekarang mempunyai usaha untuk *budget review* maknanya dan dengan di masa itu kita akan terangkan keadaan usaha yang kita lakukan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Puan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan muka surat 278. Saya bersetujulah dengan perlunya kajian dibuat untuk melihat dari segi keberkesanan Pentadbiran tanah. Tapi saya lihat beban tugas mengikut perjawatan Pejabat Tanah Petaling ini satu pejabat yang mempunyai beban tugas yang banyak. Fail-failnya pun banyak, sebagai contoh kalau urus niaga untuk urus niaga sahaja berpuluh-puluh fail ataupun beratus fail kena diluluskan oleh Pentadbir Tanah dalam satu hari untuk ditandatangani sahaja. Jadi pertanyaan saya adakah, dia tak sama antara Petaling dengan Sabak Bernam. Sabak Bernam bilangan failnya mungkin lebih sedikit jika dibandingkan Petaling. Jadi dalam kajian ini, kerana perkara ini dah lama kita minta supaya Kerajaan Negeri melihat ya dari segi keperluan bebanan tugas yang perlu diberikan pertimbangan. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Pengerusi. Saya tidak akan, Kerajaan Negeri tidak akan menyekat penambahan guna tenaga, tak ada, kita tidak boleh menyekat perkara itu. Tetapi yang boleh kita lakukan ialah sebelum kita ambil guna tenaga itu kita kena buat kajian yang sesuai. Kalau tidak boleh jadi hanya yang dipanggil permintaan pada *peak time* tapi bila masa yang sudah ada pekerjaan yang berlebihan itu. Kedua, kita juga boleh mengkaji untuk umpamanya sebagai contoh setengah daripada pejabat sudah mula mengambil pekerja tambahan dalam masa *peak time*. Lepas itu, tak payah lagi. Jadi itu semua akan kita usahakan.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B18, Pejabat Daerah, maaf Jadual B18 iaitu wang sejumlah RM13,360,030.00 untuk kepala B18, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-

ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui. Dewan bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari dengan itu saya menangguhkan Dewan hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**[ Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari ]**

[ Dewan disambung semula ]

**TIMBALAN SPEAKER:** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B19 Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, Ringgit Malaysia: Dua Belas Juta Tujuh Ratus Tiga Puluh Ribu Lima Puluh Tiga.

**TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk muka surat 283, Butiran Program 505000, Kod Objek 10000 Emolumen. Hulu Kelang ingin merakamkan penghargaan kepada prestasi dan persembahan kerja Pegawai Daerah dan pasukannya di Pejabat Daerah Gombak kerana dengan pembaharuan yang dilakukan, beliau mewujudkan dan pasukannya mengujudkan kerjasama yang rapat dengan ketua-ketua masyarakat termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri di seluruh kawasan yang berkaitan dengan Pejabat Daerah Gombak. Ini memudahkan urusan ADUN di mana komunikasi terus dilakukan dan mewujudkan kerjasama yang rapat bagi menyelesaikan masalah *hands on* dengan izin. Oleh kerana itu, surat-menyerat juga dijawab dengan baik dan sering kali Pegawai Daerah dan pegawai-pegawainya serta pasukannya turun padang untuk memberi penerangan, taklimat bersama-sama dengan pencerahan yang cukup jelas dalam pentadbiran DUN di Hulu Kelang dan daerah-daerah di Gombak. Dengan itu Hulu Kelang ingin merakamkan rasa penghargaan di atas pembaharuan yang dilakukan di bawah pimpinan DO yang baru dengan izin (Dewan bertepuk).

Yang keduanya Hulu Kelang, saya ingin menyentuh tentang pengurusan tanah di mana di antara kehendak dan keperluan penduduk dan rakyat adalah tentang pembaharuan dan penyambungan pajakan tanah yang kadang-kadang berakhir 60 tahun, 99 tahun di mana mereka ada kesulitan sikit untuk pergi ke Pejabat Daerah berulang-alik, naik tangga turun tangga, naik lif turun lif. Jadi saya mencadangkan sebagaimana yang disyorkan oleh Dato' Menteri Besar bahawa urusan tanah boleh dilakukan dengan digital, komputer dan sebagainya. Jadi saya ingin mencadangkan khususnya di Kampung Baru Cina Kampung Kuala Ampang di mana dijadualkan setahun sekali ataupun dua, penduduk-penduduk diadakan taklimat di mana Pejabat Daerah Gombak mengadakan kaunter di situ dengan memaklumkan ada proses pembaharuan dan permohonan, pembaharuan dan penyambungan geran ataupun pajakan tanah. Ini satu perkara yang boleh memudahkan rakyat dan akan mendapat hasil pulangan premium ataupun cukai tanah yang lebih berkesan bagi pengurusan Pejabat Daerah/Tanah Gombak.

Dan ketiganya yang ingin sentuh adalah tentang kemudahan awam yang khususnya berkaitan dengan pembangunan-pembangunan balai orang ramai ataupun dewan orang ramai yang dibina oleh PLB Pejabat Daerah Gombak di mana pengurusannya



hari ini berada di bawah Majlis tetapi ketidakjelasan dari segi penambahbaikan, kerosakan dan penyeliaan yang patutnya dilakukan oleh siapa, khususnya apa yang berlaku di Kampung Kemensah saya ingin tarik perhatian kerajaan dan Pejabat Daerah Gombak agar kemudahan yang telah ditetapkan iaitu pembinaan bilik air dan tandas disempurnakan. Dan oleh kerana itu, perkara keempat yang ingin saya sentuh adalah tentang keselamatan kampung di mana baru-baru Pejabat Daerah Gombak melalui Penghulu dan Ketua Kampung telah melancarkan apa yang dikatakan Pasukan Keselamatan Kejiranan Kampung. Dia telah melonjakkan satu rangsangan hidup menjaga keselamatan di dalam JKKK khususnya Kampung Pasir Hulu Kelang di mana semangat berpasukan, kerjasama, permuafakatan telah melonjak dengan hanya pelaburan yang agak sedikit iaitu memberikan *vest* dan topi, cota dan peralatan keselamatan. Jadi persoalan saya, adakah perancangan kerajaan untuk meluaskan lagi, melebarkan lagi pelaksanaan dan pengurusan keselamatan kampung melalui Pasukan Keselamatan Kejiranan Kampung.

Yang kelima dan akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang persembahan dan khidmat yang dilakukan oleh Pejabat Daerah Gombak tentang isu kebersihan. Walaupun pada dasarnya pengangkutan sampah, angkat sampah ini adalah tugas Majlis tetapi di kampung-kampung seperti di Kampung Pasir di Hulu Kelang, kampung Klang Gate di Hulu Kelang dan kampung Kemensah, sampah-sampah ini ditransitkan ke satu tempat sama ada *recyclebin* dengan izin ataupun kotak-kotak ataupun tangki-tangki kosong yang telah terpakai. Jadi imejnya tidak baik kerana sebagai sebuah negeri yang menuju kepada negeri maju dan perubahan ini hendaklah kita lakukan dan saya mencadangkan agar satu pengurusan yang lebih sempurna bagi transit sampah daripada kawasan-kawasan rumah lot, di tepi-tepi jalan sebelum diangkat oleh MPAJ dengan izin dengan Majlis MPAJ hendaklah diuruskan. Saya mencadangkan sekiranya dalam perkhidmatan yang dilakukan oleh Pejabat Daerah Gombak, bekalan tong-tong sampah dibekalkan agar dengan itu imej yang lebih selaras dalam pelaksanaan pelupusan sampah di kampung. Terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER:** Minta wakil kerajaan, Yang Amat Berhormat Pelabuhan Klang.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Pengerusi, terima kasih atas perhatian tentang kerjaya warga kerja Pejabat Daerah Gombak dan kita ingin memberikan peluang kepada Pegawai Daerah melaksanakan kepimpinan yang secara terbuka dan menyeluruh. Kedua, kita juga berharap kita mesti menerima bahawa warga kerja di Pejabat Daerah mempunyai *multi skil* bukan sahaja dari segi pentadbiran tetapi juga dari segi undang-undang, dari segi pengurusan tanah dan juga dari segi boleh bekerja dengan *engineer* untuk melihat keberkesanan projek-projek pelaksanaan. Saya akan menyentuh satu perkara iaitu usaha untuk menjaga keselamatan kampung. Itu kita akan cuba perkuatkan di seluruh Selangor tetapi ini akan kita hasilkan dengan

perjumpaan dengan semua Ketua-ketua Kampung yang program pembangunan desa akan dilakukan. Kalau itu sudah dipersetujui beberapa aktiviti dan langkah-langkah akan dilakukan untuk pelaksanaan program tersebut dan satu perkara untuk kebersihan. Kita, kerajaan negeri boleh jadi akan meminta dan menolong Pihak Berkuasa Tempatan untuk pembiayaan, pembersihan sampah sarap di kampung sebab kawasan perkampungan ada kalanya tidak membayar apa-apa untuk pengangkutan sampah sarap. Jadi oleh sebab itulah kita kena duduk bersama untuk melihat bagaimana pembiayaan pembersihan itu dapat kita lakukan.

**TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Pelabuhan Klang. Mana-mana lagi Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian. Ya, Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Merujuk kepada muka surat 283, 525000 berhubung kait dengan tanah di Pejabat Gombak. Kita faham bahawa kita mewarisi sistem kerajaan dulu yang penuh tidak ada sistem. Kerajaan dahulu ha.. itulah sistem dia, yang tidak ada sistem. Kerajaan dulu dilihat mengurniakan tanah dengan cara yang tidak begitu sistematik sehingga kita mewarisi masalah-masalah yang sekarang ini. Ada kes yang berlaku di Paya Jaras ini di mana geran di bawah pentadbiran Gombak dikeluarkan, ada geran, ada lot semuanya cukup tetapi tanahnya tidak ada, kertas sahaja ada. Soalnya, apakah kerajaan akan mengimbuai balik atau mengenakan sebagaimana sistem SELIS yang diperkenalkan di peringkat PTG di daerah-daerah dan kita kena betulkan balik masalah-masalah yang kita ada ini. Saya pernah menyebut dalam sidang yang lalu iaitu ada *crack in the system* dengan izin dengan polisi yang ada sekarang ini di mana kita memberi geran-geran kepada mereka yang telah mengusahakan tanah sekarang ini tetapi timbul masalah bagi tanah-tanah yang masih kosong. Saya pernah menyebut bahawa sekiranya kerajaan tidak mengenakan peraturan ataupun panduan yang jelas, maka tanah kosong ini rakyat mohon Pejabat Tanah tolak, rakyat lain mohon lagi, Pejabat Tanah tolak lagi, mohon lagi, maka ini tidak ada pengakhiran kepada sistem, masalah ini. Saya pernah menyebut dalam perbahasan sidang yang lalu, saya sebut kita mohon kerajaan sekarang ini melonggarkan pemilikan tetapi mengetatkan syarat pemilikan itu, syarat itu kerana ada kes di mana oleh kerana tidak ada kediaman rumah tetapi mengusahakan dalam bentuk kebun dan sebagainya masih tidak diiktiraf sebagai mengusahakan tanah. Jadi kita minta kerajaan jelas tentang hal ini dan kita kurniakan tanah kepada mereka-mereka yang memerlukan, ibu tunggal, orang miskin, orang susah, orang yang tidak ada kediaman rumah kita kena bagi kepada mereka-mereka ini.

Dan seterusnya saya ingin bertanya kepada kerajaan, terdapat kes-kes di mana ada kes tanah itu disalah pindah milikan dengan cara yang tidak betul. Tuan lain, kes bermasalah saya bagi umpama di Paya Jaras ada satu tanah diusahakan, ini boleh jadi di bawah pentadbiran Pejabat Tanah lain, cuma saya bagi contoh di sini, tanah

diusahakan oleh satu pemaju yang mana pemaju ini telah jatuh gulung tikar diletakkan di bawah likuidasi. Tetapi dalam proses likuidasi memegang tanah ini tiba-tiba tanah yang menjadi isu telah bertukar milik di bawah kerajaan sekarang ini. Maksudnya Pejabat Tanah kita tidak mempunyai sistem untuk memantau mana-mana syarikat yang digulung tikar yang diletakkan di bawah mana-mana likuidasi. Ini berlaku. Soalnya, adakah kerajaan negeri berani menggunakan Seksyen 340 Kanun Tanah Negara untuk membatalkan balik geran yang telah diambil secara tidak sah ini dan memberi balik hak kepada mereka ini. Kerajaan, saya utarakan ini kerana ini merupakan juga sistem kerana Paya Jaras kagum dengan SELIS Selangor *Land Information System* itu yang diperkenalkan itu sangat-sangat unik yang tidak pernah terfikir oleh negeri-negeri lain. Wahemah sewaktu kita membentangkan sistem SELIS dan Konvensyen Tanah yang dianjurkan oleh salah satu parti politik di Malaysia ini, negeri-negeri lain kagum melihat bagaimana kita memantau tanah kita, kita tahu berapa banyak tanah kita, kita tahu berapa rizab kita ada, kita tahu berapa yang dah diberi, kita tahu berapa lot industri, kita tahu berapa pertanian tetapi di sini kita tidak tahu tanah-tanah yang bermasalah yang diwarisi oleh kerajaan UMNO dan Barisan Nasional, Tuan Speaker.

**TIMBALAN SPEAKER:** Ya, mana-mana wakil kerajaan yang ingin menjawab? Paya Jaras, minta tutup *microphone*.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ok. Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita baru sampai kesatu peringkat yang tahu keadaan pemilikan tanah dan maklumat ini pun maklumat yang masih belum 100% yang dapat kita laksanakan kerana kita mewujudkan *task force* tanah untuk pergi ke pergi dan melihat tanah-tanah tersebut. Untuk makluman Dewan, walaupun kerajaan negeri tahu itu tanah kerajaan negeri, tapi kerajaan negeri tidak ada kumpulan yang pergi melihat keadaan tanah-tanah tersebut. Jadi, oleh sebab itulah kita sediakan kumpulan untuk ini.

Dan untuk menjawab soalan yang pertama. Jika benar tanah itu diberikan oleh kerajaan dan mempunyai *title* ataupun hak milik, jika berlaku pertindihan adalah tanggungjawab kerajaan negeri untuk menggantikannya. Jadi itu, dan perkara itu boleh dibangkitkan dan kerajaan negeri mesti menyelesaikan pembayaran dalam bentuk tanah ataupun dalam bentuk pampasan. Kedua-dua itu akan berlaku. Jadi, kerajaan negeri tak boleh lepas tangan dalam perkara tersebut. Tetapi jika didapati bahawa pemberian hak milik itu bukan mengikut prosedur, bererti prosedur pembelian tanah ini melalui pejabat tanah dan juga Exco negeri, tetapi jika prosedur itu tidak dilakukan dan disabitkan kepada *fraud*, undang-undang dan keputusan mahkamah *federal* telah membolehkan kerajaan negeri tidak mempunyai tanggungjawab terhadap perkara tersebut. Jadi, oleh sebab itulah kita mengambil masa sedikit untuk melihat fail-fail tentang proses penamaan ataupun pemberian tanah-tanah tersebut.

Dan perkara yang ketiga. Oleh kerana kerajaan negeri sudah ada ketahui tentang tanah-tanah tersebut, kerajaan negeri bercadang untuk membuat satu polisi tentang pemberian tanah untuk kebajikan, pemberian tanah untuk perniagaan. Kedua-dua itu akan tahun hadapan akan kita bincangkan dan perkenalkan. Untuk kebajikan, kita akan beri kepada mereka yang dapat rumah, kepada mereka yang tak mempunyai tanah untuk mendapat tapak tersebut dan jika dalam semakan kita mereka tidak mempunyai harta-harta atau pun tanah-tanah.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Pengerusi.

**TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Rawang ingin rujuk kepada muka surat 283, butiran 505001 – pentadbiran dan kewangan (dasar baru). Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan Selangor sebab sebelum ini kita memang ada satu fokus untuk selesaikan permohonan geran tanah untuk mereka yang telah duduki sesuatu kawasan ataupun kampung melebihi 20-30 tahun tetapi belum dapat geran tanah. Kita nampak memang ada satu gerak kerja yang rancak terutamanya di kawasan Gombak juga Rawang dan sebagainya. Tetapi kita nampak setelah selesaikan semua geran tanah ini, muncul pula satu isu yang baru tentang TOL (Lesen Menduduki Sementara). Sebab sebelum ini Yang Berhormat ataupun Menteri Besar mengatakan hanya mereka yang duduk ataupun menduduki sebuah tanah itu boleh dapat geran tanah. Jadi, TOL saya difahamkan telah dibekukan untuk permohonan dan kelulusannya. Sekarang wujud satu kesulitan / kesukaran *on the ground* (dengan izin) yang mana ada orang yang pergi duduk dulu. Sebab dia kata dengan ini boleh dapat geran tanah walaupun itu masih lagi status tanah. Dan banyak TOL sebenarnya tertangguh dan kita wujud satu keadaan yang tidak tahu macam mana nak selesaikan. Sebab saya difahamkan memang semua ini telah dibekukan sejak bulan Januari (kalau tak silap saya) 2012 dan macam mana keadaan ataupun keputusan kerajaan negeri yang terbaru untuk selesaikan keadaan ini. Sekian.

**TIMBALAN SPEAKER:** Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Dato' Pengerusi. Sebenarnya ha.... ha... ha... ha .. Terima kasih. Dia yang sekarang ini kita mesti selesaikan ialah oleh kerana saya dapati, apabila kita membagi lesen sementara (TOL) ini, bererti kerajaan sudah ada komitmen tentang pemilikan ataupun penggunaan tanah.

Kedua, kita dapati lesen yang kita bagi itu pula digunakan oleh orang yang mendapat itu untuk menyewa atas sewa. Jadi nampaknya perkara ini tidak selesai. Dan hasilnya untuk negeri sangat sedikit. Paling banyak walaupun tanah itu ada kalanya 10 ekar, kerajaan negeri hanya mendapat kurang daripada RM50 setahun. Jadi, oleh kerana tak sampai RM5 sebulan. Jadi, kita dapati membagi lesen TOL ini dengan tak ada

perancangan yang betul. Jadi akan menyusahkan bila kita ingin menggunakan tanah ini untuk kegunaan seperti melebarkan jalan ataupun untuk membuat parit dan seterusnya. Jadi, oleh sebab itu, kerajaan mengambil sikap tidak mengeluarkan TOL lagi sehingga kita selesai memantapkan kegunaan tanah tersebut walaupun dalam tahun lepas dia agak kecoh kerana rupanya begitu ramai orang yang dapat TOL ini sebenarnya bukan orang yang menggunakan tanah tersebut terutama di kawasan Gombak. Begitu banyak tempat-tempat simpanan kereta *second hand* yang begitu banyak yang hanya menggunakan TOL membolehkan mereka menyimpan kereta di situ. Tetapi yang sebenarnya, rupanya penyewa menyimpan kereta itu bukan orang yang mendapat TOL, tapi dia memecahkan sewa-sewa tersebut.

Jadi, jawapan saya ialah (dengan Setiausaha Kerajaan Negeri) dalam penggal pertama tahun depan, kita akan buat beberapa peraturan tentang mengeluarkan TOL termasuk gerenti oleh pemegang TOL itu jika kita nakkan tanah tersebut. Dia tidak keluar, dia sudah memberi jaminan bank untuk dia keluar. Maknanya dia sudah ada tanggungan sebelum dia bersetuju diberikan TOL ini. Jadi, berapa perkara yang perlu kita selesaikan. Kalau ditanya berapa kerugian kita ataupun untuk TOL ini, kiraan kita tidak rugi banyak. Kerana untuk mengalihkan orang yang kita bagi TOL itu purata kiraan kita, sekurang-kurangnya 30,000 satu nama. Jadi oleh sebab itu, dengan tidak memberikan TOL boleh jadi kita tidak mempunyai tanggungan tersebut.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Pengerusi, nak mohon penjelasan lanjut tentang jawapan yang diberikan.

**TIMBALAN SPEAKER:** Rawang sudah duduk tadi. Jadi bermakna tidak boleh bangun semula. Jadual B19 iaitu wang sejumlah RM12,730,053 untuk kepala B19 – Pejabat Daerah dan Tanah Gombak menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B20 – Pejabat Daerah dan Tanah Klang RM12,857,595.

**TIMBALAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Timbalan Speaker. Saya rujuk kepada muka surat 291, kod 505001 dan juga 525000. Ada dua perkara yang saya nak bangkitkan di dalam sini. Satu ialah tanah seluas besarnya iaitu di Johan Setia sekarang di bawah pemerintahan kita dekat 3,000 ekar. Yang setahu saya ialah telah pun dibekukan pembangunan di atas tanah itu. Saya nampak kawasan itu sekarang walaupun kita telah bekukan semua transaksi atas tanah-tanah di kawasan itu, tetapi masih menjalankan transaksi antara satu sama lain. Dan ini dipanggil sebagai (dulu dipanggil sebagai) halal hab (dulu). Sekarang,

kebesaran tanah itu ditanam dengan sayuran dan juga kebun nanas. Tapi, prihatin saya ialah saya nak bangkitkan perkara ini sebab kerajaan kena buat sesuatu dan kena adakan satu idea baru di atas apa yang kita akan lakukan di atas tanah itu. Kalau tak ada, saya nampak ramai pembangunan persendirian dijalankan di atas tanah itu sekarang dan kita tidak ada maklumat atas status tanah-tanah berkenaan dan juga ada pemaju-pemaju yang minat untuk bangunkan tanah itu seluas besarnya juga. So, saya ingat kerajaan kena adakan satu cadangan ataupun satu Jawatankuasa yang tentu kena ditubuhkan untuk kita lihat apa yang kita boleh buat di atas tanah ini di daerah Klang.

Lagi satu isu yang saya nak bangkitkan ialah ini sudah isu lama di mana tanah-tanah lot yang sekarang di Daerah Klang kemungkinannya di Sri Andalas, di Kampung Jawa, Teluk Menegun dan kawasan-kawasan berkenaan. Ialah tanah-tanah yang telah pun di lotkan oleh individu-individu di sana dijual sama ada satu sama masa "*title*" dipegang oleh orang yang lain tetapi dia sudah *sub divide* dan jualkan tanah ini dan sudah pun mendirikan rumah 30 tahun dan atas. Apa yang kita Negeri mengadakan cadangan dan macam mana mekanismenya kalau kita nak baik pulih atau pun putihkan tanah-tanah ini kepada dari pertanian kepada pembangunan atau pun komersial yang ada sekarang. Ini macam kampungnya, macam kawasan kampungnya di dalam. Sebab rumah-rumah ini sudah pun diadakan untuk lama-lamanya, jalan-jalan tu kepada rumah, longkang dan parit di kawasan-kawasan ini bukan di bawah Pejabat Tanah atau pun bukan di bawah Majlis Perbandaran kawasan. So kita sebagai kerajaan sekarang, kita kena ambil satu tindakan. Cadangan dari Sri Andalas ialah untuk adakan suatu Jawatankuasa diketuai oleh Ketua Pejabat Daerah dan kita kena adakan satu moratorium satu tahun atau pun satu tahun setengah apa yang boleh kita buat untuk mereka ini untuk tukar status tanah ini daripada pertanian sekarang untuk perumahan. Kita kena pun faham bahawa penduduk-penduduk dalam kawasan ini ialah berpendapatan rendah ya, bukan kurang dari RM1,500.00 sekeluarga sebulan. Adalah beberapa orang tinggi sedikit dari itu tetapi ramainya ialah pendapatan rendah di dalam kawasan. So saya minta kerajaan untuk bagi cadangan kalau ada dan apa kita boleh laku di atas tanah-tanah ini. Sebab Negeri Selangor selama ini ada satu garis panduan untuk kampung-kampung perumahan dan sebagainya kalau 10 tahun lebih itu mereka bayar RM1,000.00 dan geran tanah itu boleh diberikan kepada mereka. Bolehkah ini jadi satu garis panduan untuk rumah-rumah ini di dalam kawasan-kawasan tertentu atau pun kita nak cadangkan satu amaun yang munasabah yang mereka boleh bayar untuk kita bagi *title* kepada mereka untuk mereka terus boleh bayar atau pun kita boleh kutip bayaran dari mereka semua. Tetapi sampai sekarang mereka bayar cukai pintu dan kerja-kerja sampah dilakukan oleh Majlis-majlis Perbandaran di dalam kawasan itu. So saya harap kerajaan boleh buat sesuatu untuk kita cadangan ini dan dalam masa yang tertentu kita boleh dapatkan satu *result* dari apa yang kita akan lakukan di dalam kawasan ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, pertama sedikit penerangan tentang Halal Hub Johan Setia, penelitian saya walau pun tujuan untuk membuat Halal Hub itu, itu bergantung kepada Kerajaan Negeri bersetuju mengambil alih 3000 ekar tanah tersebut. Bila 3000 ekar tanah tersebut diambil alih oleh Kerajaan Negeri, barulah diberikan kepada pengusaha itu untuk menjadikan Halal Hub. Jadi pada saya ini mungkin tidak praktikal dari segi tanggungan Kerajaan Negeri.

Kedua, pemberian hartanah di Johan Setia itu bukan berasaskan kepada mereka yang duduk di tanah tersebut tetapi tanah tersebut diperuntukkan 3 ekar seorang kepada satu senarai nama yang dikeluarkan. Sehingga sekarang walaupun ramai yang dapat tanah tersebut tetapi sehingga sekarang ada juga ramai yang tak tau di mana tanah mereka kerana pemberian tanah tersebut hanya mengambil kira cara Revolusi Hijau, maknanya memberi tapak-tapak tanah dalam geran tanah. Tetapi tidak mengadakan pembersihan fizikal atau pun pembuatan jalan, longkang untuk penggunaan tanah tersebut. Itu sebab pengurusan Johan Setia maknanya kawasan tersebut agak sukar untuk dikendalikan kerana dia tidak mempunyai prasarana atau pun infrastruktur yang cukup sehinggakan pihak berkuasa Klang terpaksa membuat satu *team* untuk mengendalikan jika terdapat masalah kebakaran termasuk menggali atau pun membuat longkang-longkang sementara bagi mengatasi masalah tersebut. Jadi jawapan saya ialah kita perlu duduk untuk membincangkan sama ada kawasan ini hendak dijadikan kawasan perindustrian atau pun kawasan perumahan tidak lagi di bawah peruntukan kawasan pertanian. Saya ingat itu masih belum kita mendapat ketetapan dan saya berharap kita akan dapat penyelesaian apabila Perancang Bandar dan Desa melihat semula perancangan di kawasan tersebut. Dan ini mungkin berlaku dalam pertengahan sebelum akhir bulan Jun supaya kita akan dapat tentukan apa yang perlu kita lakukan.

Soalan yang kedua, ialah ada 2 cara yang difikirkan oleh pihak berkuasa PTG, Pengarah Tanah dan Galian. Satu ialah yang dipanggil *Blanket Transfer* bererti kawasan tersebut dipersetujui untuk diserahkan balik kepada kerajaan dan kerajaan menyerahkan kepada nama-nama yang ditetapkan tapi perkara itu agak sukar kerana mesti ada satu pasukan untuk menentukan dan bersetuju siapa yang dapat atau tidak. Jawapannya kalau 90% daripada mereka yang difikirkan difikirkan memiliki tanah tersebut bersetuju, kerajaan boleh membuat rancangan mengambil alih tanah dan memulangkan kepada mereka. Tapi mesti dapat persetujuan dari semua pihak. Dan itu boleh dapat diselesaikan. Tapi kalau nak menyelesaikan tiap-tiap tapak bererti dia akan memakan masa yang lama dan mungkin tidak dapat diselesaikan kerana *land surveyor* sangat sukar untuk menentukan kawasan-kawasan yang diperuntukkan.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin merujuk kepada muka surat 291 Butiran 525000 iaitu berkenaan dengan Tanah. Tuan Speaker, Pejabat Tanah sebenarnya menguruskan harta yang paling bernilai bagi Kerajaan Negeri iaitu tanah. Tapi tanah-tanah di Klang nampaknya tidak dapat dikawal dengan baik. Saya mendapati bahawa tanah-tanah kerajaan di Klang selalunya diguna atau diceroboh oleh tanpa kebenaran tetapi tiada tindakan segera telah diambil terhadap tanah-tanah tersebut sehingga Pejabat Tanah mendapati tanah tersebut telah digunakan dan ini diambil tindakan pengguna-pengguna tersebut terutamanya yang menggunakannya sebagai untuk tujuan Agama akan menentang sekeras-kerasnya dan menjadikan isu politik. Jadi ini bukan sahaja sentiasa membimbangkan Kerajaan Negeri sebenarnya untuk menyelesaikan masalah sebegitu tetapi dia juga mengakibatkan sebahagian tanah tidak dapat diambil balik oleh Kerajaan Negeri. Jadi soalan saya adalah apakah rancangan yang ada untuk Kerajaan Negeri meningkatkan prestasi kakitangan Pejabat Daerah Dan Tanah Klang supaya dapat mencegah kelakuan penyalahgunaan tanah tersebut untuk terus berlaku di kawasan Klang. Dan satu soalan lagi masa sebenarnya untuk memindah milik hak milik strata di Pejabat Klang kini mengambil masa selama enam (6) bulan lebih kurang 6 bulan dari tarikh penyerahan pendaftaran tersebut. Jadi saya juga ingin tahu apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan proses tersebut proses mendaftarkan hak milik strata tersebut supaya tidak menjejaskan hak milik berdaftar untuk menguruskan tanah ini. Itu sahaja soalan saya.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih Pandamaran. Sebelum saya panggil wakil pihak kerajaan untuk menjawab, gelaran saya sewaktu dalam peringkat jawatankuasa ialah Pengerusi. Dato' pun tak ada.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa kita seperti yang diterangkan dari awal tadi, proses kita menukarkan tanggungjawab Pejabat Tanah daripada hanya Pentadbir Tanah kepada juga Pengurus Hartanah Kerajaan jadi dua itu berbeza kalau hanya Pentadbir Tanah mereka hanya duduk di pejabat untuk menukar, mengadakan semua perkara-perkara pentadbiran. Itu sebab kita mula sekarang mengatakan kalau tanah itu adalah hak kerajaan, kita bukan sahaja mempunyai tanggungjawab mentadbir tapi juga kita juga menjaga tanah tersebut. Menjaga itu termasuk jagaan fizikal dan saya telah memperuntukkan belanjawan untuk menjaga tanah. Dari dulu dalam Pejabat Tanah dia ada belanjawan untuk menjaga tanah. Umpamanya kalau tanah itu sudah belukar, jadi dia kata jawapannya kita tak ada peruntukan untuk membersihkan belukar ini sebab dia tanah kerajaan. Jadi oleh sebab itulah kita ada belanjawan khas untuk membersihkan dan memagar dan juga pegawai-pegawai yang sentiasa turun memantau. Jadi perkara ini hanya berlaku hanya satu atau dua tahun yang ini. Oleh sebab itulah kita sekarang mula banyak perbincangan tentang TOL, pemilikan tanah. Dulunya semuanya itu hanya diketahui



apabila sudah siap. Maksudnya kuil dah siap, candi dah siap, baru kita sebuk bila dah siap. Jadi ini sekarang kita mula mengadakan pemantauan supaya tidak dicerobohi. Pencerobohan akan di mengakibatkan kos kepada negeri. Ha, itu sebab sekarang Pentadbir Tanah dan juga pengurus tanah itu akan menjaga supaya tak ada pencerobohan kerana dia akan menjadi beban kepada negeri walaupun tanah negeri dia kena membayar untuk mengalihkan pencerobohan tersebut. Perkara yang kedua. Berita yang baik sekarang strata *title* ialah enam bulan. Dulu tiga tahun jadi dia baru sampai enam bulan. Sebabnya enam bulan sebab ialah kerana terdapat salah satu daripada perundangan yang terpaksa mereka membuat *title survey*. *title survey* untuk semua tapak-tapak tersebut. Jadi sekarang kita telah mula berbincang *survey* itu di buat semasa bangunan itu diluluskan bukan selepas dah siap baru pula ada sebab bila kita buat pangsapuri maksudnya tidak banyak perubahan daripada segi ukuran dia tapi oleh kerana undang-undang mengatakan *to do the physical survey* itulah sebabnya kelewatan tersebut dan ini akan diperbaharui dan apabila siap rumah atau pun pendudukan boleh diberi dengan itu juga *strata title* boleh dikeluarkan.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B 20 iaitu jumlah wang berjumlah RM 12,857,595.00 untuk Kepada B 20 Pejabat Daerah dan Tanah Klang menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B21 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat RM10,748,043.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Yang Berhormat Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas berkaitan dengan di muka surat 299 Bekalan VOT B 21 dan di bawah 5002 tanah. Pengerusi, pada tahun 1/9/1999 telah diadakan satu program penswastan di bawah kerajaan UMNO Barisan Nasional iaitu sejumlah tanah 8.71 ekar telah diserahkan kepada pihak swasta untuk dimajukan dan sebagai pulangnya beberapa aset telah diserahkan kepada pihak Majlis Daerah iaitu pasar, bazar dan beberapa aset yang lain. Malangnya ada sejumlah tanah itu yang telah dimajukan tetapi terdapat masih terdapat dua ekar tanah yang paling strategik di tengah-tengah Pekan Banting tersebut tidak dimajukan lagi dan sedangkan keperluan untuk tanah itu untuk hentian teksi amat terlalu penting dan amat perlu untuk diambil semulalah. Jadi saya mencadangkan untuk pihak Kerajaan untuk menilai kembali apakah status tanah tersebut walaupun lebih daripada sepuluh tahun telah diserahkan kepada pihak swasta, tanah itu masih belum dibangunkan walaupun telah, saya telah difahamkan ada pemohon KM dan seumpamanya, tetapi bagi saya keperluan untuk kerajaan mengambil balik tanah tersebut amat penting kerana ianya satu tempat yang paling strategik dan paling kritikal bagi pembinaan sebuah hentian teksi. Yang mana masalah hentian teksi

di Pekan Banting di Daerah Kuala Langat adalah amat terdesak yang mana hentian bas dan hentian teksi amat berjauhan dan tidak strategik hasil daripada perancangan yang lalu dan mengakibatkan ujudnya hentian teksi haram di Banting dan meningkatnya perkhidmatan teksi sapu dan akibatnya dua ratus pemandu-pemandu teksi yang sah pemandu teksi yang berdaftar dengan persatuan yang diiktiraf oleh dan juga yang menyewa hentian teksi daripada pihak Majlis Daerah Kuala Langat menghadapi masalah pendapatanlah yang mana teksi mereka hanya akan dapat penumpang yang penuh selepas menunggu dua hingga tiga jam. Jadi saya mohon daripada pihak kerajaan yang telah, telah dibentangkan bajet yang lalu, bajet yang ini bahawa kita mempunyai peruntukan sebanyak tiga puluh juta ringgit untuk pengambilan tanah. Saya mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk tanah-tanah tersebut diambil balik untuk hentian teksi ataupun untuk kemudahan awam yang lain. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKAR:** Yang secara spesifik kalau nak menggunakan, nak menggunakan wang untuk mengambil alih dan sebagainya, ia dibolehkan dibahaskan di dalam perbahasan usul pembangunan nanti ya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, perkara ini saya tidak. Tuan Pengerusi, perkara ini, perkara ini saya tidak akan mengulas kerana ini ialah perkara spesifik yang sangat perlu kita perhatikan. Bukan sahaja dari segi pengambil tanah tetapi juga siapa yang akan mengendalikannya itu pun penting. Jadi walau bagaimanapun dari segi tanggungjawab negeri, jika tanah itu sudah diberikan kepada dah dinamakan ataupun geran itu tanah kerajaan dah diberikan kepada nama pemilik, kerajaan tak boleh mengambil alih tanah dengan tidak membayar pampasan yang mengikut pasaran.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Yang Berhormat Teluk Datuk.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Teluk Datuk ingin menyentuh muka surat 299 butiran 525000 tanah 10000 emolumen. Tuan Pengerusi, Teluk Datuk ingin menyentuh dua kampung di dalam kawasan Teluk Datuk, masing-masing bernama Kampung Fatimah ataupun dengan nama lain Kampung Ang Keat yang mempunyai tiga puluh tujuh unit rumah satu kuil hindu dan juga satu balai raya dan kampung yang kedua bernama Kampung Teluk Datuk yang mempunyai jumlah unit rumah 20, satu kuil hindu kesemuanya penduduk-penduduk adalah rakyat Malaysia dan mereka merupakan peneroka desa yang telah pun banyak memberikan sumbangan dari segi pembangunan di dalam kawasan setempat. Teluk Datuk dengan rasa rendah diri ingin meminta pihak kerajaan yang berprihatin memberikan kelulusan geran kepada semua tapak rumah yang terlibat untuk menonjolkan kerajaan Negeri Selangor adalah kerajaan yang prihatin kepada rakyat khususnya rakan-rakan kaum India di sana. Dan soalan saya, Tuan Pengerusi, apakah perancangan kerajaan negeri untuk mengekalkan kedua-dua tapak kampung itu sebagai tapak kediaman. Buat masa kita

selepas saya menyemak dengan Pejabat Daerah dan Tanah di Kuala Langat, ia merupakan kawasan landskap dan apakah cara penyelesaian kerajaan negeri sebagai *win-win situation* dengan izin untuk penduduk dan juga pihak kerajaan. Soalan kedua saya, Tuan Pengerusi, apakah dasar dan perancangan, minta maaf, apakah dasar dan rancangan kerajaan negeri terhadap rumah ibadat yang kini telah pun menduduki di atas tanah kerajaan. Dasar yang terkini yang saya minta, itu sahaja dan sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Wakil Kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Pengerusi, satu perkara rintihan itu kita fahami, tetapi rintihan rakyat keseluruhan Negeri Selangor juga kita juga fahami kerana jika kita menduduki rizab sungai yang tidak disebut dalam kenyataan tersebut, jadi adalah satu tanggungjawab yang tidak betul kepada EXCO Negeri untuk memberikan kelulusan kerana besok apabila pembesaran sungai yang diperlukan untuk mengatasi masalah banjir masa hadapan juga kita perlu ingatkan apabila kita membagi tanah tersebut seperti yang saya katakana tadi, dan kalau kita nak membesarkan sungai kita kena membeli tanah tersebut dengan harga pasaran. Jadi oleh sebab itulah program yang kita katakan, kita kata boleh duduk tetapi kita mencari tanah-tanah yang sesuai untuk dipindahkan dan kita tidak menghalang dan kita tidak menerima bayaran walaupun bayaran itu tidak dibayar kepada negeri. Jadi oleh sebab itulah keputusan negeri tidak memberikan hak milik kerana perancangan mengikut kehendak prasarana ataupun infrastruktur itu kita utamakan demi kebaikan ke seluruh negeri. Bukan perkampungan tersebut.

Walau pun kampung tersebut telah memberi sumbangan yang sangat mulia kepada Negara tapi untuk kampung tersebut. Tapi bukan untuk keseluruhan rakyat Selangor. Jadi oleh sebab itulah kita bekukan kita kata kita tidak memberikan. Kedua, untuk kuil-kuil kita ada Jawatankuasa Rumah Ibadat yang menentukan sama ada kuil-kuil itu dibenarkan atau tidak. Kalau dibenarkan tapak akan diberikan. Kalau tidak dibenarkan berapa usaha pengalihan ataupun penggantian akan dilakukan.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih, pihak kerajaan. Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Ya betul lah kepada jawapan Yang Berhormat Menteri Besar tadi, soalan saya rumah ibadat ini wujud, Jawatankuasa Rumah Ibadat ini wujud.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Paya Jaras nak berbahas perkara apa.

**Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Minta penjelasan. Penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Tak, Dato' Menteri Besar dah duduk jadi sekarang nak berbahas di bawah perkara apa di dalam anggaran perbelanjaan.

**Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Baik saya ambil perkara yang disebut oleh sahabat saya daripada Teluk Datuk tadi.

**TUAN SPEAKER:** Minta- minta rujuk.

**Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Saya tak ingat nak rujuk balik. Ha-ha, ha.....

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras ini perbahasan anggaran perbelanjaan kena rujuk.

**Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Saya duduk, saya *check* dulu. Ha. Ha. Ha. ....

**TUAN SPEAKER:** Jadual B 21 iaitu wang sejumlah RM10,748,043 untuk kepala B 21 Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B22 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat RM12,816,717.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya nak bahas muka surat [minta maaf] muka surat 307, 307 butiran 52500 kod 20000 – Menyentuh tentang tanah ni, memanglah bila sebut sahaja Pejabat Daerah dan Tanah semestinya kita banyak bercakap berhubung dengan tanah ini. Tapi hendak tak hendak kita sebagai manusia tanah ini mesti kita dapat juga, walau pun tak beli walau pun tak minta kita dapat 7 x 6 kaki kita dapat.

Saya apabila diberi amanah untuk menjadi ADUN di DUN Dusun Tua Pilihan raya kali ini, semenjak merdeka tak pernah pun parti lain yang mentadbir DUN Dusun Tua ini, dan kali ini saya diberi amanah untuk mengalas tanggungjawab ini, baru saya tahu bahawa di DUN Dusun Tua ini rupanya banyak tanah-tanah kerajaan, persoalannya ialah ada satu kampung seluruh penduduk di situ sebanyak 50 buah rumah telah dibeli oleh orang-orang bukan orang Malaysia tetapi orang Indonesia, nama kampung itu kampung Mamper Batu 20, di Sungai Lui. Penduduk di sini telah minta saya tolong mereka dan saya telah pergi berjumpa dengan mereka bersama Ahli Parlimen Y.B. Dr. Che' Rosli bin Che' Mat, kerana mereka mengadu bahawa mereka ini telah tertipu dan ada pihak yang telah menjual tanah kerajaan ini kepada mereka, 1 orang kena bayar Lima Puluh Ribu (RM50,000) .

Dan perkara ini berlaku dah 20 tahun yang lebih, apabila disemak dan ditanya balik katanya geran sementara ini telah diambil balik oleh Pejabat Daerah Hulu Langat, dan ada salinannya bila dilihat salinan itu nampaknya memang meragukan, jadi oleh sebab itu, kita melihat bahawa tanah ini memanglah menjadi satu perkara yang kadang-kadang kita apabila saya menjadi wakil rakyat ini pening juga kepala saya Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana banyak perkara-perkara yang berhubung dengan tanah ini rasa-rasanya tak tahulah sama ada boleh diselesaikan ataupun tidak.

Dan juga di DUN Dusun Tua ini juga, banyak tanah-tanah kerajaan telah diteroka dan dibuat dusun yang lama, sebab itu saya di tempat saya itu dipanggil DUN Dusun Tua, dusunnya dah tua-tua dah, (dewan riuh....) dan terlalu lama ya, dan mereka juga bertanya adakah? mereka telah teroka dah 50 tahun 60 tahun dapat ke tidak tanah itu diserahkan ataupun menjadi milik mereka kerana difahamkan peraturan baru ini, Y.A.B. Dato' Menteri Besar mengatakan bahawa tanah-tanah yang diteroka ini, kalau tidak ada rumah di atasnya tanah mereka maka kerajaan akan ambil balik, jadi inilah menjadikan satu perkara yang menghantui mereka ini ya, sama ada mereka dah lama usaha tetapi tidak boleh memiliki tanah-tanah tersebut.

Yang Kedua berhubung dengan tanah juga, ini berlaku di Kampung Batu 10, Cheras, ya, di bawah Dusun Tua juga, penduduk di situ dah duduk hampir 80 tahun lebih, semenjak Jepun lagi, jumlah rumah-rumah di situ lebih kurang tak sampai 100 buah dan tanah itu katanya tanah itu rizab jalan, dan mereka telah duduk di situ semenjak 80 tahun yang lebih. Yang menjadi persoalan kepada penduduk iaitu apakah? Kerajaan tidak boleh ke? membantu mereka untuk mereka memiliki tanah yang tidak seluas itu, dan mereka merasa begitu tidak selesa kerana masa pemerintahan Barisan Nasional UMNO dulu, inilah saya benda yang menjadi aset kepada mereka untuk membodoh-bodohkan rakyat, setiap kali nak pilihan raya mereka berjanji kalau undi kita Insyallah tanah ini kita bagi kepada rakyat, kalau nak fikirkan sampai sekarang ini dah 80 tahun, 16 kali pilihan raya dah, kalau 5 tahun sekali pilihan raya, dah 16 kali, jadi kali ini,

**TUAN SPEAKER:** Hanya pada zaman Jepun tak ada pilihan raya.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN:** Ya,..zaman jepun...

**TUAN SPEAKER:** Zaman Jepun tak ada pilihan raya.

**Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN:** Ya zaman Jepun, dan pada kali ini kita berkempen pula, sepatutnya kalau nak menarik perhatian penduduk di situ, nak janji macam tu juga, mereka tak percaya lagi dah, mereka tak percaya, jadi oleh sebab itu kita tak mahu jadi, macam mereka, maka saya mengharapkan supaya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dapat memberi ruang pertimbangan supaya mereka ini dikekalkan duduk di situ, dan saya juga difahamkan bahawa sekiranya kalau tanah itu

tidak diberi juga penduduk di kampung itu akan dipindahkan ke Sungai Long, Wallahualam, saya tak tahu, ada tanah di sana katanya, tapi saya tak fikir, tak fikir kerajaan akan membuat satu jalan lain, ataupun jalan baru di situ, kerana di kiri kanan tanah itu, ialah tanah kampung ada rumah di situ, jadi saya minta kerjasama daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar supaya memberi pertimbangan untuk penduduk di situ dapat kekal duduk di situ kerana mereka dah biasa duduk di situ.

Yang Seterusnya yang ketiga, berhubung dengan penguatkuasa di Majlis Daerah Hulu Langat ini kerana ada beberapa kes yang saya rasa ini bukan kerana tidak cukup kakitangan untuk di Pejabat Daerah, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tadi, mereka tidak dapat melaksanakan tugas-tugas tertentu ini kerana mungkin tidak cukup tenaga kerja ataupun kakitangan, tapi pada sayalah setelah setiap kali kita mesyuarat Tindakan Daerah kita telah membangkitkan perkara ini, contohnya di Kampung Sungai Serai, di mana situ sekarang ini ada kuari yang lalu di Sungai Long ini, ada 2, 3 kuari di situ, lori yang keluar setiap hari di situ ialah membuat satu ancaman kepada rakyat di situ, yang mana mereka ini merasakan bahawa lori ini macam raja, macam orang gila lalu di jalan-jalan di situ, dan banyak berlaku pelanggaran dan ramai yang telah mati, di simpang itu.

Jadi saya bercakap dengan Pejabat Daerah supaya kalau boleh, saya minta kalau boleh supaya lori yang keluar masuk ini ada waktu-waktunya yang tidak mengganggu. Dan saya memohon bermula daripada 9.00 pagi sampai 4.30, tetapi apa yang berlaku Pejabat Daerah telah mengatakan betul mereka telah adakan aturan begitu dan begini, dan setiap cuti umum tidak dibenarkan lori itu lalu, tetapi dilihat sampai sekarang ini, saya berasa kecewa, sampai sekarang ini tidak ada tindakan yang diambil, cuti-cuti umum pun lori pun lalu, tak kira waktu, sampai sekarang ini saya melihat dan rakyat khususnya penduduk di situ merasakan ini satu ancaman minta supaya saya usahakan agar perkara ini tidak berterusan dan juga saya minta kerjasama daripada kerajaan negeri supaya dapat mengarahkan ataupun dapat disegerakan tindakan ini supaya kita tidak mahu lagi banyaknya berlaku kemalangan dan di situ juga setiap hari terutamanya waktu pagi bila orang nak pergi kerja jalan tu jem teruk kerana masalah lori ini, keluar tidak mengikut waktu-waktu yang telah diberikan. Terima kepada Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya memahami rintihan Yang Berhormat Dusun Tua, dan untuk jawapan kepada kuari saya tidak sangka perkara ini tidak boleh diperbetulkan kerana untuk kuari lesen untuk menjalankan kuari diperbaharui setiap tahun, jadi kalau benar-benar pemilik kuari itu tidak mengikut tatacara ataupun aturan itu Pejabat Daerah boleh menarik lesen kuari. Jadi langsung tiada lori maknanya dah tak ada boleh beroperasi jadi saya ingat perkara itu Yang Berhormat boleh bangkitkan bahawa jika benar-benar perkara itu berlaku jadi

kita ada sebab pemberian lesen kuari adalah berasaskan kepada tahunan bukan dia walaupun dia dibagi masa yang panjang tetapi tiap-tiap tahun dia mesti mendapat kebenaran untuk menjalankan operasi kuari. Jadi dengan penjelasan itu saya berharap dapat dipercepatkan proses perundingan yang sepatutnya berlaku.

Kedua, mengenai tanah rizab jalan yang diduduki lebih daripada 80 tahun ataupun kurang daripada itu pun tak apalah, tetapi penting saya baru-baru ini tahun 2012 menyelesaikan masalah penempatan di atas rizab jalan dan saya berbincang dengan JKR kerana itu rizab jalan ialah jalan JKR dan saya tanya sama ada dia perlukah? jalan tersebut, terutama apabila kalau dah 20 tahun tak ada bayangan tentang jalan tersebut.

Kedua, saya telah tengok semula dan saya kata kalau betul-betul tak perlukan tanah-tanah untuk rizab jalan kita tengok kawasan tanah yang sebelah yang kes saya itu kawasan tanah sebelah ialah pemilikan estet, jadi saya kata kita tukar tanah rizab jalan ini diberikan kepada mereka yang duduk begitu lama dan kerajaan ambil alih tanah estet untuk menggantikan rizab jalan tersebut. Jadi yang sebenarnya akhirnya JKR kata dia tak perlu jalan tersebut kita hantar kertas untuk EXCO dan dimansuhkan rizab jalan tersebut dan pemberian hak milik diberikan kepada mereka-mereka yang dikatakan sudah layak memilikinya. Itu pun penyelesaian yang telah dibuat, jadi Ahli Dewan boleh menggunakan tatacara yang sebegini.

Kemudian soalan yang pertama agak kompleks, iaitu pemilikan harta adalah berasaskan kepada nama dalam geran tanah, jadi kalau nama dalam geran tanah itu tak ada maknanya dia tidak memiliki tanah.

Kedua, perkara yang kedua, ialah tiga (3) orang, orang yang akan memiliki tanah kerajaan bukan orang rakyat Malaysia, kita tidak boleh memberikannya, jadi itu perkara yang kedua, jadi agak kompleks perkara ini. Dan apa yang saya harap kalau dia boleh beritahu kami tauke, ketua yang jadi agen memberi jual tanah itu kalau dia dapat tertangkap agen tersebut kerajaan negeri akan menolong dia mendapatkan hak tanah tersebut....itu sahaja.. (Dewan riuh.....) ha... jadi maknanya kerajaan ada balasan kepada mereka yang menolong menyelesaikan masalah jenayah tanah, jadi kalau boleh, boleh, kalau tak boleh..maknanya kita perkara itu agak kompleks yang susah, walau pun saya tahu rumah batu sudah didirikan, bukan..bukan. rumah papan, tapi rumah batu pun sudah didirikan. Dan untuk Cheras pun kita boleh dapat selesaikan kalau kita dapat pindahkan penggunaan tanah. Jadi seperti untuk jalan, rizab jalan.

**TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih Pengerusi. Saya rujuk muka surat 307, 505000. Saya yakin bahawa PTG mempunyai cara dan dasar yang tersendiri untuk melaksanakan tugas harian dan mengendalikan aduan-aduan yang diterima setiap hari. Walau bagaimanapun Balakong berasa hairan kerana PTG Hulu Langat tidak dapat

selesaikan isu tapak pelupusan sampah haram seperti di Desa Bukit Cahaya, Sungai Ramal dan sebagainya. Memandangkan aduan-aduan tersebut sudah lama dibuat dan aktiviti tersebut masih berleluasa lagi. Jadi Balakong memohonlah penjelasan daripada pihak kerajaan adakah apa-apa rancangan ataupun cara yang lebih baik untuk menangani isu-isu seperti demikian? Terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER:** Yang ini isu sampah.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** *Efficiency* untuk menguruskan aduan-aduan mengenai tapak pelupusan sampah haram.

**TIMBALAN SPEAKER:** Itu bukan, sebab ini di bawah Pejabat Daerah dan Tanah ya. Dan perkara ini juga perkara spesifik di peringkat ini di peringkat Jawatankuasa. Kita tak bahaskan di peringkat macam tu. Ya, Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 307, Kod 505000. Nombor 1, berkenaan dengan pentadbiran dan kewangan. Saya dapati bahawa memang sebelum ini terdapat satu kajian kepuasan pelanggan pejabat yang dilaksanakan melalui laman web Pejabat Daerah Hulu Langat. Akan tetapi lama web itu tidak dapat berfungsi dengan baik. Jadi saya ingin nak tahu setakat manakah yang kita katakan kajian kepuasan pelanggan pejabat di Pejabat Daerah Hulu Langat ini boleh dilaksanakan? Dan sejauh manakah kita boleh dapat kita kata maklum balas daripada pelanggan yakni penduduk-penduduk ataupun *stake holder* dengan izin atas kita kata prestasi daripada Pejabat Daerah Hulu Langat ini? Tambahan juga di bawah kod yang sama, saya juga dapati bahawa satu pengumuman bahawa talian telefon bagi Pejabat Daerah Hulu Langat ini masih dalam proses penambahbaikan. Apa yang berlaku ialah dalam notis pengumuman ini hanya satu pegawai yang ditunjukkan untuk menerima telefon-telefon ataupun kita kata surat-menyurat ataupun e-mel daripada penduduk ataupun *stake holder* dengan izin ataupun bagi Wakil Rakyat kalau kita nak ikut prosedur yang seperti mana orang awam. Jadi saya ingin nak tahu bilakah kerja-kerja penambahbaikan talian telefon bagi Pejabat Daerah Hulu Langat ini dapat siap dinaik taraf atau ditambah baik? Dan tambahan pula bagi Kod 525000 pula, berkenaan dengan isu tanah. Memang di sini, memang saya ucapkan tahniah terhadap usaha Kerajaan Negeri Selangor dan juga Pejabat Tanah Hulu Langat atas usaha mereka untuk cuba melaksanakan kita kata urus niaga tanah itu melalui kita kata e, kita kata elektronik. Kita nampak ada 3 pautan negeri, kita kata *link* untuk urusan tanah ini iaitu **[eperserahan.selangor.gov.my](http://eperserahan.selangor.gov.my)**, **[epungut.selangor.gov.my](http://epungut.selangor.gov.my)** dan juga *consent2u.selangor.gov.my*. tapi saya ingin nak tahu setakat manakah bagi kita kata prestasi atas urusan tanah ini dilaksanakan melalui e-elektronik ini? Dan juga bagi urusan di bawah kod yang sama juga seperti mana yang telah diketengahkan tadi berkenaan dengan kita kata kelulusan yang telah dibenarkan untuk pengangkutan berat iaitu lori-lori untuk melalui jalan-jalan utama kita



kata bagi kawasan saya ialah di Jalan BSJ 1. Kami telah mendapat aduan daripada penduduk-penduduk disebabkan lori-lori yang lalu itu telah menyebabkan kacau ganggu terhadap penduduk sekitar. Akan tetapi masa respons yang untuk diambil tindakan oleh pihak-pihak yang terlibat iaitu sama daripada Pejabat Daerah Hulu Langat ataupun pihak MPAJ agak lambat atas perkara ini dan menyebabkan perasaan tidak puas hati daripada penduduk yang membuat laporan itu. Jadi saya ingin nak tahu di bawah piagam pelanggan yang telah ditentukan oleh Pejabat Daerah Hulu Langat ini sejauh manakah piagam pelanggan itu tercapai? Dan akhirnya saya ingin merujuk kepada Kod 524000 iaitu pembangunan masyarakat. Saya ingin bangkitkan isu yang dihadapi oleh Pusat Rakyat Teratai di mana bagi peringkat pembayaran Skim Mesra Usia Emas, SMUE ini iaitu kami telah selalunya, sebenarnya dasar ataupun SOP dengan izin yang ditetapkan oleh kerajaan negeri, adalah setiap minggu kami boleh melepaskan RM10,000.00 kepada 10 pemohon di mana kemungkinan ibu bapa, ibu atau bapa mereka telah meninggal iaitu si pemohon telah meninggal. Yang RM1,000.00 ini harus dilepaskan kepada waris yang telah didaftarkan. Akan terdapat kita kata beberapa minggu, 3 minggu di mana akaun bagi DUN Teratai itu telah dibekukan, di mana proses pelepasan wang SMUE ini telah lambat. Untuk makluman Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, di mana kita sedang berusaha untuk kita kata *clear back log* yang telah lama ditangguhkan dengan izin. Jadi saya berharap supaya sekiranya bagi Pejabat Daerah terdapat apa-apa halangan atau masalah untuk melepaskan wang di bawah Program SMUE ini sepatutnya pegawai harus memberitahu kepada pegawai MES di DUN, di Pejabat DUN yang terlibat supaya kita tidak akan memberitahu waris yang sepatutnya merupakan penerima wang itu tidak patut datang ke pejabat kami. Dan saya juga dapati bahawa piagam pelanggan yang telah ditentukan oleh Pejabat Daerah Hulu Langat bagi pembayaran SMUE ini bagi Fasa Pertama adalah 4 hari bekerja. Memang ini bagus. Dan bagi Fasa Dua ialah 90 hari bekerja. Jadi saya berharap supaya bagi pembayaran Fasa Dua di DUN Teratai ini dapat dipercepatkan. Terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER:** Sebelum saya memanggil wakil kerajaan untuk menjawab, saya ingin menarik perhatian semua Ahli-ahli Dewan kepada Peraturan 66 (10) di mana menyebut bahawa perbincangan hendaklah dihadkan kepada dasar perkhidmatan yang hendak diuntukkan wang itu dan tidak boleh mengenai butir-butir perbelanjaan. Tetapi boleh menyebutkan butir-butir hasil atau kumpulan-kumpulan ruang dalam tanggungjawab khidmatan itu. Tidak adil untuk kita meminta wakil kerajaan untuk pergi kepada butir-butir atau diminta spesifik polisi di dalam perbincangan ini. Jadi kalau di dalam isu dasar, boleh disebutkan. Jadi itu satu ingatan dan saya meminta Yang Amat Berhormat untuk cuma menjawab secara di peringkat dasar sahaja.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama, tentang *survey, consumer survey* itu, saya rasa itu peringkat yang bagus. Sudah ada web

untuk meninjau tentang nak tahu sama ada pelanggan berpuas hati atau tidak tentang kerja-kerja tersebut. Dan saya berharap kita akan cuba tolong untuk meningkatkan penggunaannya dan juga mencari jalan untuk memantau tentang cara pengendalian sistem tersebut.

Kedua, mengenai *call centre*. Saya telah mula dulunya kita telah meminta negeri untuk mengendalikan *centralized call centre* tapi kita mula nak memperluaskan usaha ini kepada daerah dan juga Pihak Berkuasa Tempatan yang juga ada juga *call centre*. Jadi kita akan memperketatkan ataupun mempertingkatkan pengendaliannya. Dan pengendalian itu termasuk respons *time* dan rekod-rekod yang menentukan perhubungan antara mereka-mereka yang buat panggilan dan juga pertanyaan dan respons-respons yang dibuat.

Mengenai pelaksanaan Skim Usia Emas, kita sudah mula menyelesaikannya. Dan Hulu Langat telah mendapat *back log* yang tinggi beberapa ketika dahulu. Sekarang sudah mula diselesaikan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih. Persoalan saya pendek sahaja. Merujuk kepada muka surat 309, Butiran 505000 Pentadbiran. Saya ingin tanya apa yang ditanya oleh rakan saya dari Balakong tadi. Tanah persendirian yang menjadi tapak sampah haram ini. Apakah Pejabat Tanah boleh buat untuk mengatasi situasi tersebut sebab Majlis dia berurusan kawasan awam. Tetapi tanah persendirian yang dibiarkan terbiar sehingga menjadi satu tapak sampah haram dan dikacau ganggu kepada jiran-jirannya. Mohon penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Pengerusi, kerajaan negeri telah mencadangkan kepada Pejabat Daerah dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan jika kelakuan yang dibuat oleh mereka-mereka itu sudah sampai satu keadaan yang tidak boleh mereka dapat selesaikan. Terdapat peruntukan dalam Kanun Tanah Negara membolehkan kerajaan merampas tanah tersebut. Ada peruntukan. Tapi peruntukan ini ialah dalam Seksyen 6A yang mana peruntukan itu membolehkan. Dan perkara ini pernah dibuat untuk kes di Selayang. Jadi, tapi saya menasihatkan supaya jangan terlampau menggunakan perampasan tanah tetapi memberi notis kepada pemilik tanah dan memberitahu mereka bahawa tanah itu salah digunakan dan kerajaan akan melaksanakan perampasan tanah jika perkara ini tidak diperbetulkan.

**TIMBALAN SPEAKER:** Kita dah habis setengah jam ya.

Jadual B22 iaitu wang sejumlah RM12,816,717.00 untuk Kepala B22 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat menjadi sebahagian daripada jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B23 Pejabat Daerah dan Tanah Sepang RM9,281,792.00.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Pelek duduk. Saya nak panggil Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Saya ingat tadi *ladies first*.\_\_\_Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, selamat sejahtera dan hari ini saya ingin membahaskan, salam 1 Malaysia tertinggal, Sekinchan. Membahaskan jadual

**TIMBALAN SPEAKER:** Terus, terus kepada perkara, jangan layan Sekinchan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** B23 merujuk kepada Butiran 52500 tanah, kod tanah ya. Saya ingin meminta penjelasan dan juga bantuan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menyelesaikan 2 perkara berkaitan dengan isu tanah di kawasan Dengkil. Yang pertama, ianya melibatkan tanah di Kampung Datuk Abu Bakar Baginda. Kampung halaman sahabat saya, Yang Berhormat Tanjung Sepat. Saya kalau isu-isu fasal untuk rakyat ini saya selalu bermuzakarah dengan dia. *Always* Sekinchan. Kalau tak cukup nanti dia tambahlah. Untuk maklumat Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tanah di Kampung Datuk Abu Bakar Baginda ini dibangunkan oleh penduduk tempatan yang ianya telah dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor yang pertama lebih 50 tahun yang lalu. Status tanah di sini adalah tanah adat dan juga pertanian. Oleh kerana waktu itu tali ikatan silaturahim yang tinggi, maka mereka bersetuju untuk meletakkan 4 orang penama utama sebagai pemegang amanah. Dan sehingga kini pemegang amanah diwarisi oleh anak, cucu dan ada yang pemegang amanah yang dah meninggal dunia. 30 ekar lebih tanah di situ. Masalahnya sekarang ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar, hari berganti hari, masa berlalu pergi, pemilik pewaris silih berganti tetapi masalah geran di kampung ini masih tidak mampu diselesaikan. Penduduk semakin bertambah, rumah semakin rapat, sistem perparitan semakin sempit. Acap kali hujan, setiap kali hujan memang banjir. Dan setiap kali itulah penduduk merasa resah gelisah kerana setiap kali air naik sampai ke lutut. Jadi saya memohon Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menyelesaikan isu ini. Mungkin juga berlaku di tempat-tempat lain yang mana lebih daripada berkurun lamanya geran, status geran tanah, terutamanya penduduk kampung ini tidak dapat

diselesaikan lagi. Dan contoh yang paling ketara saya rujukkan tadi di Kampung Datuk Abu Bakar Baginda.

Yang kedua, saya juga ingin meminta penjelasan ataupun meminta bantuan daripada pihak Kerajaan negeri. Seperti mana yang saya bangkitkan juga di dalam perbahasan saya tempoh hari berkenaan dengan status tanah di Putera Perdana yang mana setelah 20 tahun Putera Perdana yang dibina ataupun *developer* asalnya merupakan daripada Talam Group tidak menyelesaikan lagi isu *master title* dan sehingga hari ini tidak ada *individual title* mahupun *strata title* kepada penduduk-penduduk di situ. Lantas perkara-perkara, isu-isu berhubung kait dengan jual beli tanah, isu *value of the land* dengan izin juga tidak dapat diselesaikan. Jadi 2 perkara yang saya nak bangkitkan tadi iaitu pertama, berkenaan dengan isu tanah di Kampung Datuk Abu Bakar Baginda dan yang kedua, isu *master title* di Taman Putera Perdana. Dan saya minta kerajaan negeri campur tangan untuk menyelesaikan masalah-masalah rakyat di kawasan ini. Terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Pengerusi, mengenai kes tanah di Kampung Abu Bakar Baginda ini, isu yang diberitahu oleh Pejabat Daerah dalam sistem ini, dia pemegang amanah telah meninggal dunia dan dalam proses penyelesaian pusaka. Jadi saudara mesti berdoa supaya bila dia dapat pusaka tu, dia akan menunaikan tanggungjawab amanahnya untuk memulangkan balik pada mereka yang berhak. Itu, kalau itu berlaku Alhamdulillah. Benda boleh selesai. Kalau itu tak berlaku, kita mesti ada satu usaha pengantaraan, timbang tara dan kalau nak bawa ke mahkamah, dia tak tahulah. Itu akan menjadi kes yang sangat besar. Jadi saya berharap cara yang sebaik-baiknya ialah meminta pemegang amanah menjalankan tanggungjawabnya untuk menulis nama-nama mereka yang berhak ke atas tanah itu supaya dapat ditukar nama di Pejabat Tanah. Itu saja. Kalau itu, dan *DO*, Pegawai Daerah ada mempunyai kuasa di bawah Kanun Tanah Negara untuk menyelesaikan perkara tersebut.

Mengenai Putera Perdana. Mengenai Putera Perdana, kerajaan dah campur tangan. Dia ambil tanah itu. Sekarang itu ialah tanah kerajaan dan akan memulangkan *title* kepada pemilik dalam masa yang singkat sebab sudah diambil alih.

**TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sungai Pelek tidak berbahas hanya berasa gembira terdapat seorang *DO* yang baik di Pejabat Daerah Sepang. Setiap bulan kita ada mesyuarat

**TIMBALAN SPEAKER:** Nak puji pun kena rujuk, kena rujuk ni juga Buku Anggaran Perbelanjaan.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Tiada. Setiap bulan kita ada Mesyuarat Tindakan dengan pejabat-pejabat, dengan jabatan-jabatan. Lepas tu dengan kerjasama Pejabat Tanah dan EXCO, kita telah menyelesaikan masalah geran rumah yang telah lupus selama 20 tahun yang lebih.

**TIMBALAN SPEAKER:** Ok, Sungai Pelek

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Ini menyebabkan kita

**TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Pelek, ni dah nak berucap dah. Jadi saya minta rujuk mana Anggaran Perbelanjaan, perkara mana?

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Tiada hanya ini sahaja. Saya nak cakap dia, dia cakap tak dapat itu geran tapi kita Sungai Pelek sudah dapat yang geran yang luput itu 20 tahun ke atas kita sudah dapat. Ini menyebabkan kita menang dalam PRU Ke 13.

**TIMBALAN SPEAKER:** Ok. Saya rasa itu tak perlu jawapan kerajaan. Ya, Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD. HASHIM BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di atas pencapaian dan kecemerlangan ditunjukkan terhadap prihatin terhadap rakyat dalam mengutamakan kepentingan dan menyelesaikan masalah rakyat. Dalam kesempatan ini saya merujuk kepada muka surat 315, dalam butiran program aktiviti 52500 dalam isu tanah. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dengkil yang mengutarakan dan mengemukakan masalah yang berlaku di kampung halaman sayalah, di Kampung Abu Bakar Baginda. Sebelum daripada itu saya ucapkan terima kasih kepada Pejabat Tanah dan Daerah Sepang kerana telah pun melaksanakan tugas yang baik dan cemerlang sehingga masalah yang berlaku selama lebih kurang 56 tahun yang tidak dapat diselesaikan mampu diselesaikan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat pada tahun 2008 yang lalu.

Tuan-tuan, hadirin Yang Berhormat sekalian. Dalam kesempatan ini juga saya nyatakan bahawa bagaimana Kerajaan Barisan Nasional pada masa lalu tidak melaksanakan tanggungjawab secara bersungguh dan akhirnya ketika Kerajaan Pakatan Rakyat telah mengambil alih pentadbiran kerajaan, masalah tanah yang berlaku di kampung tersebut telah dapat diselesaikan iaitu tanah yang bersebelahan dengan Putrajaya tuan-tuan.

Yang Berhormat sekalian, tanah tersebut *Alhamdulillah* telah pun dapat, ketika ini telah pun dapat borang tawaran 5A pada tahun 2012 yang lalu. Proses ini telah pun kami lalui dan saya sendiri sebagai yang mengusahakan bersama-sama dengan sokongan

penduduk kampung bermula tahun 2010 dan akhirnya pada tahun 2012 masalah tanah tersebut telah pun dapat diselesaikan.

Tuan-tuan, seterusnya dalam, Yang Berhormat sekalian, dalam kesempatan ini juga saya memohon kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar agar cuba berusaha dan juga menyelesaikan bersama-sama menyelesaikan masalah yang dinyatakan sahabat saya Dengkil tadi mengenai perkara untuk menyelesaikan tanah 30 ekar. Yang di sana adalah merupakan tanah penduduk kampung yang asal dalam tempoh lebih kurang hampir 60 tahun tanah tersebut tak mampu selesaikan oleh kerana kita ada *president kes* dengan izin tanah yang 6 ekar yang baru diselesaikan pada tahun 2012. Kita mengharapkan yang penggal kedua ini Kerajaan Pakatan Rakyat mampu untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di atas tanah 30 ekar di kampung tersebut. Maka sebab itu saya sentiasa bersama-sama dengan penduduk untuk memberi pandangan dan sumbangan, idea dan fikiran untuk sama-sama kita menyelesaikan masalah ini agar *title* ataupun hak milik individu itu akan dapat diberikan kepada pemilik-pemilik penduduk tersebut.

Yang keduanya, saya ingin nyatakan di sini bahawa di atas tanah tersebut ada masalah besar yang berlaku terutamanya ketika masalah tengkujuh ataupun banjir. Maka sebab itu dalam laluan ataupun anak sungai dapat daripada aliran sungai daripada Putrajaya turun ke kampung tersebut dan apabila hujan lebat oleh kerana kolam takungan yang berada di *downstream* ataupun di hulu, di hilir tidak mampu untuk menampung jumlah air yang besar, kampung tersebut sebahagian besarnya ditenggelami oleh air bah atau pun air banjir ini. Maka sebab itu saya merasa terpenggil dalam kesempatan ini untuk Kerajaan Negeri Selangor melihat dan membantu, dibantu oleh Pegawai Daerah ataupun Pejabat Tanah dan Daerah dan Sepang untuk bersama-sama berganding bahu menyelesaikan masalah ini agar masalah tanah ini dapat diselesaikan sekali gus masalah banjir di kampung tersebut dapat diselesaikan. Terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih kerana soalan mengenai pemilikan tanah akan berterusan. Saya nak ingatkan hanya sebagai berkongsi pengalaman. Saya dapati mengapa banyak tanah-tanah tidak dapat diselesaikan sebelum 2008. Antara sebab-sebabnya terdapat kepentingan sendiri. Bererti orang-orang yang akan menyelesaikan hak milik tanah juga berminat untuk dapat tanah. Jadi oleh sebab itu penyelesaiannya tidak telus. Jadi saya ingin menyatakan saya sangat bernasib baik sebab EXCO-EXCO dan Pegawai-pegawai Kerajaan tidak dapat tanah. Jadi dapat, senang diselesaikan. Kalau ADUN pun tidak kita beri. ADUN pun malu nak minta pada saya sebab saya tak bagi. Itu saya. Jadi dia punya, jadi kalau itu berlaku dia lebih senang. Itu sebab prinsipnya tak, kalau ada kepentingan, jadi sangat sukar untuk membuat keputusan yang telus dan profesional. Jadi itu sebab pengajaran yang dibuat

walaupun saya rasa ada juga rakan-rakan bertanya kepada saya besok kita dah selesai semua tanah ni ada tak harapan untuk Ahli Dewan Undangan Negeri dapat tanah? Hanya mereka yang tak ada tanah langsung boleh, yang ada tanah jangan nak buat sebab dia punya *priority* tidak tinggi langsung. Itu saja.

Kedua saya juga melihat untuk masalah penempatan ni. Salah satu daripada perkara yang berlaku ialah tanah-tanah ini tidak disusun atur. Dan didapati anak-anak sungai ditimbus untuk membuat perumahan. Jadi apa akan berlaku memang tiga empat tahun boleh jadi tak kena banjir tapi makin lama dia akan menyebabkan banjir. Jadi oleh sebab itu saya telah meminta Pegawai Daerah dan juga pegawai-pegawai tanah supaya dalam menyelesaikan masalah pemberian dan hak milik kita juga mesti menentukan *reserve* jalan, *reserve* sungai dan *reserve* parit kita betulkan. Jadi saya berharap Ahli-ahli Y.B. bersama dengan kita supaya walaupun kita ingin memberikan mereka pemilikan tanah dengan segera tapi jangan kita tidak disiplin diri kita untuk mereka membetulkan cara-cara pemilikan dan penempatan tanah tersebut, sebab kalau ini berlaku dia akan menyusahkan mereka kemudian. Itu sebab saya nak ingatkan.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian di butiran 524000 muka surat 315 Kod Objek 20000, Perkhidmatan dan Bekalan. Saya mendapati bahawa ada, ada satu arahan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri berhubung dengan pengiktirafan kepada anggota-anggota khususnya mereka yang bertugas di Pejabat Tanah Daerah untuk diberikan ganjaran dan juga di atas sumbangan yang telah mereka berikan. Ada satu kes yang berlaku di Sepang, Pejabat Tanah Daerah Sepang di mana mereka yang baru saja berkhidmat di perkhidmatan itu diberikan tanah waktu itu TOL yang hampir keluasanya sekitar satu ekar. Dan bila saya semak sebenarnya ia berlaku di hampir kebanyakan Pejabat Tanah dan Daerah. Jadi soalan saya ialah apakah Kerajaan Negeri masih berhasrat untuk meneruskan tradisi memberi anugerah Khidmat Cemerlang kepada kakitangan ini yang telah mungkin berkhidmat dengan baik. Meneruskan tradisi seperti itu ataupun perlu dibuat satu kajian semula di mana saya berpandangan kita patut bagi pengiktirafan tetapi taklah baru lima tahun bekerja sudah diberikan anugerah Khidmat Cemerlang. Mungkin pengiktirafan itu perlu diberikan kepada mereka telah berkhidmat lebih daripada lima belas tahun mungkin boleh dipertimbangkan dan keluasan tanah itu juga mungkin boleh diperhalusi supaya tidak menjadi satu ekar. Jadi saya mohon penjelasan daripada wakil kerajaan kerana wujud arahan dalam MMKN pada tahun 2003. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pihak Kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Sri Muda untuk membangkitkan isu tersebut. Saya telah meminta supaya keputusan MMKN itu tidak dilaksanakan lagi. Saya telah meminta. Walaupun....sebab....itu sebab kita telah bekukan kesemua TOL. Maksudnya antara sebab yang kita telah lakukan.

Kedua, dari segi pemberian hadiah ataupun penganugerahan untuk pejabat-pejabat Daerah dan Pejabat Tanah yang melepasi pengutipan cukai melebihi 90% kita telah memperuntukkan tiap-tiap tahun, setiap tahun kita berikan sekurang-kurangnya RM100,00 untuk dikongsi bersama kegunaan pegawai-pegawai dan warga kerja di Pejabat Daerah tersebut, sehinggakan baru-baru ini kita juga memanjangkan hadiah kepada pihak PTG, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Selangor Negeri kerana mereka juga telah mendapat kutipan yang banyak atas hasil dan premium. Jadi saya akan menyemak semula sama ada perlaksanaan dan nasihat saya itu diterima ataupun masih ada lagi pemberian yang Kerajaan Negeri belum tahu. Itu aje.

**TUAN SPEAKER:** Ya, duduk sekejap Sekinchan. Dewan bersidang semula. Ahli-ahli YB sekalian oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan YAB Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli YB sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dalam peraturan Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga Rang Undang-undang perbekalan (2014) dan 2013 diluluskan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli YB sekalian usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli YB yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli YB yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui. Dewan ini bersambung sebagai jawatankuasa. Sekinchan....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sekinchan ingin mengambil bahagian dalam perbahasan B23 muka surat 31550500, Pentadbiran dan Kewangan. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkaitan dengan kutipan hasil, kutipan hasil dan juga premium serta pentadbiran di pengurusan di Pejabat Daerah khususnya di Sepang. Sebelum ini saya pernah di penggal yang lepas sebagai Pengerusi Jawatankuasa PADAT saya pernah *round* seluruh semua sembilan daerah termasuk Sepang ini dan saya telah meneliti dan laporan-laporan daripada kutipan hasil dan antara daerah-daerah yang cemerlang dalam kutipan hasil adalah



hasil cukai dan premium adalah Pejabat Daerah dan Tanah Sepang, dan juga yang tertinggi sekali Petaling, Gombak, Klang. Ini antara yang tertinggi lah dan saya lihat prestasinya cukup memberangsangkan dan saya ucapkan terima kasih kepada pejabat Daerah dan Tanah yang telah menunjukkan prestasi yang baik dan juga kerajaan telah diumumkan oleh YAB memberi ganjaran juga ya insentif hadiah 100,000 dan sebagainya. Walau bagaimanapun saya lihat daripada angka-angka yang disenaraikan pada sembilan daerah ini seintas lalu Daerah, Pejabat Daerah Tanah Sepang ini hanya diperuntukkan RM9,281,792 untuk operasi pentadbiran. Antara semua sembilan daerah ini Sepang yang terendah. Memandangkan Sepang ini adalah satu kawasan tumpuan *International*, tumpuan antarabangsa di mana di situ berhampiran dengan KLIA dan sebagainya saya nampak Sepang ini dari segi agihan operasinya dengan ....saya nak minta penjelasan mekanisme yang digunakan oleh kerajaan negeri dalam konteks kita mengagih-agihkan pentadbiran ini kosnya, belanja untuk pentadbiran seperti di Pejabat Tanah di Petaling 13 juta, di Sepang 9 juta, antara yang terendah, saya tak tahu tak faham dengan bagaimana agihan ini. Kalau boleh saya minta Pejabat Daerah dan Tanah yang berperform dengan tinggi dapat kutipan tunggakan nya tinggi hari ni boleh diberi mekanisme yang lebih berpatutan supaya dia boleh bekerja lebih kuat dan kutip duit lebih banyak supaya hasil negeri Selangor bertambah tinggi lagi. *Reserve* pun bertambah. Itu yang dibanggakan oleh Kerajaan Negeri di bawah pimpinan YAB Tan Sri. Ini dia yang kita hendak. Saya tengok Sepang ini, bagaimana pula Sepang yang terendah. Sedangkan kalau hasil setahu saya Sepang ini tahun lepas pun lebih kurang premium dengan hasil cukainya 200 juta. Lebih kurang 200 juta. Tetapi 9 juta operasinya. Mungkin ini ada sesuatu mekanisme yang kita tak faham ahli-ahli Dewan. Oleh itu perlu penjelasan yang *detail* daripada YAB Dato' Menteri Besar. Walau bagaimanapun saya cadangkan yang besar ini yang boleh kutip cukai dengan tunggakan yang tinggi ini kena kita bagi *specific* tumpuan yang sepenuhnya supaya kita dapat mendapat hasil yang lebih tinggi. Ini penting kerana Kerajaan Negeri tidak mahu melutut kepada persekutuan untuk meminjam duit. Ini Prinsip Negeri Selangor. Ini saja yang saya nak minta penjelasan daripada YAB Dato' Menteri Besar. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dato' Menteri Besar

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan pengerusi, YB Sekinchan, ingin melihat supaya peruntukkan untuk daerah-daerah bersesuaian dengan tanggungjawabnya. Sebenarnya Sepang ialah sebuah daerah yang baru yang dipecahkan antara Kuala Langat dan juga Hulu Langat. Itu sebab....dan baru dan juga bernasib baik sebab kawasan yang terbesar pun di ialah kawasan Putrajaya yang tidak perlu di bawah kawalan Pejabat Daerah Sepang. Dan besar kemungkinan saya rasa Sepang akan juga membuat kutipan cukai yang lebih besar apabila dia dapat mengutip cukai hartanah dari KLIA Kuala Lumpur International Airport yang sekarang dalam proses

pengutipan. Jadi jawapannya ialah kerana jumlah warga kerja di sana ialah mengikut jumlah kawasan yang dijaga. Jadi untuk yang terbesar sudah tentulah Pejabat Daerah Petaling. Dan saya percaya sudah tentulah besok kalau kita perlu, apa yang kita perlu kita bukan menambah warga kerja tetapi menambah keupayaan Pejabat-pejabat tanah menggunakan teknologi maklumat dalam usaha mempertingkatkan kerja dan produktiviti mereka. Jadi saya percaya kalau Sepang berjaya lagi sudah tentulah bonus akan ditingkatkan.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B 23, iaitu wang sejumlah RM9,281,792 untuk kepala B23 Pejabat Daerah dan Tanah Sepang menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli YB yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli YB yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B24 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor RM10,881,358.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMANBIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan dalam vot B24. Saya merujuk kepada kod 525000 mengenai tanah. Pertama saya ada tiga persoalan yang saya rasakan mohon ulasan sedikit, dan mungkin sedikit penjelasan daripada pihak kerajaan. Yang pertama ialah mengenai dasar kerajaan yang kita sedia maklum baru-baru ini pada tahun 2012 tidak lagi meneruskan mengenai pembaharuan *TOL* kepada semua. Saya nak merujuk kepada satu kawasan Kampung Baru. Pasir Penambang dalam kawasan saya DUN saya sendiri yang mana kawasan ini didiami lebih kurang 46 buah keluarga, yang pada awal tahun 2000 dulu memang dicadangkan untuk dibentuk sebuah perkampungan nelayan kerana 46 keluarga ini semuanya nelayan. Jadi, pada waktu itu kerajaan Barisan Nasional mencadangkan supaya kawasan ini diwujudkan sebagai kawasan perkampungan nelayan tersusun. Tapi memandangkan perubahan kerajaan negeri daripada 2008 usaha-usaha ini tidak berjalan dan hari ini status tanah mereka berupa *TOL*. Untuk makluman pihak kerajaan, 46 keluarga ini membina rumah ada struktur binaan rumah yang mereka tinggal walaupun bukan rumah batu tetapi rumah yang mereka duduk kerana itu sajalah tanah yang mereka ada. Jadi saya nak mohon ulasan daripada pihak kerajaan apakah masa depan mereka ini kerana apabila mereka nak bayar ke Pejabat Tanah *TOL* tak diterima. Jadi mereka sentiasa hidup dalam keadaan yang tak menentu, sedangkan di hadapan mereka pelbagai pembinaan rancak pembangunan sedang berjalan di bawah sebuah pemaju, di hadapan tu dah penuh boleh dikatakan pemaju termasuk pembinaan *supermarket*, *hypermarket* dan sebagainya. Jadi saya nak mohonlah kalau boleh diberi pertimbangan daripada

penduduk-penduduk kawasan ini, 46 keluarga ini diberikan kerana mereka tinggal bukan di kawasan rizab sungai saya percaya terlepas daripada kawasan rizab sungai.

Yang kedua juga, saya nak mohon kepada ulasan pihak kerajaan mengenai industri, saya tak pasti sama ada ia boleh disebut sebagai industri tanah liat atau sebagainya tetapi apa yang berlaku dalam kawasan tanah di Hutan Simpan Bestari Jaya bersebelahan dengan Taman Agrotek Bestari Jaya. Kawasan ini dulunya ialah merupakan kawasan yang dipajak ataupun disewa oleh sebuah syarikat bumiputera untuk membuat tanaman nenas untuk kawasan yang lebih kurang 100 ekar dalam tempoh pajakan bersama dengan pihak anak syarikat kerajaan negeri. Tapi pada dua tahun yang lepas nampaknya syarikat ini dibatalkan perjanjian ini dan akhirnya terpaksa meninggalkan kawasan berkenaan tanaman nenas berkenaan dan akhirnya syarikat ini terpaksa menanggung banyak kerugian kerana telah banyak membuat pinjaman dan sebagainya. Jadi selepas daripada itu kawasan ini mula diberikan, saya tak pasti sama ada ia sama ada aktiviti yang sah diterima oleh Pejabat Tanah Daerah yakni industri ataupun memulakan kerja-kerja mengorek tanah liat, yang menimbulkan kebimbangan kita pakah ada diberikan kebenaran kepada syarikat tertentu dan kalau boleh, walaupun ini syer yang spesifik pihak kerajaan saya sedia terima jawapan bertulis sekali pun kerana penduduk kawasan berkenaan berasa bahawa begitu terganggu dengan treler-treler yang mengangkut tanah liat ini dan saya nak bertanya ni kerana apakah ia memberikan pulangan kepada Pejabat Tanah. Kalau ada berapa royalti yang diterima oleh pihak Pejabat Tanah, dan apakah pengorekan tanah ini juga termasuk di bawah skop kerja KSSB yang mana kita berikan KSSB untuk memantau dan juga meneruskan industri pasir, apakah tanah termasuk dalam skop kerja mereka pun di bawah pemantauan Pejabat Tanah. Dan kalau boleh kita tak mahu hari ini kawasan berkenaan sudah menjadi satu lubang besar. Jadi akhirnya nanti apabila kita nak bangunkan semula bagaimana kita nak bangunkan kawasan ini. Jadi kesan kepada alam sekitar, ekologi kawasan berkenaan dan di sebelah dengan itu ialah kawasan yang kita sedia maklum adalah kawasan *agrotech* yang begitu besar yang menjadi kawasan utama penanaman sayur dan sebagainya dan saya minta penjelasan kepada pihak kerajaan.

Dan yang ketiga juga saya nak mohon penjelasan ulasan daripada pihak kerajaan mengenai dasar pemberimilikan tanah kepada kawasan-kawasan baru. Saya nak merujuk perkara ini ada satu kawasan di dalam kawasan Kg. Sg. Yu. Tanah ini merupakan sebuah tanah yang kita sebut kawasan ini di kawasan kampung berkenaan yang disebut orang India, Kg. India Sg. Yu. Walaupun di dalam sebuah kampung majoriti yang tinggal kawasan ini ialah masyarakat India yang mana dalam keadaan sekarang ini selepas pilihan raya ini ada beberapa individu yang begitu rancak mengumpul nama dan menghantar kepada Pejabat Tanah Kuala Selangor untuk diberi pemilikan tanah. Akhirnya menimbulkan satu polemik daripada penduduk tempatan.

Kerana saya pun terima senarai yang dihantar ke Pejabat Tanah. Majoritinya *hundred persen* masyarakat India tetapi apabila saya sendiri buat semakan nama-nama itu tak tinggal pun di kawasan berkenaan malahan tinggal di kawasan luar daripada daerah Kuala Selangor dan bila saya semak dan dapatkan pandangan-pandangan daripada penduduk setempat ada yang terdiri daripada keluarga pemimpin-pemimpin tertentu, parti-parti tertentu dan sebagainya. Jadi saya mohon supaya Pejabat Tanah Kuala Selangor berikan atau pun pihak kerajaan berikan dasar yang jelas bagaimana pemberimilikan. Kalau diberi kepada orang tempatan bolehlah dirujuk kepada saya sebagai wakil rakyat dan sebagainya.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, kadang-kadang ini nasib kamilah sebab wakil rakyat pembangkang ini kita tidak dapat peluang untuk suarakan di dalam jawatankuasa tindakan daerah sebab kita tak menganggotai jawatankuasa berkenaan. Jadi, Inilah ruang yang ada yang kita bertanyakan kepada pihak kerajaan supaya boleh berikan ulasan mengenai tiga perkara yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Y.B. Permatang, ruang yang kita berikan semasa dewan ialah semasa perbahasan dasar, boleh dibangkitkan hal-hal ini untuk jawatankuasa perbekalan saya minta Yang Berhormat semua hadkan kepada semua isu pentadbiran. Pihak kerajaan kalau nak ulas boleh, kalau tak nak ulas pun boleh.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Puan Pengerusi. Pertama saya nak ulas perkara yang ketiga. Adalah polisi kerajaan hanya memberikan tanah pemilikan rumah maknanya untuk penempatan dan tidak bercadang untuk memberikan tanah kepada mereka yang tidak tinggal di kawasan tersebut. Walaupun ada cubaan untuk menghantar nama memang itu sudah menjadi kebiasaan di Pejabat-pejabat Daerah, bukan masa Pakatan Rakyat sahaja tapi sebelum tu boleh jadi lebih hebat lagi tetapi kita telah meminta pegawai daerah untuk menggunakan keistimewaan mereka menolak dengan baik. Itu saja. Dan EXCO akan membuat keputusan untuk kelulusan pemilikan tanah dan biasanya ada gambar rumah pun disertakan dalam surat ataupun kertas kerja permohonan tersebut. Jadi itu kita punya polisi. Jadi, tak apalah saya teruskan usaha untuk mengenali rakyat Permatang dah dengar siapa yang nak dapat siapa yang tak dapat tak pa itu boleh diteruskan.

Kedua, ini soalan yang perkara yang sama dibangkitkan oleh Y.B. Permatang, dalam soalan yang lepas itu jawapannya ialah serupa seperti jawapan Y.B. EXCO jadi ada lesen ada betul dan ada *agreement* tentang penyelesaian masalah pemantapan tanah tersebut. Itu sebab kita ada *agreement* dan *agreement* itu juga akan kita sesuaikan dengan kumpulan semesta untuk besok menjaga tanah tersebut. Itu sebab yang menjawab itu daripada alam sekitar. Walau bagaimanapun atas peringatan kita akan meminta PKPS dan juga Pejabat Tanah membuat laporan apa yang berlaku.

Soalan mengenai penduduk di kawasan desa, yang di kawasan nelayan itu saya ingat saya akan minta Pejabat Daerah untuk membuat kajian dan jika mereka layak mereka boleh dapat penempatan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang untuk berbahas dalam peringkat jawatankuasa ini. Puan Pengerusi saya akan rasmi 240 jabatan 0221 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor mengenai dasar sedia ada dan dasar baru di mana peruntukkan sebanyak 10.6 juta termasuk dalam anggaran sedia ada dan 59,400 untuk di bawah belanjawan 2014. Saya sebenarnya ingin dari segi dasar yang sedia ada ini ingin membangkitkan mengenai pelaksanaan pemutihan kawasan penggunaan tanah-tanah pertanian di kawasan yang digunakan sebagai kawasan industri. Dan dasar sedia ada telah dilaksanakan pelaksanaan dasar ini sehingga kini dan untuk daerah Kuala Selangor khususnya kita ingin nak tahu sejauh mana, ada lagi kedudukan bangunan-bangunan yang belum lagi dapat diputihkan kerana keengganan mereka dan apakah tindakan-tindakan mereka akan susulan seterusnya oleh kerajaan negeri.

Kedua berikutan dasar baru penamatan lesen tumpangan sementara *TOL* ataupun *temporary occupation of licence* dengan izin di mana dasar sekarang sudah tidak diperbaharui lagi lesen-lesen tersebut. Saya mengambil dua keadaan di daerah Kuala Selangor pertama ialah penempatan-penempatan di tepi sungai yang kebanyakannya terdiri daripada nelayan-nelayan mereka secara evolusi atau secara berperingkat-peringkat telah membina penempatan-penempatan mereka dengan membina rumah-rumah bukan sahaja rumah-rumah biasa tetapi rumah-rumah yang strukturnya kukuh iaitu rumah batu di atas air dan mereka ini sejak daripada kerajaan Barisan Nasional telah menikmati kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti api, air dan juga pembinaan jeti-jeti konkrit yang telah diberikan kemudahan ini untuk memudahkan nelayan-nelayan ini pergi menjalankan aktiviti mereka. Dan dasar pada masa itu ialah memberikan lesen tumpangan sementara kerana untuk memberikan *local standy* bahawa mereka duduk di tanah rizab tetapi mereka tidak boleh diberikan geran. Tetapi oleh kerana hari mereka ini tidak diberikan lesen tersebut, ini telah menimbulkan kegelisahan kepada mereka. Saya telah menerima aduan-aduan bahawa mereka ingin bertanyalah kedudukan *local standy* mereka, dan adakah mereka ini dibenarkan untuk duduk itu dan adakah kerajaan negeri boleh membantu untuk misalnya menyelesaikan masalah dari segi mungkin membatalkan dan juga memberikan kedudukan *title* kepada mereka.

Yang keduanya yang duduk di kawasan, tanah rizab jalan dan juga JPS. Saya merujuk ini yang tadi di sepanjang tepi sungai ada tiga kawasan, satu di Bagan Pasir di Sg. Kajang dan di Sg. Tengkorak. Yang keduanya ialah di kawasan rizab, kawasan rizab

ini ialah rizab JKR, rizab jalan dan juga rizab JPS yang telah diduduki sekian lama dan dibina rumah-rumah. Mereka dulu diberi lesen sementara kerana membolehkan mereka supaya duduk disitu. Mereka ini adalah golongan-golongan orang miskin yang kebanyakannya adalah daripada nelayan dan sekiranya mereka tidak diperbaharui lesen sementara mereka ingin tahu apakah kedudukan dan apakah nasib mereka pada masa akan datang.

Yang ketiganya, saya ingin membangkitkan mengenai dasar pengecualian cukai tanah dan juga termasuk cukai taksiran untuk pengusaha-pengusaha burung walit. Di mana Kerajaan pada masa ini membenarkan pengusaha-pengusaha burung walit di kawasan tanah pertanian ini untuk dikecualikan cukai tanah dan juga cukai taksiran dalam tempoh lima tahun. Dan walaupun kita memahami bahawa kebanyakan daripada mereka juga telah mengusahakan pengusahaan burung walit ini dikawasan tanah pertanian lebih daripada lima tahun dan mereka ini tidak lagi dikecualikan daripada cukai. Tapi apa yang berlaku mungkin sama ada dasar ini tidak sampai ke peringkat bawah, di Pejabat Tanah, atau di Majlis Daerah, di mana bil-bil cukai taksiran juga dikeluarkan kepada secara menyeluruh. Maknanya mereka yang belum mengusahakan sampai lima tahun pun, mereka diberikan cukai taksiran. Jadi mungkin ini adalah terlepas pandang dari segi ini, dan saya minta kalau boleh Kerajaan Negeri memaklumkan dasar ini secara terus pada peringkat Majlis Daerah dan juga Pejabat Tanah supaya mereka tidak melaksanakan, apa orang kata, tindakan yang mungkin secara tidak disedari bertentangan dengan dasar pengecualian cukai taksiran dan cukai tanah tersebut. Sekian, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Pengerusi, kita akan cuba menyelesaikan masalah penempatan di mana terdapat mereka yang dipanggil peneroka atas tanah-tanah Kerajaan supaya akhirnya tak ada orang yang sepatutnya berhak untuk mendudukinya diberikan kesempatan. Polisi kita ialah mereka-mereka yang sudah menduduki kawasan tapak rumah itu, melebihi lima belas tahun, kita anggap mereka ini sudah mempunyai hak ke atas penempatan tersebut. Jadi jawapan kita ialah kalau itu maknanya kita akan cuba mencari usaha supaya dapat memberikan mereka hak milik. Itu yang kita berlaku, sehinggakan hak milik juga jika kita beri, kita tidak mengenakan premium yang tinggi hanya pembayaran RM1,000.00 sahaja. Itu kita mula lakukan. Walau bagaimanapun jika terdapat rizab sungai, rizab tanah, rizab parit dan juga rizab-rizab yang dikenakan. Kita perlu mendapat keputusan daripada pihak JKR, Jabatan Kerja Raya dan juga pihak LUAS ataupun pihak JPS, untuk mengatakan kawasan ini tidak lagi dalam keadaan tersebut. Selalunya mereka enggan memberikan perkara tersebut sebab mereka rasa tempat itu perlu dilakukan. Umpamanya untuk jalan dari Kuala Selangor ke Sabak Bernam akan berlaku pengambilan tanah untuk jalan lebuh raya dari Banting sampai ke Taiping. Jadi oleh sebab itu, itu sebab kita tidak

memberikan *TOL* lagi. Kerana kalau tidak kita akan timbul masalah pengambilan tanah kerajaan. Itu antara sebab-sebabnya. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Puan Pengerusi, boleh penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ok.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Apa yang saya maksudkan ini ialah selain dari jalan-jalan yang terlibat dengan pengambilan balik tanah. Contohnya ialah di Lorong Hamzah, dan juga rizab UKM, di Pekan Tanjung Karang.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Pengerusi, saya tidak sampai ke situ pengetahuan saya. Tapi kalau dia diterima tidak lagi rizab, kita boleh berikan pada mereka-mereka ini. Kedua, jika rizab itu diperlukan kita akan berikan penempatan yang lain. Itu tanggungjawab kita, jadi maknanya dia boleh tinggal dalam bentuk sementara. Tapi sekali ini tak payah bayar, sebab kita nak senang, untuk bila kita bagi, lesen ataupun pembayaran *TOL* yang harganya tak sampai RM50.00, itu akan menjadi *consideration* ataupun dia punya sebab mengapa mereka tidak hendak keluar. Jadi untuk RM50.00, Kerajaan akan mendapati kerja-kerja yang sukar untuk meminta mereka beralih.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Pengerusi, boleh minta penjelasan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ya.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya berterima kasih kerana jaminan Yang Amat Berhormat tadi sekiranya mereka ini akan ditempatkan ke tempat lain maka mereka akan diberikan penempatan yang baru. Cuma kemusyikilan saya, oleh kerana mereka ini telah membina rumah-rumah di tapak yang sekarang. Jadi adakah Kerajaan nanti akan memberikan *compresition* atau sagu hati ataupun membinakan rumah-rumah. Saya mengambil perhatian kerana golongan ini semua adalah golongan miskin.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Jadi Yang Berhormat Sungai Burong, jawapan itu bertindih. Sebab kalau dia dah rumah batu, rumah besar, tak boleh dikatakan miskin. Itu pun boleh kita, jadi kita kena

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Penjelasan, saya minta maaf. Bukannya rumah batu, ini semua rumah-rumah kayu, setengah batu, setengah kayu yang saya maksudkan di Jalan, Lorong Hamzah dan di depan Jalan UKM.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Kalau kaum nelayan dalam kemiskinan itu ada tanggungjawab Kerajaan untuk memberikan penempatan yang sesuai lah. Tapi

kalaulah kata dia rumah yang besar, ada rumah batu dan seterusnya, Kerajaan kena membuat keputusan sama ada mengalih jalan, sebab kos untuk pemusnahan itu pun agak tinggi dan membebankan begitu ramai orang. Jadi perkara mengenai *TOL*, untuk sungai, kita telah meminta LUAS untuk membuat pemantauan. Kajian awal oleh LUAS, yang menyebabkan Kerajaan Negeri membuat beberapa keputusan ialah terlalu banyak jeti, jadi kemudian di masa hadapan, jika kita nak membetulkan sungai tersebut, boleh jadi kita tidak dapat melaksanakannya dengan cepat, kerana terdapat terlalu banyak jeti. Sama ada diperlukan atau tidak. Kedua, pemantauannya pun mesti kita lakukan dengan tertib. Dan untuk perkara yang lain seperti yang saya katakan, kalau *TOL* itu, tidak ada bangkangan dari JKR dan daripada pihak berkuasa seperti JPS, jadi masalah untuk keputusan untuk pembermilikan tanah, itu dapat kita selesaikan dengan cepat dan segera. Saya minta Yang Berhormat EXCO menerangkan tentang burung walit.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Puan Pengerusi, berkenaan dengan insentif kepada pengusaha burung walit, mengenai insentif cukai percuma, cukai tanah percuma, cukai taksiran percuma, dan lesen percuma selama lima tahun adalah ditawarkan kepada mereka yang sedang mengusaha di premis perniagaan dan di sawah padi apabila mereka berpindah ke tapak yang baru. Insentif diberikan apabila mereka memulakan usaha mereka di tapak yang baru, bukan di tapak yang sedia ada. Ya, di tempat yang sedia ada insentif yang kita berikan Cuma lesen, kita memberikan lesen, sekarang ini tidak berlesen, kita berikan lesen. Apabila dia berpindah, maka kita akan memberikan insentif di tapak yang baru. Terima kasih.

**TUAN PENERUSI:** Jadual B24 iaitu wang sejumlah RM10,881,358.00 untuk kepala B24 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata '**YA**'. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata '**TIDAK**'. **DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B25 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor, RM11,246,420.00.

**TUAN PENERUSI:** Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya merujuk kepada muka surat 331, butiran program 505001, kod 20000. Yang Berhormat Speaker, saya ingin membawa perhatian Kerajaan mengenai kecekapan dan ketelusan dalam mengendalikan isu pembangunan tanah terutama dalam isu *land conversion*, dengan izin. Yang bagi saya boleh meninggikan lagi tahap kecekapan menghidu dan membina peluang penjanaan hasil. Yang Berhormat Speaker, baru-baru ni, saya dikejutkan dengan sekumpulan rakyat kitalah yang dipanggilkan *group* ini sebagai *Genting Valley Purchaser Group*. Saya rasa perkara ini pernah dibawa ataupun disentuh dalam soalan, jawapan soalan mulut di dalam Dewan



ini pada tahun 2009 oleh Yang Berhormat Kampung Tunku, mengenai status projek-projek terbengkalai. Apa yang ingin saya bawa pada hari ini, ialah kes Genting Valley ini. Sebagai contoh di mana sepatutnya tahap kecekapan kita untuk menghidu dan membina peluang penajaan hasil itu terlepas dan tergendala begitu lama sekali, sehingga mengambil masa 13 tahun dan sampai ke hari ini belum nampak lagi cara kita untuk mengatasi masalah berkenaan. Perkara ini wujud pada tahun 2002, di mana satu keping tanah pertanian seluas 297.2 hektar, yang dimaklumkan telah dipecah, telah dipecah lot, dan dijual dengan harga RM15.80 hingga RM18.80 sen *persquare feet*, bagi tujuan pembangunan perumahan oleh pemaju Jade Sun Reality Sendirian Berhad. Seperti yang saya katakan tadi, projek ini dipanggil sebagai Projek Genting Valley, yang melibatkan pembeli seramai 627 orang. Pada pemerhatian saya tanah berkenaan telah ditolak dan semak samun kembali, infra yang hampir selesai, sudah berubah rupa, rumah-rumah contoh telah dibina tapi dah mula nak roboh. Projek ini tak materialis dan didapati ia kekal berstatus tanah pertanian. Ini yang menghairankan kita. Kekal sebagai berstatus tanah pertanian, di premium dimaklumkan tidak dibayar. Dan individual *title* tidak ada. Tapi yang memelikkan saya, *something fishy*, dengan izin. Bagaimana projek ini yang berstatus pertanian, dijual dengan status perumahan telah mengelirukan pihak bank dan pinjaman-pinjaman telah diluluskan. *Something fishy*, ini yang I nak cakap ni, minta maaf. Ada, ada tak kena di sini. Status pertanian, premium tak dibayar, *title* individu tak keluar, pinjaman bank boleh lulus. Ha, ini kena carilah. Kena tengoklah macam mana nak menyelesaikan sama-sama. Dan pada tahun 2009, dimaklumkan bahawasanya Kerajaan Negeri Selangor telah mengeluarkan *stop transfer ...*

**TUAN Pengerusi:** Yang Berhormat Batang Kali, saya nak faham ya, *title* tak keluar, tapi bank bagi pinjaman, jadi soalnya kena tanya banklah. Kenapa tanya Kerajaan Negeri.

**Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan:** Saya tak tanya itu, saya menanyakan bagaimana kita tadi telah kehilangan penghiduan hasil, penajaan hasil tadi. Kecekapan, pentadbiran kita tadi ini. Macam mana hasil kita sepatutnya boleh membawa kepada bekalan tambahan bajet yang lebih baik .....

**Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar A/L Arulanandam:** Boleh celah.

**TUAN Pengerusi:** Seri Andalas nak mencelah.

**Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan:** Sila, sila, boleh.

**Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumara A/L Arulanandam:** Saya nak tanya satu soalan saja. Ini tahun apa yang berlaku.

**TUAN Pengerusi:** Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tahun dia dari tahun 2002, (RIUH). Dengar, dengar, dengar, dengar dulu, dengar dulu,

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Saya nak mencelah.

**TUAN Pengerusi:** Kota Anggerik, bagi Batang Kali jelaskan dulu. Tahun 2002 ya, ia berlaku.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ha, ini hal Hulu Selangor, ini, nak bangkit ni. Orang lain tak tahu kesusahan Hulu Selangor ni. Dia nak menyampuk je. Kejap, kejap, kita nak bagi tahu, memang dia dah berlaku 2009, saya dah bagi tahu tadi, 2002, dia mulakan projek, dengan rupa-rupanya ada masalah yang saya sebutkan tadi. 2009, Kerajaan buat *stop of transfer*. Di sini saya nak bagi tahu, bahawasanya sudah, perkara ini telah, perkara ini menampakkan seolah-olah Kerajaan sudah mula mengambil perhatian. Ini yang saya nak katakan, perkara ini tak selesai lagi ya. Telah mengambil perhatian tetapi malangnya isu ini, tinggal isu sehingga sekarang, dan masih lagi tidak ada kesusahan. Jadi *purchaser-purchaser* ini masih lagi menunggu, macam mana sebenarnya status mereka ke atas tanah berkenaan. Ya, itu yang saya nak bangkitkan pada hari ini dan perkara ini menjadi kemarahan mereka dan baru-baru ini, terpaksa kita membawa mereka untuk berjumpa dengan Menteri yang terlibat dengan undang-undang. Untuk melihat keadaan mereka. Pada hal perkara ini telah dibawa di dalam Dewan dan menyentuh hal-hal *conversion*, dan menyentuh hal-hal *title* dan akhirnya tidak ada satu benda yang dapat kita sudahkan mereka punya kesusahan ini. Dan yang sedihnya itu, perkara ini dah masuk

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Saya mencelah. Saya mencelah.

**TUAN Pengerusi:** Batang Kali, Paya jaras minta mencelah.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Dah nak habis dah, ni saja, lepas tu *you* nak cakap, cakaplah. Lepas ni, / duduklah. Kejap je. Duduk. Yang saya nak cakap

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Satu soalan, satu soalan je.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sekejap je. Lepas ni, / bagi. / nak bagi tahu satu je, sikit je. Ya. Yang / nak cakapkan tadi tu bahawasanya perkara ini dah ada dalam perhatian kita. Dah dibangkit sebagai projek terbengkalai. Dah dibangkit. Itu saya sebutkan *hansard* 2009 tu, dah dibangkit dah. Termasuk dalam projek terbengkalai. Makna dah ada dalam pengetahuan kita, perkara ini. Kalau kita selesaikan dengan 297 hektar tanah, dengan 627 rumah akan timbul. Cuba penajaan kita tu, kecekapan kita itu, ini yang saya nak katakan. Ok, tadi nak tanya tadi.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Ya, soalan, pertama, Batang Kali menyebut ada bertemu dengan Menteri. Soalan pertama, apa keputusan Menteri terhadap projek tersebut. Yang kedua, berhubung kait dengan isu terbengkalai, adakah Batang Kali bersetuju bahawa isu terbengkalai ini adalah isu di bawah Kementerian Pusat dan bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya lebih menekankan kepada isu *conversion*, awal-awal lagi tu le. Tu la tak nak dengar. Orang kata tengok apa, saya ulang balik. Tanah terutama dalam isu *plan conversion* tak ada kena mengena dengan Kerajaan Pusat ni. *Land conversion* yang boleh mendatangkan hasil apabila di *convert* tanah pertanian kepada pembangunan perumahan. Perumahan itu boleh buat duit. Kita kena tadbir betul-betul.

**TUAN Pengerusi:** Yang Berhormat Batang Kali, saya pun keliru, kata tak ada kena mengena Kerajaan Pusat, tapi bawa penduduk jumpa Menteri Undang-undang.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Dia, sebab, dia ni, sudah berkait. Ok, Puan Speaker, saya nak cakap. Ni nak cerita segala-galanya ke ni. Nak cerita.

**TUAN Pengerusi:** Teruskan, teruskan. Tapi hanya 10 minit.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Jadi isunya, tu la, bab *conversion* tadi dan saya minta Kerajaan Negeri supaya melihat balik isu Genting *Valley* ini. Kalau boleh kita, sebab benda ini dah dibawa dalam 2009, dalam Dewan, dalam hal projek-projek terbengkalai, kalau boleh kita pulihkan balik projek ini. Ini yang saya hendak. Kalau ada masalah *conversion of land* tadi tu, diselesaikan dengan cepat, kalau premium itu tidak dibayar, cepat-cepat balik kutip premium itu, kalau *land title* tidak dapat dikeluarkan, keluarkan dengan segera. Ini yang saya minta pada Kerajaan Negeri supaya kita boleh menjana pendapatan yang lebih baik dan lebih efisien *collection* dia. Ini dia. Terima kasih.

**TUAN Pengerusi:** Pihak Kerajaan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih. Saya berterima kasih kepada Batang Kali. Tapi saya nak ingatkan Batang kali tak payah mengajar kita untuk mencari dana, sebab saya tahu, premium boleh dibayar, hanya bila kita boleh mengutip. Dia tidak boleh dibayar kalau kita tidak boleh mengutip. Hanya kita menunggu sehingga sama ada tanah itu boleh dirampas atau tidak. Tapi kalau Batang Kali melihat, saya sendiri memanggil mereka untuk datang di sini. Yang datang bukan saja, pembeli, yang datang ialah *receiver*, *receiver*, dia punya tanggungjawab ialah di bawah mahkamah. Kita tidak boleh melakukan sesuatu luar daripada bidang kuasa mahkamah. Jadi saya berharap jangan membawa kes ini, walaupun ada tanggungjawab untuk menolong. Kerajaan Negeri sudah cuba untuk menolong dan Kerajaan Negeri memanggil *receiver* dan juga

pembeli tanah untuk berbincang dan Kerajaan Negeri memberi nasihat, kalau perkara ini tak habis selesai, Kerajaan Negeri akan merampas tanah. Sehingga perkara ini, kalau tak berlaku, kita akan pergi ke mahkamah untuk mengambil tanah. Tak ada siapa yang menang dalam hal ini. Walaupun saya rasa tanggungjawab pembeli tanah juga mesti juga diajar kerana mereka membeli tanah dan keuntungan dari pembelian tanah, tak ada perkongsian dengan Kerajaan, tak ada. Bila ada masalah, baru mengenakan Kerajaan. Dan Kerajaan yang membenarkan perkara ini berlaku, bukan masa Pakatan Rakyat, tak ada. Ini sudah berlaku sebelum ini. Tanah yang dibuka, apa semua, dibuat sebelum 2008 lagi. Penjualan sudah dibuat sebelum 2008 lagi. Tapi saya telah cuba dan oleh kerana merampas tanah kena ada prosesnya. Sebab kalau kita salah proses merampas tanah, dia akan ditolak oleh mahkamah. Dan Kerajaan Negeri pernah mengalami perkara tersebut. Jadi jawapan saya perkara ini dipantau oleh Kerajaan Negeri. Tapi prosesnya mengambil masa. Bukan Kerajaan Negeri tidak hendak duit, tapi kalau ambil duit kena pulangkan balik, Kerajaan Negeri malu termasuk 8 peratus denda. Jadi bukan, semua itu kita sudah ambil kira. Dan saya tahu, orang yang kena bencana tersebut, tentulah marah, tetapi marah pada siapa. Marah pada Kerajaan Negeri. Adakah Kerajaan Negeri melakukan perkara tersebut. Jawapan setengah daripada pegawai tanah, kalau dia dapat untung, dapat tak dia bagi pada Kerajaan Negeri. Jawapannya tak ada juga. Jadi oleh sebab itu adalah hormat-menghormati bererti tanggungjawab negeri itu menolong mestilah ada rasa terima kasih. Dan Kerajaan Negeri menerangkan tentang perkara tersebut kerana kita menunggu masa keputusan *liquidation*. Jadi kalau saudara baca buku *liquidation, is in liquidation*, maknanya hak itu *liquidator*. *Liquidator* punya kuasa ialah dia melaporkan dan mendapat perintah dari mahkamah bukan dari sesiapa. Jadi itu sebab kita dah panggil. Dah ada tiga mesyuarat. Saya tahu orang yang menulis surat-surat itu pun, walaupun dia ada pengalaman tapi pengalaman luar negeri tidak melawan Kanun Tanah Negara di Malaysia, tak ada. Itu sebab saya rasa Menteri Undang-undang akan mendengar, senyum, rasa sedih bersama tetapi membiarkan keadaan, *the law takes in on cost*.

**TUAN Pengerusi:** Kuala Kubu Bharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Ya, terima kasih, Puan Pengerusi. Saya rujuk kepada muka surat 336, anggaran perbelanjaan, buku perbelanjaan ini. Butiran Tanah dan Hasil. Mengikut maklumat daripada buku Perjawatan Selangor 2014, Pejabat Daerah Hulu Selangor mempunyai 99 orang kakitangan untuk meluluskan tanah seluruh Hulu Selangor, yang sebesarnya negeri Melaka. Banyak pemohon daripada rakyat seperti pemilik pemberimilikan tanah, lesen menduduki sementara, penyerahan balik sebahagian tanah, penyatuan tanah, pecah bahagian tanah, tukar syarat tanah, pindah milik, memanjangkan tempoh pajakan. Malangnya ada permohonan tidak dapat diproses dengan cepat dan mengambil masa bertahun-tahun atau berbulan-bulan. Saya memberikan dua kes di sini. Permohonan pada 17 tahun yang lalu untuk

pelupusan secara pemilik pemberi hak milikan tanah kerajaan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara bagi tujuan bangunan kediaman, di Kampung Asam Kumbang, Kuala Kubu Bharu. Tetapi sehingga kini tidak ada maklum balas. Kes yang kedua, permohonan memanjangkan tempoh pajakan melalui serah dan beri milik semula, borang 12A, pemilik tanah telah memohon empat bulan lalu, dan bila menanya status permohonannya, jawapannya ialah fail belum buka lagi. Pemilik tanah menunggu urusan untuk mendapatkan pinjaman bank. Bagi membangunkan tanahnya dan seterusnya nampaklah ekonomi di Kuala Kubu Bharu berkembang sedikit. Atas kelewatan memproses ini maka terdapat banyak tohmahan daripada pihak-pihak tertentu mengenai ketidakberkesanan. Ini adalah tidak adil terhadap pejabat Daerah Hulu Selangor. Dengan ini saya memohon pihak kerajaan mengambil berat dengan masalah kelewatan. Kerana Kerajaan juga bergantung pada hasil tanah untuk membentangkan bajet yang mencipta sejarah ekonomi Selangor sekali lagi pada tahun depan. Itu sahaja. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu, saya tahu Hulu Selangor menghadapi banyak isu-isu tanah, terutama penerokaan tanah kerap berlaku di Hulu Selangor. Tapi saya dapati kes, kalau kes itu berlaku 17 tahun bererti ada masalah dasar dan utama yang berlaku, yang boleh jadi tanah geran pun tiada. Jadi maknanya itu yang berlaku. Jadi, kita tidak boleh mempercepatkan kerana kawasan itu pun tidak ada apa yang dipanggil *location survey* tidak berlaku. Ada kalanya tanah tersebut ialah tanah hutan yang dikatakan tanah dia. Itu semua berlaku di Hulu Selangor sebab banyak kawasan hutan. Walau bagaimanapun hasil daripada sini saya akan berjumpa dengan Pejabat Daerah untuk mencari jalan, bagaimana kita ada usaha untuk menerangkan kepada masyarakat tentang pentingnya proses pe...pe...permintaan dan permohonan dan seterusnya. Dan, bagaimana ia dapat diselesaikan usaha pemberimilikan ataupun hal-hal mengenai tanah ini. Saya dapati Ahli Dewan juga mesti bekerjasama. Saya minta Pejabat Tanah dan Galian mungkin memberikan penerangan tentang beberapa tatacara yang boleh kita ikuti untuk menyelesaikan perkara ini. Satu daripada pengalaman kita, yang sebenarnya cara terdahulu ialah Pejabat-pejabat Tanah juga mempunyai orang-orang tengah yang selalu duduk bersama-sama dengan pegawai-pegawai tanah untuk menyelesaikan perkara tanah. Jadi dengan perkara itu, terdapat kesibukan yang bertambah jadi oleh kerana dia hendak menyatakan fail dia adalah lebih penting daripada segala-galanya. Jadi, Oleh sebab itu lah kita akan cuba, oleh sebab kita cuba hendak selesaikan masalah *first in first out* maknanya, itu sebab kita cuba mengelakkan dari keadaan orang tengah yang berlaku. Saya tahu ketua-ketua kampung juga datang berjumpa dengan saya sebab dia kata dulunya apabila ketua kampung dia ada *priority* daripada fail-fail yang lain. Dia kata tidak boleh sebab ada orang kampung yang lain kita tidak bagi kesempatan. Jadi oleh sebab itulah kita mengubah budaya. Jadi saya harap kita dapat bersama-sama menyelesaikan perkara ini. Jika berlaku esok, sistem

pentadbiran tanah kita sangat cepat dan sangat teratur dan masalah rakyat dapat diselesaikan dengan cepat.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B – 25 iaitu wang sejumlah RM11,246,420 .00 untuk kepada B-25 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B – 26 Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam RM11,634,823.00.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Puan Pengerusi. Sekinchan ingin mengambil perbincangan dalam B-26 Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam 50500 muka surat 39. Saya hendak menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini berkaitan pengurusan, isu pengurusan tanah di daerah Sabak Bernam ini. Sabak Bernam ini terkenal dengan kawasan luar bandar. Walau pun bendangnya menghijau dan terbentang dengan luas tetapi Sabak Bernam daerahnya kutipan hasil itu sedikit, saya terpaksa mengaku di sinilah! Kalau hendak dibanding dengan Sepang, banding Klang, Sabak Bernam ini kutipan tidak sampai RM3 juta setahun. Ini kerana kawasan bendang, kawasan pertanian hasilnya kecil. Ini kawasan Sabak Bernam. Walau bagaimanapun kita menyumbang kawasan hijau yang paling besar, di antara kawasan hijau yang terbesar di negeri Selangor. Saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini tentang isu lanjutan pajakan tanah di kampung-kampung baru seperti di Sekinchan. Kampung Baru *Side B*, Kampung Baru *Side C*. Selama ini zaman Barisan Nasional, isu lanjutan pajakan tanah 99 tahun telah mengisi Borang 5A, premium dah dibayar, dia perlu tunggu 2 tahun, 3 tahun, 4 tahun baru boleh dapat geran. Itu pun kena sampai pilihan raya, itu zaman dahulu, sepintas lalu. Hendak pilihan raya baru dia bagi. Tetapi pada zaman Pakatan Rakyat saya ucapkan terima kasih, kita telah selesaikan banyak masalah tentang timbunan fail-fail yang tidak diurus dengan baik. Kelulusan yang sepatutnya boleh dibuat, tidak dibuat, ini zaman sekarang. Jadi secara keseluruhannya prestasi yang meningkat walau bagaimanapun masih ada lagi kes-kes di mana fail-fail permohonan lanjutan pajakan tanah tidak mengikut *time frame* mengikut masa yang ditetapkan. Ini perlu perhatian daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana kita punya *SOP* piagam pelanggan, kita punya piagam pelanggan untuk kita uruskan supaya pelanggan kita puas hati sampai masa, tepat pada masa. Jangan selalunya janji 4 bulan, janji 6 bulan tetapi setahun dua tahun. Jadi ini yang diambil perhatian dan baru-baru ini saya mengucapkan terima kasih kepada Pentadbir Tanah kerana telah proaktif bukan sahaja menerima permohonan di pejabat sahaja, turun lagi dengan kumpulannya, turun ke Kampung Baru C, menerima permohonan secara berkelompok. 30 – 50 fail sekali. Tentang pajakan.

Dan ini sesuatu yang perlu diiktiraf dan diberi apa galakkan. Pegawai bukan sahaja kerja di pejabat, dia turun juga ke kawasan. Inilah juga hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Jadi minta perkara ini dapat dipantau supaya masalah tanah sedemikian dapat dipercepatkan dan sistem penyampaian kita dapat lebih dikesan. Pada masa yang sama juga kita juga masih menunggu masalah tanah di kawasan Sekinchan di mana Lorong 6 hingga Lorong 12, yang dulu penukaran tanah telah diluluskan oleh kerajaan. Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi, Tahniah kepada Yang Amat Berhormat kerana selesaikan masalah penduduk nelayan di situ lebih 50 tahun. Ini tidak pernah berlaku dalam sejarah. Berlaku Sekinchan, di bawah mana? Pakatan Rakyat. Di bawah siapa? Di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Ini dia berlaku cuma sekarang, cuma sekarang isunya kelewatan, kelewatan (...gelak...) Isunya memang betul. Kita nyatakan hakikatnya. Ha... kisah benar dia, kita tidak menyatakan benda yang tidak, yang berlaku kita kata ya! Ya tak. Jadi saya minta cuma prosesnya dipercepatkan. Lagi satu isu saya hendak menarik perhatian luar di kawasan Sekinchan tetapi di bawah daerah Sabak Bernam iaitu di kampung nelayan bagan, BNO Bagan Nakhoda Omar (BNO) di mana perkampungan di situ pun telah berpuluh tahun duduk di kawasan tersebut. Ketua Kampungnya sering kali berjumpa dengan saya, maklumkan bahawa penduduknya begitu dahagakan memiliki geran untuk tanah yang mereka terokai sejak 50 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, memandangkan ada status tanah di situ. Status rizab tanah Melayu yang pernah kita bangkit di dalam Dewan Yang Mulia ini berkaitan perkara tersebut. Terdapat satu cara / kaedah penukaran tanah untuk dikeluarkan ke tanah rizab Melayu ini telah di buat kerana kekangan, dikatakan kekangan tanah pekan dikatakan begitu. Akhirnya, *paper* itu sampai ke EXCO dan ditolak. Walau bagaimanapun, saya berharap permohonan ini dapat di *review* / disemak semula dan dicari status tanah pekan ini, digugurkan. Kalau boleh tanah rizab Melayu ini dipertahankan. Yang besar, tanah kerajaan yang besar, sebesar yang dikeluarkan itu kita pertahankan tanah rizab Melayu. Dalam konteks mempertahankan tanah rizab Melayu kita kena kompromi, ini zaman dalam Pakatan Rakyat. Saya sebagai wakil rakyat Sekinchan pun, walau pun saya bukan Melayu tetapi saya tetap juga mempertahankan tanah rizab Melayu. Ini *stail* kita. Jangan macam UMNO, cakap tidak serupa bikin, tanah rizab Melayu dia sapu. Hilang tanah ini, ini sebagai sepintas lalu. Sepintas lalu. Jadi saya minta Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar percepatkan-percepatkan permohonan penukaran status tanah itu, Bagan Nakhoda Omar ini supaya impian berpuluh tahun rakyat nelayan di BNO ini dapat direalisasikan dalam tempoh masa 2 hingga 3 tahun ini. Inilah harapan setinggi gunung rakyat di BNO ini. Jadi, saya minta penjelasan kepada Yang Amat Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Puan Pengerusi. Puji macam mana pun kalau tidak boleh buat, kita tidak buat (...ketawa...). Kedua, kedua aaa...aaa...saya tengah, kita, walaupun kita ada *KPI* juga, Bagan Nakhoda Omar ini sudah dalam

perbincangan kita setiap bulan kerana kita hanya hendak menentukan tanah gantian itu juga mempunyai status yang sama dengan BNO. Jadi, saya rasa itu ialah proses bukan lagi apa yang dipanggil mencari-cari, tapi tinggal proses. Jadi itu mungkin kita dapat selesaikan dengan cepat dan segera sebab tiada lagi yang menghalang tentang pemilikan tersebut. Kedua, saya telah meneliti tentang hasil cukai tanah yang paling tinggi ialah di Petaling RM154 juta, dan paling rendah di Sabak Bernam RM3 juta, yang kedua terendah ialah Kuala Selangor RM10 juta. Apa kesimpulan daripada tersebut, tetapi kita berharap dengan adanya, jalan besar yang akan berlaku jadi kawasan perindustrian juga dapat dipertingkatkan dan nilai tanah akan meningkat. Kedua, saya juga mencadangkan supaya kita kena bagi peruntukan kepada Sabak Bernam dan Kuala Selangor kerana terdapat 19 000 hektar tanah yang tidak boleh ditukar penggunaan kerana ini kawasan sawah padi. Jadi, oleh sebab itu subsidi kerajaan perlu pergi ke kawasan tersebut untuk menolong meringankan beban kos pentadbiran di sana. Jadi, oleh sebab itu kawasan-kawasan ini dapat kita pantau dan saya juga berharap penduduk-penduduk diminta supaya jangan berlaku penjualan tanah-tanah sebab saya dapati saya menandatangani permohonan untuk menjual tanah di kawasan tersebut dan saya hendak ingatkan Ahli Dewan saya tolak permohonan tersebut sebab, saya ingat masa mereka jual tanah bukan masa sekarang. Jadi, kalau dia *complaint* pada Ahli Dewan tidak apalah! Tapi saya sudah beritahu sebab fikir dia sabar sedikit dari segi pemilikan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta penjelasan lagi.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Mengenai berkenaan masalah tanah di Bagan Nakhoda Omar ini, statusnya masih belum dijelaskan lagi kerana *Time frame* itu berapa lama boleh diselesaikan? Kerana saya tidak boleh jawab. Selalu berhadapan dengan masalah ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya mungkin tahun hadapan kita turun ke daerah dan sebenarnya sebelum saya turun ke daerah maknanya saya sudah ada beberapa perancangan untuk penyelesaiannya. Jadi untuk *convert* tanah pertanian kepada tanah yang untuk tanah yang diganti itu kita kena *convert* tanah itu menjadi tanah pekan. Jadi tanah pekan itu memerlukan masa itu satu pertukaran perancangan, kedua ada perjumpaan masyarakat. Jadi dia memakan masa tiga ke enam bulan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang dulu.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Tuan Pengerusi, Ini berentetan daripada kenyataan Sekinchan.



**TUAN SPEAKER:** Tidak boleh Sekinchan yang boleh mendapatkan penjelasan, nanti Sungai Air Tawar boleh bahas.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ. ABDUL MALIK:** Tak boleh sambung tak

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi Sungai Panjang dulu.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Sikit sahaja Sungai Air Tawar, Izinkan saya turun serta dalam perbahasan ini di peringkat Jawatankuasa merujuk muka surat 339 butiran program 52502 kod objek 30,000.00. Saya nak menyentuh soal tentang dari segi keberkesanan dari segi pentadbiran dengan merujuk kepada efektif kaedah penyampaian terhadap polisi dan dasar berkaitan dengan tanah. Dua minggu lepas saya bertemu dengan satu pasukan yang melabelkan diri mereka Peneroka Kampung Merbau Jaya Am 4 Parit 16, Sungai Panjang. Kawasan ini berhampiran dengan MRSM Sungai Besar dan mereka ini merupakan peneroka yang telah ditanam dengan tanaman sawit lebih daripada sepuluh tahun. Dan saya difahamkan hampir ada 200 orang yang terlibat dan berita yang mutakhir ini disebut tanah itu akan dimajukan oleh pihak PKPS. Begitulah antara butir-butir perbincangan antara saya dengan mereka. Juga saya merujuk kepada satu pasukan yang disebut sebagai peneroka Kampung Parit 14 dan Parit 15 Simpang 5, Sungai Panjang. Yang mana difahamkan ini juga generasi yang kedua terhadap peneroka kawasan sawit jadi soal sama ada polisi dan dasar satu perkara tetapi soal penyampaian apakah sebab mereka menuntut hak mereka itu jadi beberapa perkara ini saya fikir ini mesti diperjelaskan dan dibantu oleh pihak Kerajaan Negeri. Yang ketiga dari soal kebakaran hutan itu sendiri, kebakaran tanah soal ada kaitan sebahagian besar kawasan Sungai Panjang itu sendiri majoriti di kawasan gambut itu sendiri tanaman kelapa sawit. Jadi kalau kebakaran-kebakaran kawasan kebun ini dia mudah berjangkit antara satu sama lain sama ada dia merebak di peringkat atas tanah ataupun peringkat bawah tanah kerana sifat tanah gambut itu yang bersifat sedemikian rupa, jadi isu ini ada kalanya menimbulkan soal krisis di kalangan gundah-gulana di peringkat yang mereka yang punya tanah, soal lambat, soal lewat jadi saya fikir perkara-perkara ini mesti diberi perhatian yang lebih, itu sahaja.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Pengerusi, dari segi dasar orang yang meneroka tanah tidak berhak memiliki tanah, jadi penerokaan itu maknanya tanah itu tanah kerajaan yang sebenarnya kita gunakan perkataan peneroka yang sebenarnya mereka itu ..... maknanya itu sebab ada kalanya bila saya tanya ini tanah siapa, kalau tanah kerajaan dia tiada hak ke atas tanah tersebut. Jadi walau bagaimana pun Kerajaan telah membuat satu dasar bahawa walaupun tanah itu tanah kerajaan kalau mereka telah menduduki untuk rumah lebih daripada 10 ke 15 tahun dia ada hak atas tanah tersebut. Itu boleh kita buat tetapi polisi mereka meneroka tanah kalau kita tidak ada kawalan tentang itu besok dia mungkin akan pergi ke hutan-hutan untuk meneroka jadi itu sebab Kerajaan sekarang mesti mempunyai polisi yang jelas tiada penerokaan,

tidak kita bagi tanah dan kalau dia hendak dia boleh bekerja sebagai orang yang bekerja di atas tanah milikan kerajaan itu sebab kita mula hendak *introduce* atau nak memperkenalkan satu tatacara penggunaan tanah. Dan kedua kita dapati penerokaan tanah-tanah di sebelah hutan mesti mempunyai modal yang sesuai sebab kita kena buat parit yang besar untuk supaya dapat menghadang kebakaran dan juga dapat menakung air tersebut. Jadi bila peneroka membuatnya dia tidak membuat modal-modal yang besar sebabnya sudah tentu mereka kata mereka tidak tahu ini mereka punya atau tidak. Jadi oleh sebab itulah mereka tidak membuat pembaikan ataupun penjagaan tanah yang tersebut. Jadi saya nak mengingatkan Sungai Panjang kita rasa kita akan berjumpa dengan peneroka-peneroka tersebut dan menerangkan kepada mereka tentang tanggungjawab kita dan tanggungjawab Kerajaan dari segi pemberian tanah dan kita telah juga untuk pengetahuan dewan telah juga mengambil tanah yang diterokai oleh FELDA. FELDA meneroka tanah negeri tapi dia tidak membayar apa-apa dan menanam dengan kelapa sawit lepas itu bila kita tahu tanah itu adalah milikan Negeri, kita ambil balik tanah tersebut dan perbetulkan. Kemudian dia kata dia nak pampasan dari tanah yang mereka terokai jawapan kita boleh tapi beritahu pendapatan yang mereka dapat sejak mereka ambil tanah kita tersebut dan kita boleh sesuaikan dengan pampasan yang kita akan beri. Itu teknik yang kita lakukan dan boleh jadi dia kena bayar kita lagi kerana gunakan tanah tersebut. Jadi jawapan saya satu ialah kerajaan negeri mesti memantapkan polisi, kedua dapat menerangkan kepada peneroka dan mencuba mencari jalan supaya pendapatan peneroka tidak terjejas hasil daripada pengusahaan-pengusahaan tersebut, itu yang kita mesti kita selesaikan yang akan lakukan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bagaimana pula dengan respons pentadbiran mengenai kebakaran yang selalu berlaku?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang akan kita selesaikan dengan meminta PKPS menjaga tanah tersebut sebagai contoh saya ingat kita buat program lawatan ke Sabak Bernam di mana kita tunjukkan bagaimana pengurusan pembinaan tanah-tanah dalam kawasan gambut dapat dilakukan dengan menjaga ianya tidak akan, satu api tidak merebak dan air yang kita takung dalam parit-parit tersebut boleh digunakan untuk memadamkan api kebakaran.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Tidak

**TUAN SPEKAR:** Ya Sungai Panjang

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI:** Tidak bolehkah satu *smart partnership* antara peneroka dengan juga pihak PKPS ini dilakukan secara bersama mungkin sebahagian daripada mereka telah meneroka hampir puluhan tahun kemudian ada satu

pasukan lain, jadi satu *partnership*. Kedua-dua entiti ini akan mendapat pendapatan dari segi itu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya akan bincangkan dengan PKPS kedua-dua *smart* itu sebabnya yang kita kena jaga itu sebab dia punya tapi kita saya beritahu supaya mereka kekurangan pendapatan itu sahaja tapi nilai tanah tidak boleh diambil ukuran sebab tanah bukan tanah dia.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sungai Panjang sepatutnya kalau tanah itu PKPS tidak boleh bangkitkan. Sabak Bernam, Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ. ABDUL MALIK:** Terima kasih Pengerusi rentetan daripada

**TUAN SPEAKER:** Muka surat mana?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ. ABDUL MALIK:** Tak rentetan daripada ADUN Sekinchanlah tadi tanah di BNO sebenarnya tanah itu di depan pejabat saya sepatutnya saya sudah bincang dengan Sekinchan untuk melupakan perkara ini. Apa yang saya maklum bahawa memanglah tanah bagan ini dah lama dah.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar bagi ulasan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ. ABDUL MALIK:** Bukan ulasan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Tambahan jadi merujuk muka surat mana untuk pihak kerajaan boleh bahas, boleh bagi jawapan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ. ABDUL MALIK:** B 26,Vot 26

**TUAN SPEAKER:** Muka surat?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ. ABDUL MALIK:** Muka surat 339.

**TUAN SPEAKER:** Butiran dan kod?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ. ABDUL MALIK:** 525200 tanah.

**TUAN SPEAKER:** Ok teruskan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ. ABDUL MALIK:** Terima kasih Puan Pengerusi kenapa saya maklum bahawa perkara ini telah pun dibawa berkali-kali oleh Sekinchan begitu juga dengan Kampung pada masa yang lepas. Kita sedia maklum bahawa tanah telah juga dipohon oleh rakyat di DUN Sungai Air Tawar iaitu tanah di Sungai Air Tawar utara kalau nak ditukar hak milik tadilah. Di mana tanah ini juga telah dipohon oleh rakyat Sungai Air Tawar untuk dijadikan perumahan dan apa yang saya maklum telah

membayar 350 kemudian akhirnya Kerajaan telah jadikan tanah tersebut sebagai tanah PKPS. Adakah dengan kadar ini boleh jadikan di mana nanti tanah di BNO itu ditukar statusnya dengan tanah Sungai Air Tawar utara itu sahaja terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Nanti saya akan, saya tidak dapat maklumat yang terperinci tentang perkara ini pemilik saya masih cuba ingatkan hasil percakapan mereka tapi 300 ringgit ini tidak, sudah dibayar balik kepada peneroka-peneroka tersebut bukan diambil oleh Pejabat Daerah tidak.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ. ABDUL MALIK:** Dato Menteri Besar sebenarnya PKPS telah pun membayar 500 kepada pemohon-pemohon ini sangat baiklah bayar 300 dapat 500 dan saya nyatakan tadi mungkin boleh diguna pakai status pertukaran hak milik tanah tadi di tanah BNO tadi bagan di tanah Sungai Air Tawar utara.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Pengerusi saya kena selidik ini sebab tanah BNO ini unik ia tanah kawasan Melayu jadi dan kawasan Melayu macam mana kawasan Melayu bandar pula bukan kawasan Melayu kampung bukan itu sebab saya kena ubah jadi saya tidak nak ubah jadi kampung tapi saya ubah cari tanah kampung jadikan dia bandar untuk kawasan Melayu itu cara kita.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B 26 iaitu wang sejumlah RM11,634,823.00 untuk kepada B26 Pejabat Tanah dan Daerah Sabak Bernam di sebahagian daripada jadual. Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B 27 Jabatan Kehakiman Syariah RM30, 662,546.00

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Pengerusi, kelmarin kita dimaklumkan bahawa jumlah kadar penceraian di Negeri Selangor kian meningkat. Muka surat 347, 541002 RM20,000.00 soalnya ialah kalau lihat kakitangan Jabatan Kehakiman ialah hanya 260 orang, jadi dengan jumlah *work load* yang meningkat apakah usaha-usaha jabatan berkenaan supaya mempercepatkan kes-kes tertangguh di Mahkamah Syariah ini. Kemudian terdapat juga mereka yang dijatuhkan hukuman untuk bayar nafkah gagal untuk bayar nafkah. Jadi apakah tindakan Mahkamah Syariah menangani isu-isu ini sepejabat DUN Kota Anggerik sering didatangi oleh ibu-ibu tunggal yang mana Kota Anggerik sangat simpati dengan mereka. Jadi usaha-usaha untuk mempercepatkan sebab kes-kes Mahkamah Syariah ini berlanjutan panjang, jadi apakah usaha-usaha Mahkamah Syariah dalam menyelesaikan masalah ini.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih kepada Kota Anggerik di atas beberapa permohonan penjelasan berkaitan kes yang tertangguh. Memang kita memaklumi bahawa Mahkamah Syariah Selangor menghadapi kes-kes yang tertangguh dan telah kita bangkitkan dalam Mesyuarat STANDCO dan kita akan cuba meneliti untuk mengemukakan permohonan bagi tambahan pegawai-pegawai, bagi kita menyelesaikan atau pun mempercepatkan penyelesaian terhadap kes-kes yang tertangguh. Ada pun soal dan *insya-Allah* kita akan dapat menyelesaikan sebahagian yang banyak merujuk masalah-masalah ini ke Kota Anggerik. Tapi kalau Kota Anggerik dapat menyelesaikan sebahagian masalah ini dipersilakanlah.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Puan Pengerusi ingin saya menambah.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Ok saya juga tak tahulah apa matlamat tersirat Kota Anggerik tetapi saya hanya ingin memberikan sedikit penjelasan tentang, sebenarnya di dalam *Insya-Allah* tak sangkaan jahat tetapi sangkaan yang baik. Saya sebenarnya nak memberitahu di bawah Jabatan Kehakiman sebenarnya ada satu untuk mereka yang beragama Islam, ada satu program iaitu Bantuan Sokongan Keluarga. Yang sebenarnya diwujudkan bagi membolehkan isteri-isteri yang telah pun bercerai dapat menuntut nafkah untuk diberikan kepada anak-anak jika suami mereka itu tidak bertanggungjawab untuk memberikan nafkah. Jadi di bawah Bantuan Sokongan Keluarga ini ianya dapat memberikan bantuan pendahuluan nafkah sebanyak jumlah nafkah yang diperintahkan oleh Mahkamah kepada si pemberi nafkah itu. Dan ianya diberikan pendahuluan sebanyak enam bulan sehingga suatu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Jawatankuasa yang dilantik. Maknanya kalau tidak ada masalah kes di Mahkamah, jika berlakunya satu perintah ianya perlu dilaksanakan. Kalau tidak dilaksanakan maknanya bekas suami atau pun waris itu perlu didakwa untuk memastikan anak-anak tidak terbiar. Jadi hakikatnya yang saya lihat di sini di sudut pengurusan itu atau pun akta dan penguatkuasaan telah ada tinggal lagi kemungkinan saya tidak pasti sama ada orang penguat kuasa iaitu Peguam Syarie yang dilantik itu mampu untuk melaksanakan program itu, jadi kita perlu ada perbincangan yang lebih lanjut dengan pihak Mahkamah sebenarnya. Jadi isu ini nampak, penceraian semakin bertambah tetapi ia bukan masalah penceraian itu tapi masalahnya pembelaan terhadap anak-anak untuk masa depan mereka. Itu jawapan saya.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH:** Terima kasih Puan Pengerusi. Kota Anggerik bercakap saja tapi tak berani buat. Saya ingin turut serta dalam perbahasan tajuk ini 349 halaman 349, Kepala 541001 – Pentadbiran. Mahkamah Syariah ini adalah Mahkamah yang sangat rapat dengan keluarga Muslim yang menjadi tempat

penggantungan jawapan bagi permasalahan yang mereka hadapi. Harus diingat bahawa Mahkamah Syariah bukan sekadar untuk membantu berkahwin atau soal-soal penceraian, Mahkamah Syariah juga berkaitan dengan soal-soal pusaka dan juga harta-harta yang hasil daripada perkahwinan. Oleh kerana ia melibatkan perkara ini ia termasuk dalam bab yang menyukarkan jiwa dan raga seseorang pelanggan di Mahkamah Syariah. Oleh kerana ia melibatkan keresahan saya percaya Mahkamah Syariah harus diletakkan sebagai satu Jabatan yang mesti bersifat mesra rakyat yang sesuai dengan hadis Nabi Rasulullah ada menyebut (*bacaan hadis*) yang bermaksud permudahkan jangan susahkan mereka, berikan khabar gembira, jangan menakutkan mereka. Ini harus dipegang di dalam Mahkamah Syariah. Saya ingin menarik perhatian tentang mesra pelanggan ini atas dua perkara. Yang pertama beberapa urusan pengadilan dalam mahkamah oleh Hakim-hakim Syarie yang sebahagian mereka tidak mesra pelanggan, bukan semua sebahagian mereka. Saya percaya harus diajar dan dikursuskan beberapa pegawai ini supaya lebih sayangkan pelanggan. Pelanggan datang daripada jauh datang dengan masalah yang memberatkan jiwa raganya, tiba-tiba masuk mahkamah tak selesai masalah mereka.

Dan juga masa bersidang dalam mahkamah, di mana bermula pada jam 9.00 pagi, berakhir tengah hari sekiranya pelanggan datang lewat tak dipanggil kes itu. Pulang semula mereka, bayangkan kalau datang daripada Sabak Bernam, Hulu Selangor, Kajang datang dengan *traffic jam* lewat sampai pukul 10.00 pagi. Kes telah dipanggil seawal jam 9.00 pagi dan mereka tak dipanggil semula akhirnya mereka balik jam 10.00 pagi itu ke Sabak Bernam, Hulu Selangor balik. Datang bulan depan datang balik sama juga situasinya akhirnya mereka balik berkali-kali. Saya telah fikir ini cara yang terbaik untuk kita membantu anak negeri ini yang ada masalah di Mahkamah Syariah. Saya percaya bahawa ada kelonggaran harus dibuat di situ supaya hakim-hakim boleh bersidang dalam waktu yang fleksibel untuk membantu menyelesaikan masalah ini. Pernah berlaku apabila kes terlalu banyak di Mahkamah Syariah, pentadbiran Mahkamah Syariah mencadangkan ada sidang sebelah malam. Walau pun tidak berjaya dilaksanakan tetapi itu percubaan yang sangat baik bagi saya. Ia harus dipertimbangkan semula fleksibiliti persidangan di Mahkamah Syariah bagi membantu pelanggan-pelanggan yang datang daripada jauh dan dekat.

Yang kedua tentang kaunter pelanggan ada kebanyakan Mahkamah Syariah bentuknya adalah tidak lebih daripada 2 tingkat. Dan oleh kerana tidak lebih dari 2 tingkat urusan pelanggan kebanyakannya diletakkan di tingkat yang bawah. Ini memudahkan pelanggan tetapi Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam tidak berlaku begitu, berada di tingkat 3, tingkat 5. Saya melihat ada kekangan tentang mesra rakyat di sini kerana mereka terpaksa naik ke tingkat yang lain tingkat yang lebih tinggi untuk memulakan penyelesaian urusan mereka. Alangkah bagusnya dan gembiranya rakyat kita kalau kita memudahkan mereka dengan meletakkan kaunter-kaunter di sebelah bawah, bagi

memudahkan mereka sekurang-kurangnya menyelesaikan masalah awal mereka bertanya ke mana nak pergi untuk memulakan kes mereka.

Yang ketiga tentang kedudukan bidang kuasa Mahkamah Tinggi dan kedudukan Mahkamah Tinggi. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah adalah menguruskan kes-kes yang bernilai RM100,000 ke atas dan atau melibatkan *fixed asset* dengan izin iaitu harta-harta tetap. Dan kedudukan Mahkamah Tinggi Syariah hanya satu iaitu di Shah Alam dan saya suka menarik perhatian supaya ada usaha yang sungguh-sungguh untuk mempercepatkan bagi meletakkan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi di Shah Alam ini ke daerah-daerah. Pergi satu masa mungkin seminggu sekali atau dua minggu sekali mereka turun daerah Sabak Bernam misalnya, Kuala Selangor misalnya, Kuala Kubu misalnya. Turun Hakim Mahkamah Tinggi ini menyelesaikan masalah pelanggan di sana kerana isu yang berbangkit adalah sekitar-sekitar tempat tinggal. Sekiranya mereka terpaksa datang ke Mahkamah Tinggi Shah Alam bermaksud semua daerah rakyat di sana akan bertumpu ke Shah Alam dan menyukarkan mereka terutama yang tua-tua. Ini melibatkan warga emas kerana kebanyakan kes-kes yang melibatkan kematian dan harta pusaka, ramai yang melibatkan warga emas. Saya percaya bahawa negeri yang prihatin melihat perkara ini sebagai serius dan membantu mereka memudahkan mereka dengan kita meletakkan mengutuskan hakim-hakim Mahkamah Tinggi di daerah-daerah. Saya mohon penjelasan daripada kerajaan, terima kasih.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih kepada Bangi. Pertama sekali soalan berkaitan dengan hakim yang mesra pelanggan ini akan lebih menyelesaikan banyak masalah keresahan. Itu saya mengakuilah tetapi hakim juga tidak boleh terlalu mesra dengan pelanggan tetapi apa pun hakim ini dia ada etika kehakiman yang perlu dipatuhi. Jadi yang itu yang perlu kita jaga pada hakim-hakim kita. Dan begitu juga yang berkait dengan soal bersidang waktu malam dan siang ini kita hanya melaksanakan bahawa ada hakim yang akan mengendalikan kes pada waktu siang dan berlainan hakim akan mengendalikan kes pada waktu malam. Dan apa pun sebenarnya memang kita mengakui bahawa keperluan terhadap hakim ini adalah suatu yang amat mendesak juga sebab kita hakim ini memerlukan masa untuk yang cukup untuk membuat semakan dan *study* kepada kes-kes tertentu. Jadi sebab itu yang ini yang hakim perlu meneliti satu-satu kes sebelum ianya diputuskan. Sebab itu apa pun kekurangan pegawai ini akan cuba kita tangani melalui cadangan baru untuk penempatan beberapa pegawai. Dan begitu juga soal pejabat di tingkat yang dicadangkan tadi di Mahkamah Tinggi Shah Alam ini itu saya kira soal yang agak teknikal yang tidak menjadi masalah kalau dilihat bahawa cadangan itu lebih praktikal untuk diletakkan di bahagian bawah. Dan begitu juga untuk mempercepatkan hakim-hakim Mahkamah Tinggi ini untuk giliran ke kawasan-kawasan, ini juga satu cadangan yang baik tetapi apa pun ianya akan melihat kepada soal keberkesanan kes yang banyak juga tertanggung di peringkat Mahkamah Tinggi di Syariah di Shah Alam itu

sendiri. Jadi apa pun ini juga saya kira sebagai soal teknikal yang boleh dibincangkan di dalam konteks bersama hakim itu sendiri, sekian.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Saya merujuk muka surat 347 Butiran Program 541001 dan 541002 berkenaan dengan seperti mana yang disebutkan oleh rakan-rakan kita tadi berkenaan dengan banyak kes yang tertangguh tapi saya begitu teruja sebab melihat jumlah peruntukan mengurus yang meningkat tersangat mendadak tinggi daripada 10 juta kepada 30 juta. Jadi itu mungkin ada taksiran yang boleh diberikan rasa positif di atas kes-kes yang tertunggak, terima kasih.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Untuk pengetahuan Taman Templer mengurus tinggi itu sebenarnya adalah bayaran yang sepatutnya dulu diletakkan bayaran *DOT Will Separate Transfer* ini yang telah berlaku sebelum pada 2008 lagi bahawa kerajaan perlu membayar *DOT* setiap bulan yang jumlahnya lebih kurang 17 juta lebih setahun selama lebih kurang 20 tahun. Maka dulu diletakkan di bawah pembangunan tetapi sekarang terus diletak di bawah pengurusan yang kena di bayar pada setiap tahun. Sebab itu angka bagi mengurus nampak kenaikan yang terlalu tinggi tapi sebenarnya adalah lebih kurang sahaja sebab itu hanya pembahagian apabila telah di *transfer* kepada mengurus daripada pembangunan. Dan mengurus hanya diletakkan sebagai token saja. Sebab sekarang pun semua pembinaan Mahkamah Rendah Syariah ini telah dilakukan dan yang terakhir adalah di Gombak yang menunggu tarikh siap dalam masa yang terdekat, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih, Puan Pengerusi walau pun saya tidak mengamal undang-undang syariah tapi saya ada soalan yang hendak bertanya berkenaan saya merujuk kepada muka surat 347 berkenaan program 54100. Saya ingin mengetahui bahawa sama ada pihak Kerajaan memberi bantuan guaman percuma kepada sesiapa rakyat Selangor yang berpendapatan rendah kerana seperti Biro Guaman yang ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat dan juga Pusat Bantuan Guaman yang ditubuhkan oleh Majlis Peguam Malaysia mereka ada memberi bantuan peguam memberi peguam percuma untuk sesiapa yang memerlukan yang berpendapatan rendah jadi ini soalan pertama yang ingin saya tahu.

Yang ke-2, selalunya kita menerima soalan tentang isu syariah tetapi untuk saya tidak tahu mana untuk merujuk kerana kalau untuk undang-undang biasa rakyat boleh merujuk kepada Majlis Peguam tapi untuk kalau ada isu berkenaan undang-undang syariah adakah mana-mana tempat yang boleh mereka menghubungi untuk mendapatkan nasihat dan terakhirnya saya ingin menyatakan sedikit berkenaan dengan tempat yang tadi disebut oleh Bangi tadi bangunan Mahkamah Shah Alam.



Masalahnya sebenarnya Mahkamah Syariah berada di Tingkat 3, tetapi lifnya walau pun ada tiga (3) tidak berfungsi, tiga-tiga pun tidak berfungsi jadi saya difahamkan ini adalah di bawah jabatan, di bawah Kementerian Pusat jadi saya tak tahu apa perbincangan yang selalu diadakan di antara pihak Kerajaan Negeri dengan Kementerian berkenaan untuk membincangkan isu ini kerana saya rasa ini adalah untuk kepentingan semua penduduk di Selangor kerana untuk menghadiri Mahkamah Shah Alam terutamanya di Mahkamah Tinggi, kalau nak pergi Tingkat 7, Tingkat 6, lif tidak berfungsi dokumen yang banyak susah nak naik.

Saya pun selalu ada masalah sebegitu walau pun saya muda lagi tapi ini saya adalah isu yang sebenarnya mengalami oleh sesiapa yang menghadiri terutama menghadiri Mahkamah Syariah di Mahkamah Tinggi Shah Alam itu soalan saya. Terima kasih Puan Pengerusi

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih kepada Pandamaran, walau pun sebenarnya isu Mahkamah Syariah walau pun tidak mengamal apa ini syariah tapi tidak semestinya perlu juga mengambil tahu ini kerana ia di dalam bidang masyarakat persekitaran kita. Persoalan peguam untuk peguam ini sebenarnya bukan dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah itu sendiri sebab peguam tetapi boleh mendapatkan khidmat dari peguam-peguam syarie itu terpulang dan kita pun memang ada beberapa peguam syarie ada ketikanya boleh memberikan kita percuma, dalam beberapa kes tetapi itu tidak dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah jadi boleh kita di Selangor pun mempunyai peguam syarie yang ramai untuk dan sebahagiannya juga pernah memberikan khidmat guaman secara percuma, dan yang sebagaimana yang saya sebut yang ke-2 tadi ialah persoalan yang saya kira lebih kepada soal teknikal lah jadi yang ini boleh kita cuba bincangkan supaya untuk lebih efektif, lebih efisien lagi untuk mempercepatkan dan lebih mesra kepada pelanggan sendiri, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jadual B.27 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Tiga Puluh Juta Enam Puluh Dua Ribu Lima Ratus Empat Puluh Enam (RM30,662,546) untuk kepala B.27 – Jabatan Kehakiman Syariah menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual B.29 – Perbendaharaan Negeri Perbelanjaan Am Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Juta (RM70,000,000)

**TUAN SPEAKER:** Jadual B.29 iaitu wang sejumlah Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Juta (RM70,000,000) untuk Kepala B. 29 – Perbendaharaan Negeri Perbelanjaan Am menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jumlah Perbekalan Ringgit Malaysia Satu Billion, Tujuh Ratus Tiga Puluh Satu Juta, Sembilan Ratus Enam Puluh Enam Ribu, Empat Ratus Tujuh Puluh Tujuh (RM1,731,966,477)

**TUAN SPEAKER:** Jumlah Perbekalan Ringgit Malaysia Satu Billion, Tujuh Ratus Tiga Puluh Satu Juta, Sembilan Ratus Enam Puluh Enam Ribu, Empat Ratus Tujuh Puluh Tujuh (RM1,731,966,477) menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 1 dan Fasal 2

**TUAN SPEAKER:** Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual

**TUAN SPEAKER:** Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Pengerusi saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada dewan sekarang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Puan Pengerusi saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Puan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Perbekalan dan telah dipersetujui tanpa apa-apa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Puan Pengerusi saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Bekalan (2014) 2013.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah menunjukkan pukul 6.00 jadi saya tangguhkan Dewan ke hari esok 27hb November 2013 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**[ Dewan ditangguhkan jam 6.10 petang ]**